

**Jilid III
Bil. 19**



**Hari Jumaat
10hb April, 1981**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2453]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) [Ruangan 2499]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 2548]

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SWEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).

- Yang Berhormat DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J.,
P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K.
(Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P.
(Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P.
(Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.
(Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J.
(Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.
(Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.
(Rantau Panjang).

Yang Berhormat TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).

- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATUK JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K.
(Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.
(Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N.,
S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH,
D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J.
(Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S.,
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

Yang Berhormat TUAN P. PATTO (Menglembu).

- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting : Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 10hb April, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua Mepengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN
ASEAN PREFERENTIAL TRADE
AGREEMENT (PTA)**

1. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan bahawa ASEAN dikenal di seluruh dunia pada masa ini, sejauh manakah projek-projek atau rancangan jangka panjang iaitu pelaksanaan "Asean Preferential Arrangements" (Inter-ASEAN Trade and Economic Strength) yang telah diperolehi oleh negara-negara Asean setelah diketahui bahawa (71 products, trade concessions and preferences were exchanged) tambahan kepada 755 barangan yang telah diluluskan dalam tahun 1978. Adakah barangan ini dipasarkan ke Eropah (negara-negara EEC) dan negara-negara lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, "ASEAN Preferential Trade Agreement" (PTA) telah ditandatangani di Manila pada 24hb Februari, 1977 berkaitan dengan keputusan yang telah dicapai oleh Mesyuarat Ketua-ketua Negara ASEAN pada 1976. Objektif PTA ialah sebagai penggerak untuk menguatkan ekonomi ASEAN dan nasional secara berdikari dan pembangunan material dan ekonomi tiap-tiap negara ahli ASEAN melalui perkembangan pelaburan, peluang-peluang pengeluaran dan pendapatan melalui pertukaran asing. Perjanjian tersebut akan memberi kelonggaran dan potongan harga bagi

barang-barang perdagangan antara negara-negara ASEAN sahaja.

PTA menggariskan tatacara yang boleh diberikan kelonggaran dan potongan harga kepada beberapa jenis barangan untuk dieksport kepada negara-negara ASEAN termasuk barang-barang keperluan, barang-barang untuk perindustrian, barang-barang buatan negara-negara ASEAN dan lain-lain jenis barang yang digunakannya oleh negara-negara ASEAN.

Perjanjian ini pada hakikatnya merupakan langkah yang pertama untuk meluaskan perdagangan secara liberal di rantau ASEAN yang kemudian kelak akan menjadi satu Kawasan Dagangan yang Bebas yang mana sekatan-sekatan perdagangan dan tariff kastam akan dihapuskan.

Perjanjian ini telah dilaksanakan pada 1hb Januari, 1978 yang mana kumpulan pertama mengandungi 71 jenis barangan. Mulai September 1978, sebanyak 755 jenis barangan telah diluluskan yang pada keseluruhannya berjumlah 826.

Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN Kesembilan dan Kesepuluh pada tahun 1980 telah meluluskan tambahan kepada beberapa jenis barangan ke dalam PTA yang keseluruhannya berjumlah 5,825 jenis. Barangan-barangan yang telah ditukarkan di bawah PTA sebelum ini telah menikmati ruang keutamaan (margin of preference) di antara 10% hingga 20%. Tetapi, Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN Kesepuluh tahun lepas telah memutuskan untuk mengurangkan tariff dengan lebih lagi terhadap jumlah bilangan jenis barangan yang ditukar di bawah PTA. Ini bertujuan untuk menggalakkan perdagangan yang luas antara negara-negara ASEAN.

Dalam objektif untuk memperluaskan perdagangan di kalangan rantau ASEAN secara liberal, negara-negara ASEAN juga telah memulakan langkah-langkah lain untuk mengurangkan sekatan yang bukan bercorak cukai (non-tariff barriers) seperti kelonggaran quota-quota import, tatacara pelesenan import dan pertukaran rombongan perdagangan ke mana-mana negara ASEAN. Langkah-langkah yang diambil baru-baru ini adalah di dalam bidang "ASEAN Industrial Complementation Scheme" mengenai perindustrian kenderaan motor.

Mengenai soalan sama ada barangan tersebut dipasarkan ke Eropah (negara-negara EEC) dan negara-negara lain, memang terdapat di antara 5,825 jenis barangan itu dipasarkan ke negara-negara lain sebagai contohnya, dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1980, ASEAN telah mengeksport sebanyak 82% kepada negara-negara EEC berbanding dengan tahun 1977 dan 1979 yang berjumlah 58.32%.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana pihak Setiausaha Parlimen sedar PTA ini adalah merupakan langkah yang seelok-eloknya untuk menuju ke arah pasaran bersama ASEAN pada satu hari nanti. Pada tiap-tiap kali bila ada mesyuarat mengenai PTA ini terdapat berbagai-bagai masalah yang dibangkitkan oleh satu dua negeri ASEAN. Apakah perkara yang selalunya menjadi masalah dalam meluaskan kategori barang-barang dalam arrangement PTA ini dengan seluas-luasnya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali suka saya menyatakan bahawa antara ahli-ahli ASEAN sama ada peringkat perancangan mengenai ekonomi ataupun perancangan-perancangan yang lain biasanya kita mencapai persetujuan pada akhirnya.

Dan berhubung dengan masalah-masalah yang biasa dihadapi dalam perbincangan-perbincangan semacam ini kita hendaklah faham bahawasanya kelima-lima negara ASEAN ini khususnya Thailand, Malaysia, Filipina, Indonesia mempunyai barang-barang yang seolah-olah sama dengan barangan-barangan negara-negara ASEAN

yang lain. Dalam perkara inilah soal PTA ini menjadi masalah.

Walau bagaimanapun, kita akan meneruskan perbincangan kita sehingga kita sampai kepada satu persetujuan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masalah rancangan-rancangan jangka panjang kerjasama ASEAN ini, adakah sesuatu perbincangan sudahpun diadakan untuk mengadakan persamaan dalam bahan-bahan penting dalam konteks pembangunan, misalnya, dalam bahan binaan?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah masalah perbincangan, memanglah kita bincang perkara-perkara yang semacam ini sebab ini adalah perkara yang penting. Soalnya persetujuan atau apapun yang akan kita capai itu terpulanglah kepada bagaimana kerapnya kita mengadakan perjumpaan itu.

KILANG PENAPIS MINYAK—DI MELAKA

2. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan bilakah rancangan pembinaan penapis minyak akan dijalankan di Melaka, berapakah peluang pekerjaan akan dicipta, berapakah kapital akan ditanam dan bilakah projek ini akan disiapkan, apakah bangunan sama ada kewangan ataupun infrastruktur akan diberikan kepada Negeri Melaka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu pihak PETRONAS telahpun memulakan kerja perancangan peringkat awal untuk membina kilang penapis minyak di Melaka. Kerja pembinaan dijangka akan dimulakan pada penghujung tahun 1983 dan akan siap pada tahun 1986. Dengan pembinaan kilang penapis ini lebih dari 2,000 orang akan diambil bekerja dalam tempoh punca pembinaan dan lebih kurang 500 orang di masa operasi. Jumlah pelaburan modal yang akan ditanam dikira pada harga penggal pertama 1981 adalah antara US\$800 juta sehingga US\$1,000 juta.

Faedah yang akan dinikmati oleh negeri Melaka hasil dari pembinaan kilang penapis

ini dapat dilihat dalam beberapa aspek. Di antaranya ialah hasil dari perbelanjaan yang akan diperolehi oleh mereka yang terlibat. Kesan pengganda akan timbul apabila kontraktor, pekerja-pekerja teknikal dan buruh membelanjakan wang mereka di Melaka. Aktiviti-aktiviti baru seperti kerja-kerja kejuruteraan dan pengendalian yang kecil-kecilan akan timbul apabila kilang penapis memulakan operasi. Pada peringkat yang tetap pekerja-pekerja yang akan mengendalikannya kilang penapis ini akan terus mempertingkatkan kuasa perbelanjaan. Dari segi infra-struktur pula kilang penapis ini akan memerlukan pembaikan jalanraya, pembinaan rumah-rumah baru dan kemudahan perkapalan. Walau bagaimanapun perlu ditekankan iaitu salah satu dari faktor-faktor memilih negeri Melaka menjadi tapak kilang penapis ini ialah kerana infra-struktur yang baik.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu di manakah tapak kilang penapis minyak ini akan diadakan dan berapakah luasnya tapak ini sudah diambil oleh Kerajaan?

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua ini sedang dikaji.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Kilang penapis minyak yang akan dibina di Melaka ini kelak, adakah untuk menapis minyak yang datang dari laut Trengganu ataupun untuk menapis minyak yang diimport dari luar negeri?

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar minyak mentah akan diimport daripada luar negeri dan sebahagian yang kecil akan datang dari negeri Trengganu.

GULA—PERCANGGAHAN DALAM KENYATAAN

3. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar sering berlaku percanggahan dalam kenyataan di antara seorang Menteri dengan Menteri lain dan kadang kala di antara Kementerian-kementerian pun pengumuman mereka berlainan umpamanya mengenai kenaikan harga gula. Ada Menteri

mengatakan naik dan ada pula yang mengatakan sebaliknya. Ini akan menimbulkan kekeliruan sesama rakyat. Tidakkah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan semua dasar-dasar sebelum sebarang pengumuman dibuat di masa yang akan datang.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sehingga masa ini pihak Kerajaan belum menerima maklumat rasmi mengenai adanya berlaku percanggahan dalam kenyataan sama ada perkara dasar atau sebagainya. Apa yang mungkin berlaku ialah tafsiran umum yang salah atau kenyataan Menteri-menteri yang salah difahamkan. Mengenai harga gula, apa yang dimaksudkan ialah untuk mententeramkan keadaan pasaran dalam negara pada sesuatu ketika yang tertentu supaya pengguna-pengguna tidak akan membeli lebih dari apa yang diperlukan.

Mengenai penyelarasan dasar-dasar Kerajaan ianya telahpun dibuat selama ini supaya pengumuman serta penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan.

PERDAGANGAN ASEAN—EEC

4. **Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah negara-negara ASEAN mencapai kejayaan dalam perdagangannya dengan negara-negara E.E.C. jika berjaya sejauh mana dan adakah sebarang deficit yang belum dijelaskan dan berapakah pembayaran deficit yang belum dilaksanakan kepada Malaysia sehingga tahun 1980.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, EEC adalah merupakan rakan perdagangan ASEAN yang ketiga pentingnya selepas Jepun dan Amerika Syarikat. Eksport negara-negara ASEAN ke EEC telah bertambah dari 5,376 juta dollar Amerika dalam tahun 1978 kepada 7,322 juta dollar Amerika dalam tahun 1979, sementara import ASEAN dari EEC juga bertambah dari 4,899 juta dollar Amerika dalam tahun 1978

kepada 5,864 juta dollar Amerika dalam tahun 1979.

Imbangan perdagangan adalah menguntungkan pihak negara-negara ASEAN, iaitu sebanyak 477 juta dollar Amerika dalam tahun 1978, dan bertambah menjadi 1,458 juta dollar Amerika dalam tahun 1979. Berdasarkan kepada angka-angka yang dinyatakan di atas perdagangan di antara ASEAN dengan EEC boleh dianggap mencapai kejayaan. Dengan ditandatangani Perjanjian Kerjasama di antara ASEAN dengan EEC pada bulan Mac, 1980, adalah dijangkakan kerjasama perdagangan di antara ASEAN dan EEC dapat ditingkatkan lagi.

Malaysia tidak mengalami deficit dalam perdagangannya dengan EEC. Imbangan perdagangan tetap terus menguntungkan pihak Malaysia, iaitu sebanyak 652.9 juta ringgit dalam tahun 1978, dan bertambah menjadi 1,289.2 juta ringgit dalam tahun 1979. Dalam tahun 1980 (Januari—Jun) pula, imbangan perdagangan ialah sebanyak 662.2 juta ringgit menguntungkan Malaysia.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada sebarang peraturan perdagangan terpilih (Preferential Tariff Arrangement) di antara ASEAN dengan negara EEC.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pada peringkat kerjasama serantau antara ASEAN dengan EEC, belum ada lagi kemudahan seperti Preferential Tariff Arrangement di antara kedua-dua rantau tersebut. Walau bagaimanapun telah ada perjanjian kerjasama antara ASEAN dan EEC yang ditandatangani pada bulan Mac, 1980 di Kuala Lumpur. Dan ini merupakan pertama kalinya perjanjian serupa itu diadakan di antara EEC dengan mana-mana kumpulan serantau. Perjanjian ini telah meletakkan hubungan kerjasama di antara ASEAN dengan EEC ketaraf yang lebih formal dalam bidang perdagangan ekonomi dan pembangunan. Jadi setakat ini, kita mengharapkan dengan adanya perjanjian kerjasama yang telah dibentuk itu, ASEAN akan mencapai satu peringkat kerjasama yang lebih rapat dengan EEC di mana soal Preferential Tariff Arrangement ini boleh

dibincang dan dilaksanakan demi kepentingan kedua-dua organisasi serantau itu.

PINJAMAN PERUMAHAN

5. Tuan Lee Kaw minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar kebanyakan bank-bank tidak memberi pinjaman-pinjaman terutama sekali pinjaman-pinjaman perumahan atas sebab-sebab yang hanya diketahui mereka dan ini telah menjejaskan pembeli-pembeli rumah yang membeli rumah bagi kali yang pertama; jika ya, apakah tindakan Kementerianya bercadang untuk mengatasi masalah selain dari arahnya yang tidak berkesan dan tidak dapat dikuatkuasakan.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telahpun dijawab pada 6hb April yang lepas, jadi saya tidak bertujuan mengulangi jawapan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Hussein bin Mahmood.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin, soalan No. 6.

MAS—KESELAMATAN PENUMPANG

6. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) untuk menjamin keselamatan penumpang-penumpang dan kakitangan MAS sendiri sewaktu di dalam penerbangan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, MAS sebagai sebuah syarikat penerbangan antarabangsa sentiasa menjamin keselamatan penumpang-penumpang serta anak-anak kapalnya dalam setiap penerbangan. Setiap operasi MAS terhadap penyelenggaraan pesawat, adalah dikendalikan dengan begitu cermat mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa penerbangan awam dan juga mengikut amalan-amalan antarabangsa yang dipakai oleh setiap syarikat penerbangan

antarabangsa yang lain. Selain dari itu, anak-anak kapal serta kakitangan-kakitangan yang berkenaan telahpun dilatih dengan secekap-cekapnya mengikut kehendak-kehendak taraf antarabangsa.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum soalan tambahan, saya hendak menerangkan ada terjadi jurucakap Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telah menerangkan kepada penumpang-penumpang yang menyusahkan hati mereka termasuk saya iaitu apakala pemberitahuan sebab-sebab kelewatan, jurucakap itu menyatakan: "Pesawat MAS didapati ada kerosakan pada enjinnya, diharap penumpang-penumpang bersabar, juruternya sedang memperbaiki kerosakan tersebut". Soalannya bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan kata-kata seperti ini tidak usah dilafazkan atau memberi alasan-alasan yang lain.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya meminta maaf kepada Ahli Yang Berhormat kalau MAS telah menyusahkan beliau. Untuk tindakan yang sewajarnya saya mintalah Ahli Yang Berhormat memberi butir-butir yang tertentu supaya pihak berkuasa dapat mengambil tindakan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sama ada setakat hari ini terdapatnya kesan-kesan di mana mereka yang membawa senjatapi dapat melalui sekatan-sekatan keselamatan melalui lapangterbang-lapanganterbang MAS di Semenanjung ini.

Kedua, apakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kadangkala pegawai-pegawai keselamatan wanita ditugaskan memeriksa penumpang-penumpang lelaki dan mungkin juga di sebaliknya. Apakah kiranya beliau sedar perkara ini dapat diperbaiki supaya seharusnya pegawai-pegawai keselamatan wanita memeriksa wanita dan pegawai keselamatan lelaki memeriksa penumpang-penumpang lelaki.

Tuan Yang di-Pertua: Landasan keretapi melalui Mas ini dekat mana?

Tuan Hussein bin Mahmood: Ya!

Tuan Yang di-Pertua: Soal yang pertama tadi, fasal keretapi saya dengar.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, bukan keretapi tetapi lapanganterbang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya!

Tuan Hussein bin Mahmood: Senjatapi.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! senjatapi. (*Ketawa*) Ini saya fikir ada sedikit kerosakan pada sistem pendengaran, cuba betulkan sedikit, berlainan bunyinya dari sini. Ya, sila Yang Berhormat.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar dan Kementerian saya tidak sedar bahawa ada orang yang melanggar undang-undang berkenaan dengan senjatapi apabila berada dalam pesawat MAS tanpa tindakan yang sewajarnya diambil terhadap pihak yang berkenaan.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Jabatan Penerbangan Awam yang ditugaskan menjaga keselamatan di dalam lapanganterbang-lapanganterbang Malaysia pun telah dilengkapi dengan alat-alat yang diperlukan dan juga telah dilengkapi manpower yang boleh dikatakan mencukupi dan mereka telah bertugas dengan cergas.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa penumpang wanita patutlah diperiksa oleh pegawai keselamatan wanita dan sebagainya, Kementerian saya akan mengambil perhatian dan memberi pertimbangan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, satu soal yang mustahak berkenaan dengan keselamatan untuk penumpang-penumpang dan anak-anak kapalterbang ialah berkenaan dengan perbuatan merampas kapalterbang (*hijacking*). Dari segi ini suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Syarikat Penerbangan MAS dengan kerjasama daripada Badan

Antarabangsa untuk mencegah perbuatan merampas kapalterbang.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa tidak kira di mana-mana pun sentiasa bekerjasama mencegah hijacking seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Bagi pihak MAS, kakitangan-kakitangan MAS yang bertugas dalam pesawat-pesawatnya semuanya diberi latihan anti-hijacking.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah benar alat pengesan keselamatan ini iaitu komputer yang dibeli itu adalah merupakan alat yang kurang baik dan kurang sensitive, jika kita bandingkan dengan alat-alat yang sepatutnya, kita beli dan jenis yang boleh mengesan lebih baik. Sekiranya benar apakah pihak Kementerian bercadang untuk beli alat yang baru, kalau sekiranya tidak benar, apakah alat yang dibeli itu pihak Kementerian berpuashati.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar ada kumputer yang tidak baik. Walau bagaimanapun, kalau ada butir-butir yang tertentu Kementerian saya boleh siasat.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut peraturan tiap-tiap penumpang kapalterbang yang bersenjatapi hendaklah ditinggal senjatanya melalui saluran lain. Pertanyaan saya, selalu berlaku rampasan ataupun benda yang tidak baik dalam kapalterbang, tidakkah Kementerian yang berkenaan bercadang kepada penumpang-penumpang yang mempunyai senjatapi sedangkan senjatapi yang mereka itu dapat ialah secara berlesen, bererti penumpang yang dapat senjatapi cara berlesen tadi adalah penumpang yang baik dianggap oleh Kerajaan tidakkah Kerajaan bercadang penumpang yang baik yang memiliki senjatapi itu boleh membawa senjatapi untuk menjaga keselamatan selain daripada yang dijaga khas oleh pihak kapalterbang.

Dr Goh Cheng Teik: Kementerian saya akan mengambil perhatian di atas pandangan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ulu Muda saya nampak terlompat-lompat (*Ketawa*).

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. MAS memang terkenal sebagai "Mana Ada Sistem". Saya hendak bertanya Timbalan Menteri apakah beza checking hendak naik kapalterbang antara Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Di Pulau Pinang kena masuk dalam tempat tunggu bila hendak naik kapalterbang baru check. Tetapi di Kuala Lumpur sebelum masuk dia check dahulu baru pergi menunggu, kapalterbang ready baru naik. Mengapa jadi macam itu? Kerana pada pendapat saya di Pulau Pinang itu paling 'leceh' sekali, lambat; di Kuala Lumpur bagus. Mengapa tidak dipilih yang bagus, dipilih yang leceh di Pulau Pinang?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya memang tidak setuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat sebab MAS ialah "Mesti Ada Sistem". Berkenaan dengan komplek Ahli Yang Berhormat bahawa procedure membuat pemeriksaan di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur ada dibeza-bezakan, saya akan siasat.

Dr Hee Tien Lai: Soalan tambahan, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ada pernah berlaku yang mana cockpit crew menunjukkan panic, seperti pada masa cuaca buruk saya telah mengalami yang mana mereka patut memainkan muzik yang perlahan (soft) tetapi mereka memainkan muzik yang deras dan kuat seperti Tamil muzik (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Apa kena mengena dengan keselamatan penumpang? (*Ketawa*).

Dr Hee Tien Lai: Kerana muzik yang kuat seperti Tamil muzik menambahkan ketakutan penumpang-penumpang dan saya telah mengalaminya.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, barangkali anak kapal itu banyak dipengaruhi oleh Saturday Night Fever! (*Ketawa*). Walau

bagaimanapun, kalau Ahli Yang Berhormat boleh beri butir-butirnya kita boleh siasat.

BANTUAN KEPADA ORANG MISKIN

7. Tuan Kamaluddin bin Maamor meminta Menteri Kebajikan Am menyatakan apakah langkah dan galakan yang telah dan sedang diberikan oleh Kementerian bagi orang-orang miskin, cacat dan yang kurang bernasib baik untuk berniaga ataupun menjalankan lain-lain bidang yang berfaedah dan beruntung bagi meninggikan taraf ekonomi mereka supaya mereka kurang bergantung kepada bantuan-bantuan Kerajaan semata-mata.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, beberapa skim bantuan dan kemudahan latihan diadakan oleh Kementerian saya sebagai dorongan dan galakan untuk membolehkan orang-orang miskin, cacat dan yang kurang bernasib baik meninggikan taraf hidup mereka supaya tidak bergantung semata-mata kepada bantuan kewangan Kerajaan.

Untuk membolehkan orang-orang miskin menjadi produktif, berguna dan berdikari di dalam masyarakat, Kementerian saya menyediakan skim-skim bantuan seperti berikut:

- (i) *Bantuan Pelancaran* diberi kepada orang-orang miskin yang layak menerima sebagai modal menjalankan sesuatu usaha mencari wang supaya ada mata pencarian yang tetap bagi mereka. Skim bantuan ini juga terbuka kepada orang-orang cacat. Maksima modal yang diberi adalah \$1,000.
- (ii) *Bantuan Latihan bagi Belia dan Beliawanis* ialah satu program latihan sambil bekerja. Peserta-peserta di dalam program ini dicarikan tempat kerja yang sesuai bagi membolehkan mereka mempelajari kemahiran vokasional. Untuk menjayakan program ini tiap-tiap seorang pelatih diberi elaun sebanyak \$62.50 sebulan.
- (iii) *Bantuan Sekolah* diberi kepada murid-murid miskin berupa bayaran

yuran peperiksaan, yuran sekolah, tambang bas, pakaian seragam dan yuran asrama. Bantuan Sekolah ini juga terbuka kepada murid-murid yang cacat.

- (iv) *Bantuan Cermin Mata* ialah untuk membantu murid-murid miskin yang rosak penglihatan. Secara tidak langsung bantuan ini dapat mencegah mereka tercicir dari sekolah.

Skim-skim bantuan khususnya untuk membantu orang-orang cacat memperbaiki taraf hidup mereka adalah berikut:

- (i) *Bantuan Alat Tiruan dan Otopidik* bertujuan membantu orang-orang cacat anggota dan cacat pendengaran dengan memberi mereka anggota tiruan, alat pendengaran, kerusi beroda dan sebagainya supaya mereka boleh juga belajar mendapat latihan sosial dan vokasional untuk membolehkan mereka mencari nafkah walaupun cacat.
- (ii) *Elaun Pekerja Cacat* sebanyak \$50 sebulan adalah diberi untuk menggalakkan orang-orang cacat mahu bekerja di samping sebagai tambahan kepada pendapatan mereka.
- (iii) *Badan Pemasaran* adalah satu rancangan yang bertujuan untuk membantu orang-orang cacat menjalankan pekerjaan sendiri di rumah. Bahan-bahan mentah dibeli dan dihantarkan ke rumah-rumah mereka untuk dijadikan barang, lepas itu dicarikan pasaran. Rancangan ini adalah juga terbuka kepada orang-orang miskin.
- (iv) Di antara lain, Kementerian saya mempunyai sebuah pusat pemulihan komprehensif bagi orang-orang cacat anggota di Cheras, Selangor dan sebuah pusat pemulihan bagi orang-orang cacat akal di Tampoi, Johor. Program-program utama yang disediakan bagi orang-orang cacat anggota termasuk pemulihan perubatan, latihan vokasional, pelajaran, bimbingan dan

rundingcara. Program bagi pemulihan vokasional menawarkan latihan di dalam bidang mekanik motor, radio dan T.V., pertukangan kayu, jahitan dan pertukangan alat-alat tiruan. Program bagi orang cacat akal termasuk pelajaran khas, latihan vokasional, pemulihan cara berkata, pemulihan carakerja, bimbingan dan rundingcara. Latihan vokasional bertujuan memberi kemahiran di dalam bidang pertukangan kayu, jahitan, pertanian, pertukangan tangan, mendobi dan kerja rumah.

- (v) Orang-orang cacat yang sudah tamat latihan tapi susah mendapat kerja sebab kecacatan yang agak teruk, bengkel-bengkel perlindungan disediakan oleh Kementerian saya. Mereka boleh bekerja di sini di dalam bidang jahitan, pertukangan kayu dan kraftangan.

Bagi kanak-kanak, budak-budak, wanita dan gadis yang kurang bernasib baik, mereka boleh menerima jagaan dan perlindungan di sekolah-sekolah akhlak, rumah-rumah kanak-kanak dan pusat-pusat perlindungan wanita dan gadis yang disediakan oleh Kementerian saya di mana beberapa program pendidikan, latihan vokasional dan pemulihan akhlak dijalankan.

Untuk menjayakan skim-skim atau rancangan-rancangan yang saya sebutkan tadi, Kementerian saya mengadakan satu rangkaian perkhidmatan kerja luar yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat di peringkat daerah untuk membantu orang-orang miskin, cacat dan kurang bernasib baik dengan cara memberi bimbingan, rundingcara, kerjakes dan seselaaan supaya dapat mengatasi masalah-masalah yang mereka hadapi.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, tadi dalam masa menjawab soalan ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan bahawa di antara khidmat-khidmat yang diberikan oleh Kementerian beliau ialah membekalkan anggota-anggota palsu kepada mereka yang cacat. Saya ingin bertanya

kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu dalam kawasan saya lebih kurang 5 orang penduduk-penduduk kampung yang mencari bijih telah terkena jerangkap samar yang mana kaki mereka terpaksa dipotong dan sehingga hari ini walaupun sudah membayar bayaran untuk mendapatkan kaki palsu, sudah 5 tahun mereka menunggu tetapi masih belum mendapat kaki palsu. Jadi soalan saya berapa lamakah orang-orang yang cacat ini terpaksa menunggu untuk mendapatkan kaki palsu dan jikalau mereka sudah mendapat kaki palsu ini adakah mereka boleh diberi latihan untuk mendapatkan pekerjaan yang baru?

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih maklumat yang diberi oleh Yang Berhormat itu. Pada masa sekarang kita ada satu workshop untuk membuat anggota palsu ini. Bulan April ini baru mula mengeluarkan bahan-bahan tersebut. Saya harap akan dapat cepat lagi. Terima kasih atas maklumat ini dan saya akan ambil perhatian.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut penerangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bagi orang miskin ada peruntukannya. Soalan saya, adakah Yang Berhormat menyedari bahawa masih terdapat lagi orang-orang miskin di bandar-bandar bahkan di dalam bandaraya Kuala Lumpur yang meminta sedekah. Jadi adakah Kementerian ini bercadang supaya mengumpulkan orang-orang yang minta sedekah ini diletakkan di dalam satu pusat atau badan kebajikan?

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, belum ada cadangan kita hendak mengumpulkan orang-orang yang meminta sedekah seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sekiranya ada kita mendapat maklumat yang spesifik barulah kita ambil tindakan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan daripada Setiausaha Parlimen tadi orang-orang cacat diberi kerja diucapkan terima kasih. Tetapi diberi elaun bulanannya ialah sebanyak \$62 sebulan sebagai membuat raga dan berbagai-bagai lagi. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa dengan \$62 pendapatan hari ini

adalah satu pendapatan yang amat rendah dan tidakkah Kementerian berkenaan bercadang untuk menilai dengan kerja-kerja yang dibuat oleh orang-orang cacat tadi dan diberi dengan bonus atau peratus selain daripada gaji yang ditentukan.

Yang kedua, tidakkah Kementerian berkenaan sedar kebanyakan daripada orang-orang cacat yang tidak suka masuk dalam anjuran Pejabat Kebajikan Masyarakat atau Kementerian berkenaan disebabkan elauannya terlalu rendah sepertimana saya katakan itu.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, elau sebanyak seperti yang saya sebutkan tadi, ini adalah bantuan sahaja untuk menampung keperluan perbelanjaan mereka itu, sebab tujuan kita sesudah kita memberi latihan begini kita harap mereka ini mahir di dalam satu-satu bidang yang mereka minati dan mereka dapat kerja yang baik sedikit dan mendapatkan pendapatan lebih lagi dari itu. \$62 ini kita mengetahui rendah tetapi ini untuk bantuan.

BANK ISLAM

8. Tuan Ismail bin Said (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah Bank Islam akan ditubuhkan di negara ini dan berapakah modalnya.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat mungkin maklum, iaitu Putera Mohamed Al-Feisal, Pengerusi Gabungan Persatuan Bank-bank Islam Antarabangsa yang beribu pejabat di Kaherah telah melawat ke Malaysia baru-baru ini bersama-sama dengan penasihat-penasihatnya. Lawatan beliau adalah atas undangan saya dan semasa beliau berada di sini saya telah berpeluang bersama dengan pemimpin-pemimpin lain mengadakan perbincangan dengan beliau tentang konsep Bank Islam dan bagaimana projek perintis Bank Islam itu dikendalikan di beberapa buah negara Islam yang lain. Konsep sebuah Bank Islam itu telah dikaji juga berdasarkan kepada sistem ekonomi yang sedia ada.

Ekoran daripada perbincangan dengan Putera Mohamed itu, satu pasukan pakar-pakar mengenai Bank dan Islam telah

ditubuhkan untuk mengkaji kemungkinan penubuhan Bank Islam ini serta aspek-aspek operasinya. Pasukan Petugas yang berkenaan telah melawat serta melihat bagaimana Bank Islam yang disebutkan itu menjalankan operasinya di negara-negara di mana Bank-bank yang berkenaan telah ditubuhkan. Laporan Pasukan Petugas itu sedang disiapkan. Dimaklumkan juga iaitu PERKIM telahpun menyatakan kesanggupannya untuk menubuhkan Bank yang berkenaan sesudah kajian yang mendalam dan persediaan yang terperinci dibuat dengan memuaskan. Sekiranya Bank ini dapat berjalan dengan baik dan boleh menyumbangkan faedah yang menyeluruh dalam konteks sistem ekonomi yang ada, maka Kerajaan akan menimbang memberi persetujuan kepada penubuhan Bank Islam yang dimaksudkan itu.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan. Adakah benar bahawa Kerajaan menerusi ASN (Amanah Saham Nasional) hendak membeli ataupun hendak membangunkan Bank Islam ini sebagai mengimbangkan MCA hendak mengontrol Bank UMBC.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Saya tidak dengar berita ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri apakah garis kasar konsep Bank Islam ini dengan bank tempatan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi ada dijawab oleh Yang Berhormat Mulia iaitu laporan itu sedang dikaji. Ada apa hendak tambah lagi?

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tiada apa-apa.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan. Sekiranya terdapat percanggahan di antara sistem ekonomi yang ada sekarang ini dengan konsep Bank Islam maka mana satu hendak dipakai dan mana satu yang hendak ditolak.

Tuan Yang di-Pertua: Ini melanggar Peraturan Mesyuarat kerana perkara itu belum jadi dan kita bertanyakan pendapat itu tidak bolehlah.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan bahawa bersabit dengan Bank Islam ini apakah pihak Kementerian bercadang atau menimbang memberi kebenaran kepada Lembaga Tabung Haji untuk mempelopori mengadakan Bank Islam memandangkan kepada pendapatan bulanan Tabung ini hampir \$12 juta sebulan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga berunding dengan pihak Tabung Haji dan pihak Tabung Haji menunggu tentang kajian kemungkinan yang dibuat oleh Pasukan Petugas itu.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan bagaimanakah struktur modal Bank Islam yang akan diadakan nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Ini juga terkeluar daripada soalan asal dan laporan masih belum dikeluarkan lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan memberitahu Dewan ini bilakah laporan ini akan dibentangkan untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini atau hanya ditimbangkan di dalam Kabinet tidak usah dirujuk kepada Dewan Parlimen.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, laporan ini tidaklah laporan yang akan dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini tetapi laporan ini akan dikemukakan kepada pihak berkuasa.

PERMIT KERJA

9. Dr Chen Man Hin minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan permohonan yang diterima untuk mendapatkan permit kerja dari pendatang-pendatang haram yang memegang paspot Indonesia, dan bilangan permit-permit seumpama itu dikeluarkan setakat ini.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat mengeluarkan permit kerja hanya

kepada penduduk tetap Malaysia sahaja iaitu mereka yang memegang kad pengenalan merah Malaysia. Tidak ada permohonan permit kerja yang diterima daripada warganegara golongan lain seperti pemegang pas lawatan sosial apa lagi dari pendatang-pendatang haram.

GURU-GURU BAHASA INGGERIS

10. Datuk Michael Chen Wing Sum minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan telah mengambil 200 orang guru Bahasa Inggeris dari United Kingdom. Jika benar, sila nyatakan tempat-tempat yang mereka itu dihantar.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, guru-guru Bahasa Inggeris dari United Kingdom itu diambil masuk secara berperingkat-peringkat. Kumpulan pertama seramai 45 orang telah mula mengajar pada bulan Januari 1980. Mereka ditempatkan di sekolah-sekolah dalam negeri-negeri berikut:

Melaka	11 orang
Negeri Sembilan	14 "
Selangor	16 "
Wilayah Persekutuan ..	4 "
	<hr/>
JUMLAH	85 orang
	<hr/>

Kumpulan kedua guru-guru itu, seramai 85 orang telah mula mengajar pada bulan Januari 1981. Mereka ditempatkan di:

Johor	18 orang
Kedah	16 "
Kelantan	5 "
Pahang	6 "
Perak	26 "
Perlis	4 "
Pulau Pinang	4 "
Trengganu	6 "
	<hr/>
JUMLAH	85 orang
	<hr/>

Kumpulan ketiga seramai 70 orang dijangka tiba pada akhir tahun 1981 ini untuk mula mengajar pada bulan Januari 1982.

Kementerian Pelajaran sedang dalam proses menentukan sekolah-sekolah di mana guru-guru itu akan ditempatkan apabila mereka tiba kelak.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan sama ada beliau sedar di negeri Sarawak masih kekurangan guru-guru untuk mengajar bahasa Inggeris. Kalau beliau sedar apakah tindakan akan diambil. Bolehkah Kementerian Pelajaran menghantar lebih banyak seperti guru-guru dari United Kingdom itu ke negeri Sarawak.

Dato' Mohamad Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan bahawa sebahagian besar daripada kumpulan yang ketiga iaitu seramai 70 orang guru itu akan ditempatkan di Sarawak dan Sabah.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sama ada guru-guru ini dibayar gaji yang sama dengan guru-guru kita atau mereka dibayar dengan satu gaji yang istimewa.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bayar guru-guru itu dengan gaji yang sama seperti guru-guru dalam negara kita tak mungkin mereka hendak berkhidmat di sini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin sedar bahawa peluang untuk menguasai bahasa Inggeris adalah lebih di kalangan murid-murid di bandar jika dibandingkan dengan murid-murid di luar bandar oleh sebab di bandar ini banyak peluang, misalnya keadaan hidup, suasana di sekeliling dan sebagainya. Oleh sebab itu adakah pihak Kementerian boleh memberi jaminan supaya kesemua guru-guru ini dihantar untuk mengajar Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah luar bandar.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, selama ini sebahagian besar daripada guru-guru daripada United Kingdom telah ditempatkan di kawasan luar bandar.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa lamakah kontrak yang diikat bagi tiap-tiap seorang guru yang datang daripada United Kingdom untuk berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, mereka berkhidmat di sini di antara 2 sampai 3 tahun.

Dato Dr Hee Tien Lai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya guru-guru yang datang daripada United Kingdom memang mempunyai qualification yang tinggi. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah wajarnya kerana kalau guru-guru daripada United Kingdom ini digunakan untuk melatih guru-guru kita sendiri dalam Bahasa Inggeris kerana saya tahu pada masa sekarang kebanyakan guru-guru kita sendiri tidak ada standard untuk mengajar dalam Bahasa Inggeris kepada murid-murid kita sendiri.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, ada sebahagian daripada guru-guru daripada United Kingdom telah ditempatkan di maktab-maktab perguruan untuk mengajar guru-guru pelatih. Tetapi saya suka menyatakan bahawa dakwaan Ahli Yang Berhormat itu bahawa guru-guru daripada United Kingdom sangat tinggi kelulusannya tidaklah begitu tepat kerana kebanyakan guru-guru ini kelulusannya hampir sama dengan guru-guru kita di dalam negara ini, cuma mereka mengajar dalam bahasa ibunda mereka sendiri, itu sebab kita mengambil mereka mengajar di dalam negara ini.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, soalan tambahan. Apakah sebabnya Malaysia ini sebagai negara yang merdeka terpaksa hendak ambil 200 guru Bahasa Inggeris dari United Kingdom. Adakah ini bererti bahawa Malaysia sendiri tidak ada mempunyai guru-guru yang berkelayakan untuk mengajar Bahasa Inggeris atau kerana mutu standard Bahasa Inggeris di Malaysia sangat rendah, maka kita terpaksa meminjam guru-guru Bahasa Inggeris dari United Kingdom.

Tuan Yang di-Pertua: Sebahagian daripada jawapannya sudah dijawab tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau ada hendak tambah lagi, sila.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, guru-guru daripada United Kingdom telah diambil sebagai satu stop-gap measure sahaja. Dalam masa-masa akan datang ini kita akan mempergiatkan lagi latihan guru-guru tempatan untuk mengajar dalam Bahasa Inggeris. Saya sukalah mengatakan bahawa kita perlu melihat kedudukan Bahasa Inggeris dari segi perspektif keseluruhannya, iaitu Bahasa Inggeris tidak lagi menjadi bahasa utama tetapi adalah bahasa kedua dan oleh kerana Bahasa Inggeris telah menjadi bahasa kedua, maka tidak hairanlah tarafnya telah merosot sedikit. Walau bagaimanapun, usaha-usaha yang giat sedang dijalankan untuk membaiki lagi taraf penguasaan Bahasa Inggeris.

MAS—SURCAJ 25% KEPADA PEMBATALAN TIKET

11. Datuk Leonard Linggi Jugah minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada penenaan surcharge 25% berkesan dalam hendak mengurangkan keadaan penumpang "tidak mengadakan diri" sebagaimana yang dijangkakan oleh MAS; jika ya, nyatakan peratus pengurangan dan adakah MAS bercadang mengenakan bayaran surcharge tersebut bagi semua arah-haluan penerbangan, jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sejak MAS mengenakan surcaj sebanyak 25% kepada penumpang-penumpang yang tidak menghadirkan diri bagi tiap-tiap penerbangan adalah didapati bahawa bilangan penumpang yang tidak menghadirkan diri tersebut telah berkurangan. Sebelum MAS mengenakan surcaj tersebut purata bilangan penumpang yang tidak menghadirkan diri ialah sebanyak 20% tetapi selepas itu bilangan penumpang tersebut didapati turun kepada 10%. Pada masa ini MAS menguatkuasakan peraturan ini untuk penerbangan-penerbangan dalam negeri sahaja. MAS belum ada cadangan

mengenakan bayaran surcaj ini bagi arah laluan lain.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang pengalaman hampir kesemualah yang menggunakan perkhidmatan MAS ini iaitu terdapat biasanya di mana kadang-kadang dikatakan tiket-tiket bila kita hendak tempah itu dikatakan habis, tetapi apabila akhirnya kita dapat naik ke kapal terbang kita dapati hampir setengah dari kerusi-kerusi itu kosong dan tidaklah keterlaluan saya menyatakan mungkin ini merupakan ada sejenis commercial sabotage dalam perkara ini. Jadi adakah pihak Kementerian dan juga pihak MAS akan mengambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk memperbetulkan keadaan ini supaya berjuta-juta ringgit dapat diselamatkan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan dan MAS pernah mendengar cerita-cerita seperti yang di-huraikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru dan pihak yang berkuasa memandang berat perkara ini sebab tempat-tempat yang kosong menjadi kerugian bagi MAS dan bagi Kerajaan. Walau bagaimanapun, untuk mengambil tindakan yang tetap, yang tegas, pihak yang berkuasa memerlukan butir-butir yang tertentu. Oleh yang demikian, Kementerian Pengangkutan ingin merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini dan pengguna-pengguna MAS di luar Dewan ini supaya kalau pernah mengalami kejadian seperti ini tolong tulis kepada Pengurus Besar MAS, P.O. Box 513 dan memberi butir-butir yang lengkap sebab atas aduan-aduan tersebut pihak MAS dapat bertindak dan dapatlah buktikan adanya sabotaj atau tidak.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri saya rasa tidaklah begitu elok sebab bukanlah mudah untuk kita penumpang-penumpang hendak memberi maklumat kepada pihak Kementerian ataupun kepada pihak MAS. Jika pihak MAS dan juga pihak Kementerian sudahpun tahu begitu banyak sekali komplek dalam hal ini

maka pihak MAS harus sedar bahawa ada sesuatu yang kurang sempurna dalam soal menjual tiket-tiket itu. Oleh sebab itu adakah pihak Kementerian dan MAS bercadang supaya dengan sendirinya memeriksa dan memperbaiki sistem penjualan tiket-tiket ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sistem penjualan tiket dan sistem penempahan tiket pada masa ini adalah memuaskan. Di Pejabat Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Singapura, Hongkong, Kota Kinabalu dan Kuching, pejabat-pejabatnya pun telah dicomputerisekan, oleh yang demikian pihak MAS dapat memberi jawapan serta-merta adanya tempat atau tidak. Agen-agen MAS terpaksa berhubung dengan MAS melalui telefon.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Pejabat-pejabat MAS di Johor Bahru, Sibul dan Sandakan telahpun dilengkapi dengan komputer tetapi belum bagi dijalankan, tempat-tempat yang lain di mana komputer dicadangkan ialah Tawau, Miri, Bangkok dan London. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat pula pihak MAS sekarang mengadakan, dengan izin, automatic call distribution system di Ibu Pejabat MAS dan pada bulan yang akan datang sebanyak 20 line tambahan akan dilengkapi dan automatic call distribution system ini pun akan diperkenalkan ke Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Singapura.

Untuk menjawab soalan asal Ahli Yang Berhormat tadi, izinkan saya dengan hormatnya menjelaskan bahawa pihak MAS tidak dapat tindakan yang tertentu kepada pihak yang tertentu kalau tak ada bukti-bukti yang tertentu.

CUKAI PENDAPATAN KENDERAAN

12. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerian beliau akan menimbang untuk menaikkan pengecualian bagi maksud cukai pendapatan mengenai kenderaan-kenderaan kepunyaan syarikat dari \$15,000 kepada \$20,000; jika benar, beri butir-butir lanjut.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidaklah bercadang

untuk menaikkan elaun cukai pendapatan untuk kereta kenderaan kepunyaan syarikat dari \$15,000 yang diberikan sekarang ini.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau berasa hairan melihat telatah pihak DAP ini yang selalunya ingin meminta Kerajaan menaburkan pendapatan negara kepada golongan-golongan yang miskin tetapi hari ini mereka pula telah membuat soalan seolah-olah meminta Kerajaan memberikan satu kemewahan kepada pihak yang kaya. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau bercadang untuk mengekalkan pengecualian sebanyak \$15,000 ini kepada syarikat-syarikat buat beberapa lama yang akan datang ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Itulah yang berjalan sekarang ini dan saya tidak hairanlah pihak DAP mengemukakan soal seumpama ini kerana dia selalu bertindak atas dua standard (*Tepuk*).

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI/PENGUSAHA BUMIPUTRA—PERSAINGAN

13. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kementerian berkenaan sedar bahawa setengah-setengah Projek yang dijalankan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri telah menjejaskan ekonomi setengah pengusaha bumiputra dan kadang-kadang bertanding dengan projek-projek yang dilaksanakan oleh rakyat. Apakah langkah-langkah dan strategi Kerajaan di dalam perkara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Speaker, sebenarnya Kementerian ini memanglah sedar tentang berlakunya persaingan di antara setengah kegiatan yang dijalankan oleh PKEN-PKEN dengan kegiatan rakyat khususnya bumiputra. Tetapi sebahagian besar dari persaingan itu berlaku apabila ada bumiputra yang mula masuk sama dalam satu-satu bidang selepas PKEN-PKEN menjalankan sesuatu kegiatan itu agensi-agensinya tertentu antara lainnya telah

ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menyertai dalam lapangan di mana penyertaan bumiputra berkurangan atau tidak ada sama sekali.

Sebagai pemegang amanah kepada bumiputra memanglah tujuan utamanya adalah untuk memindah milik kegiatan tersebut kepada bumiputra apabila sampai masanya kelak. Namun demikian, saya ingin menegaskan bahawa kesan penglibatan PKEN-PKEN tersebut telah membawa kesan-kesan yang positif kepada masyarakat bumiputra keseluruhannya.

Satu hakikat yang harus diterima ialah bahawa wujudnya sebahagian besar pengusaha bumiputra yang ada hari ini adalah akibat daripada usaha-usaha yang dijalankan oleh PKEN-PKEN. Begitu juga dengan faedah-faedah yang telah dinikmati oleh rakyat-rakyat lain melalui projek yang dilaksanakan oleh PKEN-PKEN. Yang Berhormat itu tentu setuju dengan saya bahawa ada kalanya keadaan persaingan yang wujud hari ini adalah akibat penglibatan PKEN yang telah merintis jalan menyertai dahulu dalam bidang-bidang di mana pengusaha bumiputra belum ada atau belum bersedia untuk bertanding dengan pengusaha-pengusaha lain hanya selepas itu barulah pengusaha-pengusaha bumiputra mengikut dari belakang dan sekarang ini ramai yang telah berada di hadapan. Ini dapat dilihat dalam bidang-bidang kegiatan seperti pembinaan, perumahan, pengangkutan, perniagaan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain di mana telah wujud ramai pengusaha bumiputra. Namun demikian sememangnya dasar Kerajaan supaya pertandingan di antara PKEN dengan bumiputra adalah pertandingan yang sihat dan ianya akan berakhir apabila sampai masanya untuk pindah milik saham-saham berlaku seperti hasrat dalam Dasar Ekonomi Baru.

Dato Dr Hee Tien Lai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah pihak Kementerian sedar bahawa di dalam perjalanan kegiatan ekonomi PKEN seperti PKEN Johor yang mana telah tidak nampak kesusahan dan kesulitan rakyat dalam membantu mereka. Kerana ada berlaku dalam kawasan saya di mana harga

rumah yang dibina semula oleh PKEN untuk mangsa kebakaran adalah sangat tinggi walaupun pihak kita wakil rakyat dan pihak orangramai telah meminta jasa baik pihak PKEN mengurangkan sedikit sahaja percentage harga itu dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah bersetuju untuk menolong, tetapi sampai hari ini PKEN kata tidak boleh. Memang keras, tidak boleh, itu jawabannya.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Masalah ini kepada pihak Kementerian belumlah kita mendapat apa-apa maklumat tetapi maklumat yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diambil ingatan dan pihak Kementerian akan berhubung dengan pihak SEDC Johor.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 36 adalah diberi di bawah ini).

MAJLIS SYURA DAKWAH MALAYSIA—KEJAYAAN

14. Tuan Awang bin Jabar minta Perdana Menteri menyatakan kegiatan-kegiatan Majlis Syura dan kejayaannya hingga setakat ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Majlis Syura Dakwah Malaysia adalah sebuah majlis permusyawaratan dakwah peringkat kebangsaan yang dianggotai oleh semua badan-badan dakwah dan orang perseorangan yang dipilih dari Fakulti Pengajian Islam UKM, Maktab Perguruan Islam, Institut Teknologi MARA dan lain-lain. Sebagai sebuah majlis permusyawaratan, kegiatan majlis ini banyak tertumpu kepada usaha mengadakan perbincangan-perbincangan bagi menyelesaikan persoalan-persoalan yang melibatkan umat Islam dan dakwah. Sehingga hari ini majlis syura telah mengadakan 5 kali persidangan sejak ianya ditubuhkan pada akhir tahun 1979. Persidangan yang terakhir telah diadakan pada 4hb November, 1980 lalu, membincangkan secara khusus "Peristiwa Berdarah di Batu Pahat".

Resolusi positif dari persidangan tersebut telah dihantar kepada Penyimpan Mohor

Besar Raja-raja dan Y.A.B. Perdana Menteri dengan cadangan penubuhan sebuah "Suruhanjaya Di Raja Bebas Mengkaji Permasalahan Yang Menyentuh Umat Islam Kini" termasuklah Peristiwa Batu Pahat. Anggota Suruhanjaya (Di Raja) Bebas tersebut dicadangkan antaranya mewakili:

- (i) Majlis Syura Dakwah Malaysia.
- (ii) Dekan Fakulti Pengajian Islam UKM.
- (iii) Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama, Islam Malaysia.
- (iv) Persatuan Ulama Malaysia.
- (v) Angkatan Belia Islam Malaysia.

Sekretariat Majlis Syura Dakwah Malaysia terletak di Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan dipengerusikan oleh Y.B. Tan Sri Dato' Syed Nasir Ismail. Persidangan berikut akan diadakan pada 11hb April, 1981.

PEKERJA-PEKERJA LETRONIK MENUBUHKAN KESATUAN SEKERJA—KELULUSAN

15. Tuan V. David minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar konsep kebebasan untuk berkesatuan telah dipatahkan di negara ini dengan tidak membenarkan pekerja-pekerja menyertai kesatuan-kesatuan sekerja pilihan mereka, dan juga dengan tidak mahu mendaftarkan sebuah kesatuan sekerja untuk pekerja-pekerja letronik; bolehkah Menteri berkenaan menerangkan mengapa terdapat kelambatan yang begitu lama dalam meluluskan pendaftaran kesatuan sekerja untuk pekerja-pekerja letronik.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato Richard Ho Ung Hun): Saya tidak tahu apa konsep kebebasan untuk berkesatuan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, akan tetapi kita mempunyai serta mengamalkan kebebasan berkesatuan sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan kita.

Soal Kesatuan Sekerja bagi pekerja-pekerja di dalam perusahaan elektronik masih lagi di dalam pertimbangan Pendaftar Kesatuan Sekerja.

MARDEC—JUALAN SUSU GETAH

16. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kemajuan yang dicapai oleh kilang-kilang MARDEC di negara ini dan apakah rancangan Kementerian untuk menggalakkan pekebun-pekebun kecil menjual susu getah kepada stesyen-stesyen MARDEC yang didirikan di seluruh negara.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MARDEC kini mempunyai 15 buah kilang dengan jumlah pengeluaran dalam lingkungan 120,000 tan setahun, iaitu kira-kira 15% daripada jumlah pengeluaran getah pekebun kecil. Bagi memperkemaskan lagi operasi dan pengurusan kilang-kilang, MARDEC telah menjalani proses konsolidasi dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Langkah-langkah positif ini meliputi memperbaiki dan mengemaskini sistem pembelian getah, mengurangkan perbelanjaan pemuangan susu getah dari pekebun-pekebun kecil, menambah daya pengeluaran dan mengembang serta mempelbagaikan pasaran.

Hasil dari langkah-langkah di atas, kilang-kilang MARDEC telah mencapai paras prestasi yang menggalakkan terutamanya di bidang operasi kilang dan pemasaran antarabangsa. Dengan itu MARDEC sedang merancang untuk menambahkan lagi kilang-kilangnya bagi memberi perkhidmatan yang meluas kepada lebih ramai pekebun-pekebun kecil. Dalam hal ini sebuah lagi kilang MARDEC sedang dibina di Kelantan.

Dari segi pemasaran, getah yang dikeluarkan oleh kilang-kilang MARDEC telah dapat menembusi pasaran-pasaran baru seperti Timur Tengah, India, Korea Selatan dan Brazil. Ini dicapai kerana ketinggian mutu getah yang dikeluarkan dan telah mendapat kepercayaan pengguna-pengguna luar negeri terhadap getah keluaran kilang-kilang MARDEC.

Dalam usaha-usaha MARDEC bagi menggalakkan pekebun-pekebun kecil menjual susu getah kepada wakil-wakil MARDEC, langkah-langkah positif sedang diambil. Ini termasuklah memperbaiki sistem

pungutan susu berasaskan penyertaan dan kepentingan pekebun kecil. MARDEC juga telah memperkenalkan skim insentif untuk menggalakkan penyertaan pekebun kecil dengan memberi hadiah-hadiah kepada mereka yang menjual susu getah dengan banyaknya. Percubaan telah dibuat di sebuah kilang MARDEC di Tapah dan didapati penyertaan pekebun-pekebun kecil telah meningkat. Sekim ini akan diperluaskan ke kilang-kilang MARDEC yang lain secara berperingkat-peringkat. Semenjak tahun 1977 bilangan pekebun-pekebun kecil yang menjual getah kepada kilang-kilang MARDEC telah meningkat sebanyak 29%.

Melalui sistem perlantikan wakil-wakil MARDEC, MARDEC mendapat jaminan bekalan susu getah yang berterusan dari pekebun-pekebun kecil. Sebagai insentif kepada wakil-wakil MARDEC untuk meningkatkan pembekalan susu getah kepada MARDEC, wakil-wakil ini telah dikecualikan pembayaran lesen dari Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia (LPPGM). Di samping itu MARDEC juga mengamalkan pembayaran komisyen kepada wakil-wakil ini di atas usaha-usaha mereka menjalankan pembelian getah dari pekebun-pekebun kecil. MARDEC juga memberi keutamaan kepada Persatuan ataupun Pertubuhan Pekebun Kecil dalam perlantikan wakilnya. Dari jumlah seramai 671 orang wakil-wakil MARDEC 43% wakil terdiri dari Persatuan ataupun Pertubuhan Pekebun-pekebun Kecil. Dengan itu sokongan dari pekebun-pekebun kecil untuk menjual getah kepada MARDEC melalui wakil-wakil berkenaan adalah terjamin.

PERTUMPAHAN MINYAK DI PERAIRAN PULAU AMAN

17. Tuan Wong Hoong Keat minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar akan pertumpahan minyak di sepanjang pantai Pulau Aman telah mematikan ikan-ikan, mencemar pinggir pantai dan menyusahkan penghidupan nelayan-nelayan dan apakah langkah-langkah telah diambil untuk membersihkan pertumpahan minyak.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Kementerian saya

memang sedar di atas kejadian tumpahan minyak di perairan Pulau Aman yang berlaku pada 16hb Januari, 1981. Aduan disampaikan secara lisan kepada Kementerian saya menerusi telefon daripada pihak MAJUIKAN Cawangan Negeri Pulau Pinang pada 20hb Januari, 1981. Berikutan dengan itu, penyiasatan telah dijalankan di kawasan yang terlibat dan didapati bahawa tumpahan minyak sebenarnya berpunca dari kebocoran di salah satu saluran di Janakuasa Lembaga Letrik Negara Prai. Hasil penyiasatan bukan sahaja dari perairan Pulau Aman tetapi juga di tempat-tempat lain menunjukkan bahawa kesan yang sebegitu buruk sebagaimana yang dilaporkan dengan meluasnya dalam akhbar tempatan khususnya pada 23hb dan 24hb Januari, 1981 tidak dialami oleh sesiapa pun.

Bagi kerja pembersihan tumpahan minyak, pihak MAJUIKAN tempatan telah mengambil tindakan serta merta mengendalikan kerja-kerja pembersihan dengan menceduk minyak sebanyak yang mungkin dari permukaan air dan sangkar ikan ("manual removal"). Di samping itu pihak LLN menghentikan operasi "Boiler Unit No. 3" dan mencegah tumpahan minyak berlaku.

WAD KELAS TIGA BAGI KETUA KAMPUNG

18. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar apabila seseorang Ketua Kampung sakit dan dimasukkan ke dalam Hospital untuk rawatan, mereka ini akan dimasukkan ke Wad Kelas Tiga (3) pada hal mereka adalah Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung yang dilantik oleh Kerajaan. Jika sedar, adakah beliau bercadang supaya semua Ketua-ketua Kampung yang sakit dan memerlukan rawatan dimasukkan ke dalam Wad Dua (2) dengan percuma.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Ketua-ketua Kampung tidak memegang jawatan dari Perkhidmatan Awam walaupun mereka dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung. Oleh hal yang demikian, mereka tidak mempunyai kelayakan yang sama

dengan pegawai kerajaan untuk ditempatkan bagi maksud rawatan perubatan dalam Wad Kelas Dua (2) atau Kelas Satu (1) berasaskan kepada gaji yang diterimanya. Walau bagaimanapun, mereka boleh memasuki Wad Kelas Dua (2) ataupun Kelas Satu (1) tetapi perbelanjaannya hendaklah ditanggung sendiri.

MEMBIAYAI PERBELANJAAN PELAJARAN UGAMA ISLAM

19. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sedar bahawa dengan terpindanya Seksyen 37 Akta Pelajaran 1963, Kerajaan Pusat mengambil alih dan membiayai seluruh perbelanjaan pentadbiran pelajaran agama Islam di semua sekolah rendah dan menengah daripada tahun 1977 dan jika ya mengapa di sekolah-sekolah masih tiada mempunyai kemudahan bilik ibadat, kemudahan mengajar mengambil wuduk secara praktik dan lain-lain kemudahan mengajar di luar bilik darjah dan adakah Kementerian berpendapat bahawa mempelajari agama secara teori adalah lebih berkesan untuk menanam nilai-nilai Islam yang sebenar dan adakah Kementerian bercadang menimbang peruntukan yang lebih bagi kegiatan agama Islam di sekolah-sekolah rendah dan menengah jika ya, bagaimana dan bila.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Kerajaan Persekutuan telah mengambilalih dan membiayai semua perbelanjaan pentadbiran pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah rendah kecuali Negeri Pahang. Untuk memperbaiki pendidikan agama di sekolah-sekolah, Kementerian Pelajaran telahpun mengarahkan semua sekolah-sekolah menyediakan bilik ibadat/sembahyang yang sesuai untuk latihan sembahyang. Kebanyakan pihak sekolah telah mengadakan bilik itu mengikut kemampuan masing-masing dan mungkin ada pihak yang belum mengadakan bilik tersebut.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian telah membuat keputusan bahawa semua sekolah-sekolah baru hendaklah disediakan dengan bilik agama ataupun surau. Peruntukan ini

sedang dilaksanakan sebagai menyahut perakuan Bil. 128 dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran. Kementerian Pelajaran sedar pendidikan agama secara teori yang disusulkan dengan latihan dan amali adalah lebih memberi kesan untuk menanam nilai-nilai Islam yang sebenar di kalangan murid-murid sekolah.

Kementerian Pelajaran juga sentiasa memberi perhatian dan menimbang peruntukan yang menasabah untuk memperluaskan kegiatan agama Islam di sekolah-sekolah rendah dan menengah melalui berbagai saluran seperti mengadakan perbelanjaan untuk pertandingan membaca dan mentafsir Al-Quran, kursus dakwah dan lain-lain.

RUSSIA MEMBANTU PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN

20. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan sehingga sekarang, jumlah bantuan yang diterima oleh Malaysia daripada Russia di dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan di negeri ini dan apakah projek-projek yang telah dan akan dilaksanakan dengan bantuan seperti ini.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini Soviet Union telah memberi bantuan berbentuk khidmat teknik yang bernilai US\$100,000 dan alat-alat untuk kajian awal (prefeasibility study) bagi projek Hydro-electric Ulu Tembeling di Pahang sahaja.

MURID-MURID KE SEKOLAH MENENGAH SAINS PULAU PINANG

21. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebabnya Kementerian beliau memilih murid-murid dari sekolah rendah di negeri kita untuk belajar di beberapa buah sekolah terpilih seperti Sekolah Menengah Sains Bukit Mertajam, Pulau Pinang dan berapakah bilangan sekolah jenis ini di negara kita dan berikan angka pecahan murid menurut kaum yang belajar di sekolah-sekolah tersebut sejak 1979.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Kementerian Pelajaran memilih murid-murid dari sekolah rendah di negara ini untuk belajar di sekolah terpilih seperti Sekolah Menengah Sains Pulau Pinang dengan tujuan untuk memperbanyakkan pelajar dari jurusan Sains di peringkat menengah sesuai dengan keperluan negara seperti terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru. Pemilihan juga mengutamakan murid-murid dari luar bandar di mana kemudahan-kemudahan pelajaran sains masih lagi kekurangan.

Pada masa ini terdapat 19 buah sekolah jenis ini di seluruh Semenanjung Malaysia dikenali sebagai Sekolah Berasrama Penuh. Pada tahun 1979 terdapat 12,323 pelajar bumiputra dan 666 orang pelajar bukan bumiputra. Tahun lalu jumlah ini bertambah menjadi 12,333 orang pelajar bumiputra dan 709 orang pelajar bukan bumiputra.

AMANAH SAHAM NASIONAL— KEUNTUNGAN TAHUNAN

22. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sungguhpun Amanah Saham Nasional memberi peluang pelaburan kepada masyarakat Bumiputra tetapi keuntungannya lebih dirasakan oleh golongan yang berpendapatan sederhana. Jika sedar, adakah Kerajaan bercadang memberi kelonggaran saham "Pendaftaran" sehingga \$100 dan pelabur Bumiputra diberi tempoh setahun untuk membayar jumlah ini dan selain dari menerima gandaan sepuluh kali pelaburan pada tahun 1990 supaya jumlah ini juga layak menerima keuntungan tahunan.

Perdana Menteri (Dato Hussein Onn): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya telahpun menjawab soalan ini pada 17-3-1981 bila menjawab soalan No. 1 dari Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

PERKHIDMATAN KERETAPI KEPADA PENUMPANG

23. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah telah diambil untuk memperbaiki perkhidmatan keretapi khasnya berkait

dengan kebersihan, makanan/minuman dalam keretapi, perhentian/stesyen keretapi, tempat duduk, hawa sejuk untuk kelas 1 dan jadual waktunya sampai selalu lewat dan lain-lain, nyatakan juga sejak tahun 1976 hingga 1980 ini, berapakah kerugian telah dialami dan berapakah buah gerabak keretapi baru telah ditambah.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Adalah menjadi matlamat serta tujuan Kerajaan untuk memberi perkhidmatan keretapi yang selesa, selamat dan sempurna kepada setiap penumpangnya. Oleh itu, Kerajaan telahpun mengarahkan supaya pihak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu mengambil segala usaha untuk mencapai matlamat serta tujuan tadi. Pengawasan yang rapi telahpun dikenakan sebelum sesebuah teren dinaiki oleh penumpang bagi menjamin keselesaan serta kesempurnaan penumpang di perjalanan.

Sejak tahun 1976 hingga 1980 kerugian yang dialami oleh Keretapi Tanah Melayu adalah seperti berikut:

	<i>Tahun</i>	<i>Kerugian</i>
1976	\$ 5.22 juta
1977	13.13 ..
1978	9.49 ..
1979	5.62 ..
1980	20.61 ..

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 14 buah koc hawa dingin dan 35 buah koc biasa telah dibeli. Pihak Keretapi Tanah Melayu sendiri telah membina 29 buah koc di Bengkel Sentul.

PENJUALAN UBAT-UBAT TIRUAN— KAWALAN

24. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mencegah pengedaran ubat-ubat tiruan yang kian berleluasan dalam pasaran kita hari ini yang mana sangat merbahaya kepada pengguna-pengguna; dan adakah negara-negara ASEAN turut serta bertindak mengawal ubat-ubat merbahaya ini merebak ke wilayah mereka.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Penjualan barang-barang tiruan,

termasuk barangan ubat-ubatan, adalah dikawal oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah kuasa yang telah diberikan kepadanya melalui Akta Perihal Dagangan 1972. Kementerian Kesihatan mengawal penjualan dan pengedaran barangan ubat-ubat yang mengandungi racun di bawah Ordinan Racun, 1952 dengan melesenkan pengimport-pengimport, pemborong-pemborong dan penjual-penjual runcit.

Memandangkan ubat-ubat tiruan yang dikeluarkan dan dijual oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini bergerak di luar kawalan undang-undang ini, bahayanya kegiatan mereka kepada orangramai tidaklah dapat kita nafikan. Kedua-dua buah Kementerian sedang giat berusaha sedaya upaya untuk mengawal kegiatan-kegiatan yang haram ini dan saya berharap bahawa orangramai akan dapat memberikan maklumat kepada kita apabila mereka syak perniagaan yang haram seperti ini dijalankan supaya langkah-langkah penguatkuasaan yang sewajarnya dapat diambil terhadap orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini. Saya telahpun membincangkan masalah ini dengan Persatuan Farmasi Malaysia, jua dengan persatuan-persatuan perdagangan dan pengeluar farmasi yang lain, bagi mendapatkan kerjasama mereka menghapuskan kegiatan-kegiatan yang haram ini. Mereka jua turut memandang berat seperti kita dalam masalah ini. Kita akan meneruskan lagi usaha-usaha kita mengawal perkara ini dengan tindakan-tindakan penguatkuasaan.

Pegawai-pegawai dari negara-negara ASEAN jua telah membincangkan tentang berbagai masalah yang sama berhubung dengan kawalan mutu barangan ubat-ubat ini, baik yang dikeluarkan jua yang diimport di rantau ini. Kita berharap bahawa hasil dari perhubungan ini nanti, maka persefahaman dan pertukaran maklumat yang lebih banyak lagi akan dapat dibuat mengenai perkara ini. Kita jua berharap untuk mengadakan satu kod amalan barangan pengeluaran bermutu untuk bahan-bahan ubat-ubatan ini. Kod "Malaysian Code of Good Manufacturing Practices and Quality Control of

Pharmaceutical Products" ini telahpun diadakan di negara ini sendiri.

KAWALAN HARGA BARANG-BARANG

25. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementerian ini sedar bahawa harga barang-barang lain yang tidak dijangka naik turut dinaikkan oleh para peniaga akibat dari kenaikan harga gula baru-baru ini, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini terhadap peniaga-peniaga ini; dan sama ada Kementerian ini bercadang untuk mengadakan subsidi di atas kenaikan harga gula.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak mengawal harga semua jenis barang dagangan di negara ini. Kerajaan berpendapat bahawa di dalam sistem perdagangan bebas yang diamalkan sekarang, kawalan harga akan menyekat perkembangan perniagaan dan pelaburan sesebuah Negara. Walaupun Kerajaan menetapkan harga beberapa jenis barangan, tetapi ini hanya terbatas kepada sebahagian barang keperluan sahaja termasuk gula dan tujuan Kerajaan melakukan perkara ini ialah untuk menentukan bahawa rakyat tidak dibebankan dengan kenaikan-kenaikan harga yang tidak berpatutan. Dalam erti kata lain, tindakan Kerajaan menetapkan harga setengah-setengah barang keperluan ialah untuk memastikan supaya pihak-pihak peniaga barang-barang berkenaan tidak mengeksploitasi pengguna-pengguna. Jika ada kenaikan harga barang-barang yang berasaskan kepada harga barang-barang yang ditetapkan oleh Kerajaan, maka tahap kenaikan itu masih berada di paras yang mampu dibeli oleh rakyat.

Bagi barang-barang lain pula, harganya tidak ditetapkan oleh Kerajaan. Apa yang diperuntukkan di bawah Undang-undang ialah untuk peniaga-peniaga ini memampirkan tanda-tanda harga jualan mereka bagi memberi peluang kepada pengguna-pengguna untuk membuat perbandingan sebelum melakukan sesuatu

pembelian. Undang-undang yang menghendaki penandaan tanda harga ini bukanlah memberi makna bahawa harga barang-barang itu dikawal harganya oleh Kerajaan. Peniaga-peniaga ini bebas menaikkan harga dengan berdasarkan kepada kos pengeluaran, pembelian dan juga harga jualan lain-lain peniaga. Dalam hubungan ini, sebanyak 111 jenis barangan wajib ditandakan harganya sebelum dijual. Untuk memastikan bahawa peraturan ini dipatuhi, pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa menjalankan pemeriksaan dan pengawasan dari masa ke semasa. Di sepanjang tahun 1980 sebanyak 70 kes yang melibatkan barang rampasan bernilai lebih kurang \$123,300.00 telah diambil tindakan.

Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat supaya Kerajaan memberikan subsidi di atas kenaikan harga gula, ini adalah satu saranan yang baik dalam konteks untuk meringankan bebanan rakyat. Walau bagaimanapun, satu perkara yang perlu saya nyatakan di Dewan yang mulia ini ialah penggunaan gula yang berlebihan akan menimbulkan kesan buruk kepada kesihatan. Oleh itu, sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan penggunaan gula di Negara maka pembayaran subsidi adalah tidak kena pada tempatnya. Jika Kerajaan memberikan subsidi sepenuhnya, ini bermakna Kerajaan terus menggalakkan penggunaan gula yang berlebihan dan berusaha ke arah menggagalkan kempen penjimatan gula yang dilaksanakan sekarang. Walau bagaimana, pihak Kerajaan sememangnya telah memberikan pengecualian cukai ke atas pengimportan gula, dan bolehlah dianggap bahawa pengecualian ini sebagai satu bentuk subsidi secara tidak langsung.

DEPO PELURU DI BANDAR KLUANG—PEMBINAAN

26. Tuan Lee Kaw minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapa Kementerianya telah membenarkan pembinaan dan penempatan sebuah depo peluru (ammunition depoh) yang besar di satu kawasan yang padat dengan penduduk-penduduk di bandar Kluang kerana penempatan depo itu membahayakan orang-orang awam.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Sebelum sesebuah Depo Peluru dibina dalam satu-satu kawasan yang dipilih, faktor-faktor keselamatan telah dikaji dengan mendalam oleh pihak Perunding sebelum ianya diluluskan untuk pembinaan. Faktor-faktor keselamatan telah dikaji dengan mengambil kira keselamatan penghuni-penghuni dalam kompleks itu dan kawasan sekelilingnya supaya keselamatan penduduk-penduduk sekitarnya adalah lebih terjamin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Depo bagi menyimpan barang-barang letupan yang telah dibeli bagi kegunaan Angkatan Tentera telah lama dirancangan dan adalah terdahulu daripada penempatan penduduk-penduduk di bandar Kluang seperti yang terdapat sekarang. Pada masa rancangan Pembinaan Depo itu dibuat, hanya di Kluang sahajalah terdapat tanah kosong kepunyaan Angkatan Tentera bagi maksud pembinaan Depo tersebut. Lagi pula pada masa itu keadaan bandar Kluang adalah tidak sesibuk seperti pada keadaan sekarang.

Pembinaan Depo Peluru di kawasan tersebut juga adalah diselaraskan dengan penempatan kem-kem tentera yang sudah sedia ada di situ. Kedudukannya yang berdekatan dengan kem-kem tersebut dengan memudahkan pembinaan Depo tersebut kerana telah terdapat infrastruktur yang cukup. Ini sedikit sebanyak telah dapat menjimatkan perbelanjaan Kerajaan.

BORANG CUKAI PENDAPATAN MENGUNAKAN POS BERDAFTAR

27. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan untuk menghantar notis-notis penilaian dan borang-borang hantar semula cukai pendapatan dengan menggunakan mel berdaftar bagi memastikan penghantaran yang selamat.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Cadangan Yang Berhormat supaya dapat dipertimbangkan penghantaran notis-notis penilaian dan borang hantar semula cukai pendapatan dengan menggunakan mel berdaftar, walaupun ada baiknya tetapi kurang pratikal. Jika cadangan ini dilaksanakan ia akan menimbulkan berbagai

masalah dari segi masa, kos dan beban kerja kepada pihak-pihak yang terlibat di dalam perkara ini. Sebagai contohnya bagi tahun taksiran 1981 lebih satu juta borang telah dikeluarkan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri. Jika semua borang yang telah dikeluarkan pada tarikh yang sama ini dikeluarkan secara pos berdaftar, selain daripada melibatkan kos yang tinggi, Jabatan Hasil dan pihak berkuasa Pos akan mengambil masa yang lama untuk memprosesnya memandangkan jumlah yang terlibat adalah banyak. Bagi pembayar cukai jika mereka tidak berada di tempat pos berdaftar dialamatkan (borang penyata dikeluarkan ke alamat rumah atau pejabat pembayaran cukai) mereka terpaksa ke Pejabat Pos untuk mengambilnya dan ini akan menyusahkan mereka.

Jadi, memandangkan kepada masalah yang disebutkan tadi adalah tidak pratikal notis penilaian dan borang hantar-semula cukai pendapatan dihantar dengan pos berdaftar.

CETAKAN ROMPAK BUKU "LOOKING BACK"

28. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pihak Mahkamah Rendah Kuala Lumpur pada 8hb Disember, 1980 telah tidak jadi bicara satu kes pengaduan dari Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (Bapa Kemerdekaan) berhubung dengan cetakan rompak buku keluarannya "LOOKING BACK", yang dengan itu sudah dua kali Mahkamah tersebut menangguhkan kes yang sama. Kalau sedar bagaimana perkara semacam ini boleh berlaku, dan apakah cara dan jalannya supaya kes-kes dalam Mahkamah di seluruh negara boleh dipercepatkan.

Perdana Menteri (Dato Hussein Onn): Memanglah benar bahawa kes yang tersebut itu telah ditetapkan untuk dibicarakan di Mahkamah Majistret, Kuala Lumpur pada 8hb Disember, 1980 dan pada hari tersebut ianya telah ditangguhkan di atas permintaan pihak Pendakwa kerana Timbalan Pendakwaraya yang menjalankan pendakwaan tersebut terlibat di dalam satu kes lain di Mahkamah Persekutuan.

Walaupun Peguambela di dalam kes tersebut membantah permohonan itu, Majistret berkenaan tidak dapat menjalankan perbicaraan kes tersebut kerana ketiadaan Pendakwa.

Perbicaraan di Mahkamah hanya boleh dipercepatkan sekiranya semua pihak yang terlibat di dalam semua kes, seperti Pendakwa, Peguam-peguam, saksi-saksi, polis dan lain-lain memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada Mahkamah dengan membuat semua persediaan yang perlu sebelum tarikh perbicaraan dan menghadiri Mahkamah pada hari perbicaraan ditetapkan itu.

KEMALANGAN KAPALTERBANGAN TUDM

29. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah beliau sedar bahawa banyak nyawa telah terkorban di dalam kemalangan-kemalangan udara jet Tebuan dan adakah Kementerian beliau bercadang menjualkan jet-jet ini, memandangkan bahawa jet-jet ini berusia 10 hingga 15 tahun. Jika tidak, mengapa.

30. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah sebab kapal terbang Jet Tebuan yang digunakan oleh Tentera Udara Di Raja Malaysia kerap kali mengalami kemalangan yang mengakibatkan pengorbanan nyawa; dan adakah kerana kapal terbang yang digunakan ini sudah lama ataupun ada sikap kecuaiian daripada pemandunya; apakah tindakan diambil untuk mengelakkan kemalangan ini berlaku lagi.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abu Hassan bin Haji Omar): Saya telahpun menjawab soalan yang lebih kurang sama seperti ini ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Matang di Dewan yang mulia ini pada 1hb April, 1981. Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberikan itu.

PUSAT RUKUN TETANGGA— BILANGAN

31. Tuan Hussein bin Mahmood minta Perdana Menteri menyatakan bilangan pusat-

pusat Rukun Tetangga yang telahpun diadakan di negara ini, mengikut negeri dan apakah jaminan dari segi keselamatan dan pampasan terhadap ahli-ahli Rukun Tetangga apabila mereka diancam ataupun menerima kemalangan sewaktu menjalankan tugas.

Dato Hussein Onn: Bilangan Sektor-sektor Rukun Tetangga di negara ini mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Nama Negeri</i>	<i>Bilangan Sektor</i>
Wilayah Persekutuan	113
Perak	151
Melaka	40
Trengganu	22
Kedah	24
Selangor	72
Johor	149
Pahang	71
Negeri Sembilan.. .. .	37
Kelantan	3
Pulau Pinang	43
Perlis	1
JUMLAH	726

Dari segi keselamatan, ahli-ahli Rukun Tetangga pada masa menjalankan tugas rondaan atau mengawal dalam kawasan tugasnya adalah disifatkan sebagai pegawai Polis berpangkat mata-mata dan mempunyai segala kuasa pegawai Polis. Ahli-ahli juga diwajibkan untuk meronda secara kumpulan.

Ahli-ahli Rukun Tetangga yang menerima kecederaan semasa menjalankan tugas, akan dibayar pampasan. Jika kematian berlaku, tanggungannya pula akan dibayar pampasan.

KETETAPAN BANGSA-BANGSA BERSATU—PELAKSANAAN

32. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan keputusan dan ketetapan Bangsa-bangsa Bersatu tidak dapat dilaksanakan yang menunjukkan kelemahan badan dunia itu dan jika ya, sama ada Malaysia bercadang hendak meminda atau menambah peruntukan tertentu Piagam-piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Saya memang sedar bahawa kebanyakan ketetapan serta keputusan Bangsa-bangsa Bersatu menghadapi beberapa kesulitan apabila tiba masanya untuk dilaksanakan. Akan tetapi, seperti Yang Berhormat sedia maklum, Bangsa-bangsa Bersatu sebagai sebuah badan dunia tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan. Terpulanglah kepada Negara-negara Ahli untuk mempertahankan serta mematuhi prinsip-prinsip Piagam bagi menjadikan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai sebuah organisasi antarabangsa yang berkesan. Oleh yang demikian, Malaysia percaya bahawa penyelesaian itu tidak hanya semata-mata bergantung dengan meminda atau menambah peruntukan Piagam Bangsa-bangsa Bersatu tetapi kita lebih yakin bahawa badan dunia tersebut akan diperkuatkan dan lebih berkesan sekiranya semua negara-negara ahli benar-benar jujur dan tegas dalam mematuhi prinsip-prinsip Piagamnya.

SAHAM UMBC

33. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan adakah benar saham UMBC telah dimiliki oleh 70 peratus Koperatif Serbaguna (Multi-Purpose Cooperative) dan 30 peratus Pernas. Oleh kerana hidup UMBC dengan pertolongan Kerajaan semasa tenatnya, apakah Kerajaan bercadang meminta Permodalan Nasional Berhad atau Amanah Saham Nasional membeli sebahagian daripada hakmilik saham tersebut.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Adalah tidak benar bahawa 70 peratus daripada saham UMBC dimiliki oleh Multi-Purpose Cooperative Society. Walau bagaimanapun, Multi-Purpose Holdings Berhad yang merupakan anak syarikat Multi-Purpose Cooperative Society, telah mengemukakan permohonan untuk mengambil alih 50.2 peratus daripada modal dibayar UMBC. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan tersebut masih dalam kajian dan pertimbangan Bank Negara Malaysia sebelum sebarang perakuan dikemukakan kepada saya. Oleh yang demikian, cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah "premature" atau belum sesuai untuk dipertimbangkan.

ROMPAKAN DI SABAH

34. Tuan Haji Ampong bin Puyon meminta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah keadaan keselamatan terkawal di negeri Sabah dan mengapakah selalu sahaja berlaku rompakan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan keselamatan di negeri Sabah pada keseluruhannya adalah terkawal. Pasukan Keselamatan sentiasa mengadakan rondaan bukan sahaja untuk mencegah kejadian rompakan dan kegiatan melanun bahkan juga untuk mengesan penyusupan agen-agen musuh ke negeri itu.

Kedudukan negeri Sabah yang berhampiran dengan negara jiran Filipina dan Indonesia, keadaan pantai yang panjang dan kawasan perairan yang luas menyulitkan lagi pengawasan oleh pasukan keselamatan. Lanun-lanun pula biasanya menggunakan "pumbot" yang mudah bergerak dan menyusup di persisiran pulau-pulau yang kecil dan perairan yang cetek. Di samping itu, lanun-lanun tersebut kadang kala menyamar diri sebagai nelayan tempatan yang lazimnya menggunakan senjatapi.

Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas untuk membentasi kejadian-kejadian rompakan dan melanun. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah melancarkan operasi-operasi khas seperti Op-Lanun Semporna, Op-Lanun Sandakan, Op-Feri dan Op-Tayang. Pusat-pusat gerakan telah ditubuhkan seperti di Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Semporna, Lahat Datu, Tambisan, Tg. Labian dan Pulau Sahabat untuk memberi perlindungan keselamatan kepada penduduk-penduduk tempatan. Bot-bot Polis Merin juga telah ditambah dan Pasukan Polis Hutan serta Pengakap Sempadan (Border Scouts) pula telah diletakkan di tempat-tempat strategik bagi memudahkan tindakan mengesan dan membentasi kegiatan rompakan dan lanun.

Kerajaan juga mempunyai rancangan untuk menambah bilangan anggota Polis dan bot-bot rondaan dari masa kesemasa menurut keperluan. Walau bagaimanapun, kerjasama daripada orang ramai bagi membantu

Kerajaan adalah sangat-sangat diperlukan bagi menghapuskan kegiatan rompakan dan lanun.

ANASIR KOMUNIS MEMPERALATKAN UGAMA

35. Tuan Haji Ibrahim bin Muhamad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa adanya setengah-tengah golongan yang tidak bertanggungjawab termasuk anasir-anasir komunis yang cuba menggunakan dan memperalatkan Agama untuk mencapai tujuan mereka jika ya, apakah langkah-langkah yang sedang dan telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi perkara ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kerajaan memang sedar adanya setengah-setengah golongan yang telah dan cuba memperalatkan agama untuk mencapai tujuan mereka. Ini termasuklah Parti Komunis Malaya yang menggunakan Pertubuhan apa yang dipanggil Partai Persaudaraan Islam (PAPERI) sebagai alat propaganda bagi mengelirukan dan menghasut orang-orang Islam menentang Kerajaan.

Kerajaan sentiasa memerhati dan mengawasi gerak-gerak dan tindak-tanduk golongan-golongan tersebut dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya jika kegiatan golongan-golongan itu didapati mengancam keselamatan negara.

PERLAKSANAAN RANCANGAN 3M

36. Tuan Haji Ibrahim bin Muhamad minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mempercepatkan pelaksanaan rancangan 3M (Menulis, Membaca dan Mengira) di sekolah-sekolah. Apakah pula rancangan yang sedang diatur bagi mencapai matlamat tersebut.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mempercepatkan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah yang berteraskan 3M lebih awal daripada tarikh yang telah diumumkan iaitu pada tahun 1983.

Rancangan-rancangan yang sedang dan akan dijalankan menjelang pelaksanaan Kurikulum Sekolah Rendah ini ialah membina dan menyusun sukatan-sukatan pelajaran, membina contoh alat-alat pembelajaran, menulis buku-buku teks, mengadakan kursus-kursus pendedahan kepada guru-guru, dan mencubakan rancangan-rancangan pengajaran yang baru ini di sekolah-sekolah untuk melihat masalah-masalah yang mungkin timbul dari segi perlaksanaannya. Langkah-langkah pengubahsuaian akan diambil di mana-mana yang didapati perlu hasil daripada dapatan percubaan yang akan dijalankan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (9hb April, 1981)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk perbincangan. Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

3.35 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya membaca Akta untuk meminda Perlembagaan ini dengan secara mendalam dan pula mendengar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di waktu membentangkan Rang Undang-undang ini memberi penjelasan-penjelasan yang agak panjang. Komen saya berhubung dengan Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, satunya, kenapakah kerap sangat Kerajaan Malaysia ini meminda Perlembagaan Malaysia sedangkan kadangkala boleh dengan tidak meminda Perlembagaan kita menyesuaikan ordinan-ordinan sebagai mentafsirkan Perlembagaan.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, mahu tidak mahu kita mesti menganggapkan Perlembagaan ini satu dokumen yang tinggi, yang besar dan yang terhormat. Tidak patut kita hendak kacau dia, Tuan Yang di-Pertua, picit-picit atau hendak dipinda-pinda

Tuan Yang di-Pertua: Kacau macam mana ini, kacau itu banyak macam cara. Kacau macam mana?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Maknanya beri dia tidak tenteram. Jadi Perlembagaan mesti ditenteramkan. Sepertimana yang kita tahu orang-orang Amerika, Tuan Yang di-Pertua, untuk meminda Perlembagaan dia mesti memikirkan panjang. Kalau tidak silap saya sudah dekat-dekat 200 tahun Perlembagaan Amerika telah diwujudkan tetapi pindaan amatlah sedikit. Mereka mengetahui Perlembagaan yang dibuatkan 100 tahun dahulunya tidak sesuai dengan masa sekarang ini tetapi apa jalan, ada masalah-masalah yang boleh disesuaikan dengan ordinan-ordinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap sebagai satu orang yang mengambil ikrar di depan Yang di-Pertua di waktu saya mula-mula menjadi Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya saya ingat. (Ketawa)

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Saya mengikrarkan bahawa kewajipan saya mempertahankan Perlembagaan Malaysia ini. Jadi saya bangun sedikit sebanyak untuk mempertahankan Perlembagaan Malaysia ini supaya jangan dicerobohkan.

Dalam pindaan ini kemuncaknya ada. Kemuncak pindaan Fasal 150. Biarlah waktu saya naik kemuncak betul-betul bercakap nanti, saya bercakap Bab 150. Sekarang ini perkara yang sebelum itu saya bercakap, Tuan Yang di-Pertua.

Mengikut Seksyen 3 "Perkara 45 Perlembagaan adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja Fasal (3) Fasal (3A) baru yang berikut:", yang bererti pindaan ini bermaksud bahawa Ahli-ahli

Dewan Negara tidak boleh dilantik ataupun tidak boleh dipilih selepas dia telah menjalani tugas-tugasnya sebagai Ahli Dewan Negara enam tahun. Maknanya dua tempoh masa. Satu tempoh masa tiga tahun, dua tempoh masa enam tahun. Jadi kalau dia menjadi ahli Dewan Negara enam tahun waima dia sambung-menyambung ataupun dia berhenti tengah-tengah, lepas itu dia menjadi ahli tidak boleh pula hendak dilantik tiga tahun lagi. Ini, saya rasa pindaan ini cuma hendak menyesuaikan dengan satu Enactment ataupun satu Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan ini pada satu masa dahulu bahawa ahli Dewan Negara ini dilantik tiga tahun, tiga tahun, tiga tahun. Jadi amat peliklah, Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan mesti turut Ordinan biasa—Undang-undang biasa, sepatutnya Undang-undang biasa itu mesti menurut Perlembagaan. Biarlah dia duduk di situ, tahu sama tahu sudahlah. Khabarkan kepada Dewan Negeri ataupun khabarkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jangan melantik lebih daripada tiga tahun, biarlah Perlembagaan itu duduk di situ, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini saya menganggap Dewan Negara ini adalah satu Dewan yang tertinggi dan saya hormati. Kalau ada orang mengatakan Dewan Negara ini Dewan rubber stamp, saya akan melenting, Tuan Yang di-Pertua, saya marah. Tetapi dengan wujudnya pindaan ini orang mengatakan Dewan Negara ini Dewan rubber stamp—betul. Sepatutnya ahli-ahli Dewan Negara ini biarlah dia 10 tahun 20 tahun dia menjadi ahli sebab dia ini duduk di Dewan Negara untuk menapis apa yang dibuatkan oleh Dewan Rakyat. Dewan Rakyat ini adalah terdiri daripada orang-orang muda, orang-orang yang lekas panas—semangat panas.

Tuan Yang di-Pertua: Seperti Ahli Yang Berhormat—orang muda.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Kadang-kadang dia membuat undang-undang secara terburu-buru, maka bila sampai di sana jumpa dengan orang tua-tua yang mempunyai pengalaman sampai 10-20 tahun baharulah betul. Saya sudah dekat 12 tahun duduk di sini, pakar sedikit sebanyak dalam segi membuat undang-undang ini, walaupun saya

menjadi Pembangkang, tetapi pakar. Jadi dia hendak menapis apa yang saya buat ini dia tidak lebih daripada 6 tahun. Cuma orang mengatakan memanglah Dewan Negara sekarang, dianggapkan sebagai Dewan parti Kerajaan beri sugu hati kepada pekerja-pekerja parti ataupun calon-calon yang kalah dalam pilihanraya, jadi pergilah duduk di sana tiga tahun dan dapat pencen. Cukup untuk dapat full pension berilah 6 tahun. Jadi tiap-tiap orang dapat duduk menjadi Ahli Dewan Negara 6 tahun maka dia mendapat full pension maknanya setengah daripada elaun. Begitu juga ganjaran 6 tahun, kalau lebih daripada 7 tahun dia tidak boleh, maknanya 72 bulan bererti 6 tahun. Jadi dia boleh tinggalkan tempat itu dan datang pula orang lain. Ini saya rasa amat tidak seronoklah, Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya tak usah 6 tahun, biarlah sampai tua ada di sana sedap sedikit kita menerima undang-undang ini setelah ditapis oleh Ahli-ahli Dewan Negara dan jangan pula Dewan Negara ini dianggapkan sebagai rubber stamp.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung Perkara 56 dan Perkara 57 Perlembagaan dan Seksyen 10 Jadual Kelapan kepada Perlembagaan adalah dipinda—maknanya ini sama sahaja. Perkara 56 Perlembagaan berhubung dengan Yang di-Pertua Dewan Negara, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Perkara 57 Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Timbalannya dan Seksyen 10 Perlembagaan berhubung dengan Yang di-Pertua Dewan-dewan Negeri. Mengikut peruntukan sekarang ini, siapa sahaja menjadi Yang di-Pertua Dewan dan Timbalan Yang di-Pertua mereka tidak boleh hendak menjawat jawatan sebagaimana biasa. Minta izin, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Tuan Yang di-Pertua, saya tahu menjadi Chairman bagi Development Bank, kalau tidak silap saya, sekarang ini tidak bolehlah lagi, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolehlah. (Ketawa)

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Yang saya hendak bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, apa kena-mengena menjadi Yang di-Pertua dan menjadi Yang di-Pertua Dewan Negeri mereka tidak boleh menjawat jawatan, apa ada kena-mengena. Sepanjang yang saya

tahu kalau Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang di-Pertua Dewan Negeri mereka cuma bertugas berhubung dengan Wakil-wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat dalam Dewan, mereka tidak punyai kuasa Eksekutif yang boleh memberi satu-satu benda atau habuan kepada rakyat jelata. Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya pindaan Perlembagaan ini tidak siapa lagi hendak menjadi Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang di-Pertua Dewan Negara. Nasib baiklah Tuan Yang di-Pertua kita sekarang ini Alhamdulillah! Kalau saya, menjadi Yang di-Pertua-teruklah.

Tuan Yang di-Pertua: Ini apa yang Alhamdulillah itu?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Kalau tidak berniapapun tidak apalah, maknanya sudah banyak Tuhan beri rezeki yang ada dalam simpanan (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tahu-ya (*Ketawa*).

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Dengar cerita, Tuan Yang di-Pertua. Lebih-lebih lagi kalau Dewan-dewan Negeri, Yang di-Pertua Dewan-dewan Negeri sepanjang yang saya tahu gajinya \$2,500 dan elauan Ahli Dewan \$2,000 jumlahnya \$4,500. Kalau dia ada anak 10 orang dan belajar di luar negeri lebih-lebih lagi dia hendak keep up the standard sebagai seorang Yang di-Pertua dan hendak menyesuaikan dengan keadaan. Yang di-Pertua ini orang yang dihormati. Dia berkawan dengan Sultan-sultan. Kalau ada banquet-kalau ada jamuan-jamuan dia duduk di meja di Raja. Kalau \$4,500 ini berat. Jadi, perkara ini patut difikirkan, Tuan Yang di-Pertua. Tidak tahulah kalau Kerajaan sekarang ini hendak menaikkan elauan dan hendak menaikkan gaji itu lainlah soalnya, kalau boleh buat baguslah sebab dia tidak boleh berniaga itu dan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya tahu Yang Berhormat hendak mempertahankan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Yang di-Pertua Dewan Negara, saya tidak beri bercakap dahulu tadi.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tidak. Bukan maksudnya begitu, ini secara umum, Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat larilah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Perkara 150, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam di waktu membentangkan Rang Undang-undang ini mengatakan amat mustahak Kerajaan meminda Perkara 150 Perlembagaan ini kerana Kerajaan bertanggungjawab memelihara nyawa, memelihara harta, memelihara segala-galanya hak yang dimiliki oleh rakyat jelata. Jadi, saya hendak bertanya tidak cukupkah lagi perkara-perkara yang telah ada? Saya rasa sudah cukup. Kalaulah Kerajaan Malaysia boleh mendaruratkan satu bahagian negeri Malaysia ini pada tahun 1977 iaitu mendaruratkan negeri Kelantan boleh dilakukan, kenapakah Kerajaan tidak boleh melakukan darurat kepada bahagian-bahagian yang lain dengan peruntukan yang telah ada dalam Perlembagaan, yang terang-terang tertulis, Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Perdana Menteri boleh mengisytiharkan darurat jika sekiranya berlaku satu darurat yang mengancam keselamatan nyawa, keselamatan jiwa, keselamatan badan, keselamatan ekonomi negara. Tambah lagi, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kalau Yang di-Pertuan Agong—saya bacakan Fasal 15 (2):

“(2) Perisytiharan Darurat di bawah Fasal (1) boleh dikeluarkan sebelum sebenarnya berlaku kejadian yang mengancam keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa ada kemungkinan yang hampir akan berlakunya kejadian yang mengancamkan itu”.

Ini yang menjadi persoalan. Sebentar tadi, Tuan Yang di-Pertua, apabila satu soalan tambahan yang ditanyakan oleh pihak sebelah sini atau sebelah sana, benda ini jika, jika. ‘Jika’ Tuan Yang di-Pertua kata, bab ‘jika’ tidak boleh hendak

Tuan Yang di-Pertua: Itu Standing Order 23 (1) (*h*).

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Ya, saya tahu Standing Order menegahkan perkara yang macam itu, lebih-lebih lagi Perlembagaan tidak bolehlah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi tidak boleh. Misalnya, sekarang ini PAS negeri Kedah kuat. Saya hendak tanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebab diapun orang Kedah (*Ketawa*), dia tahu macam mana keadaannya. Jadi, ada di dalam hematnya, kalau dibiarkan nanti negeri Kedah hari ini UMNO kalah semua, termasuk Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri (*Ketawa*). Jadi sebelum kalah maka mungkin ada dalam pemikiran Yang Amat Berhormat ini dia boleh melakukan, boleh meminta DYMM Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan darurat oleh kerana kata dia kalau PAS menang akan berlaku satu perkara yang tidak diinginkan—Ah! daruratlah! sedangkan pindaan ini tidak ada dahulu di Kelantan boleh buat. Himpun tayar buruk-buruk, himpun kereta buruk, upah orang buat demonstrasi, lepas itu isytihar darurat, lepas itu adakan pilihanraya secara tergepar maka habis PAS kalah di negeri Kelantan. (*Ketawa*) Benda inipun boleh berlaku walaupun Yang Amat Berhormat mengatakan Kerajaan tentu tidak melakukan satu-satu perisytiharan dengan sewenang-wenang. Kita tahulah dia tidak buat waktu dia tidak mahu, tetapi waktu dia mahu dia buat. Ini tidak patut kita membenarkan Perlembagaan ini dipinda begini, tidak patut dibenarkan, sebab kalau kita membenarkan kita berat, Tuan Yang di-Pertua. Bukan sebelah sini sahaja berat

Tuan Haji Hashim bin Endut: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Ulu Muda!

Tuan Haji Hashim bin Endut: On a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Apa point of ordernya?

Tuan Haji Hashim bin Endut: 37, hendak minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan point of order (*Ketawa*). Point of order 37 (a); ini 37 (b) kalau dia hendak beri jalan. Boleh beri jalan?

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tidak beri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak beri.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Saya tidak pernah cakap, Tuan Yang di-Pertua, bila ahli bercakap, biarlah dia bercakap macam saya ini

Tuan Yang di-Pertua: Sebab itu saya beri yang pertama bercakap.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita membenarkan ini diluluskan dalam Dewan ini—baiklah sekarang ini kena kepada pihak Pembangkang, kalau sebelah sana pula jadi pihak Pembangkang diapun kena juga nanti—jangan ingat kata sebelah sana sahaja hendak memerintah selama-lamanya—tidak. Sebelah sinipun, insya Allah memerintah. Ini bukan olok-olok. Hakikat semangat Perlembagaan, semangat undang-undang mestilah begitu. Jangan cuba memberikan satu senjata yang amat tajam kepada pihak yang berkuasa untuk melakukan sesuatu perkara yang tidak baik kepada rakyat jelata. Jadi dengan sendirinya kalau Perkara 150 Perlembagaan ini diluluskan bererti demokrasi akan mati di dalam negara kita ini, maka timbullah autocracy; saya rasa Kerajaan sekarang ini bercadang hendak memerintah sampai lama, biarlah orang lain dapat peluang juga memerintah, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau dengan semangat yang ada dalam Perlembagaan ini saya rasa orang lainpun ada peluang, tetapi dengan wujudnya pindaan Yang di-Pertuan Agong, Kerajaan boleh mengisytihar darurat maka sampai bila-bilalah! Itu yang saya rasa amat tidak baik kalau kita meluluskan bab-bab itu.

Tuan Yang di-Pertua: Dahulu sudah sama memerintah tetapi hendak minta keluar pula.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Itu lain masa, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Oh! lain.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Berhubung dengan Perkara 114 Perlembagaan; Perkara 114—Pilihanraya. Pindaan ini minta supaya selain daripada

“pengerusi” Suruhanjaya Pilihanraya diadakan tambahan seorang timbalan pengerusi”. Saya rasa dengan lulusnya Pindaan 150 ini Suruhanjaya Pilihanrayapun tidak banyak kerja, jadi tidak perlu hendak ditambahkan seorang timbalan pengerusi, cukup dengan seorang pengerusi sahaja sebab pada pendapat saya mengikut jangka panjang Kerajaan bercadang tidak mengadakan pilihanraya. Saya rasa oleh kerana perkara yang saya hendak cakap sudah sampai maksud saya, sudah didengar oleh Yang di-Pertua sendiri dan pihak pembawa Rang Undang-undang ini sendiri, saya ucapkan terima kasih dan di akhir sekali saya menentang pindaan Perlembagaan ini dengan sekuat-kuatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri peluang kepada yang jarang bercakap. Ahli Yang Berhormat dari Jasin.

4 00 ptg.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Jasin): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan penuh kepada pindaan Perlembagaan ini kerana tujuan pindaan ini adalah sangat baik dalam semua segi untuk kepentingan negara kita. Walau bagaimanapun, saya suka menyentuh, memberikan ulasan di atas satu paragraph sahaja iaitu mengenai Perkara 89, muka 5 mengenai tanah Rezab orang-orang Melayu.

Di sini saya memuji Kerajaan kerana ketegasan dan kesedarannya serta sanggup meminda Perlembagaan untuk mengawal tanah Rezab orang-orang Melayu tetapi saya dapati dalam Perkara 89 (b) dalam Fasal 3 ada kelemahan yang patut saya kemukakan iaitu mengikut pindaan yang dicadangkan, Kerajaan hendaklah dengan serta merta mengisytiharkan sebagai tanah Rezab orang Melayu, jika mana-mana tanah terhenti menjadi tanah Rezab orang Melayu, mana-mana tanah lain yang serupa jenisnya dengan tanah itu dan seluas tidak lebih daripada luas tanah itu. Ini adalah bahasa Melayu yang telah digubal mengikut undang-undang. Kalau mengikut bahasa Melayu biasa, apabila sekeping tanah orang Melayu diambil atau lucut haknya daripada menjadi Malay Reservation maka hendaklah dengan serta merta Kerajaan menggantikan sekeping tanah baru yang sama luasnya dan sama jenisnya.

Ini bererti jika tanah orang Melayu yang syaratnya sebagai tanah pertanian di dalam bandar yang belum ditukar syarat terhenti menjadi tanah Rezab orang Melayu maka gantinya jika mengikut pindaan Perlembagaan ini hendaklah juga tanah yang serupa jenisnya iaitu tanah pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, masih banyak lagi tanah-tanah termasuk tanah-tanah di Kuala Lumpur ini juga yang mempunyai tittle sebagai tanah pertanian. Tuan-tuan punya tanah belum mempunyai kesanggupan untuk memohon supaya syarat tanah itu ditukar daripada pertanian kepada perindustrian ataupun perumahan. Dan jika tanah itu diambil oleh Kerajaan, atau terlucut hak orang Melayu di atas tanah tersebut, maka Kerajaan dengan serta merta menggantikan tanah yang sama luasnya dan sama jenisnya. Jadi kalau tanah pertanian yang masih ada di Kuala Lumpur dilucutkan daripada hak Malay Reservation dan Kerajaan terpaksa mengeluarkan seluas itu juga tanah yang sama jenisnya, maknanya tanah pertanian juga, tentulah tidak ada logiknya bagi Kerajaan mengeluarkan tanah pertanian lagi untuk tanaman kelapa dan sebagainya dalam bandar Kuala Lumpur, Penang atau mana-mana bandar yang lain. Di sinilah letaknya kelemahan Perkara 89 (b) dalam Fasal (3) itu.

Untuk mengatasi kelemahan ini, saya mengesyorkan supaya dibuang satu baris perkataan-perkataan di dalam baris 7, 89 (b). Perkataan-perkataan itu ialah “yang serupa jenisnya dengan tanah itu”. Kalau itu dibuang tidak akan menimbulkan masalah oleh pegawai-pegawai yang akan melaksanakan undang-undang ini kelak. Ini bererti jika tanah itu syaratnya masih lagi pertanian dan apabila digantikan dengan satu tanah baru maka bolehlah gantian tanah baru itu mempunyai syarat untuk pertanian, perumahan, pejabat-pejabat dan sebagainya dengan tidak ada menimbulkan pertelingkahan dengan Perlembagaan yang hendak kita pinda ini.

Lagi satu takdirnya pula tanah Malay Reservation yang diambil dalam bandar itu mempunyai syarat boleh didirikan rumah dan perindustrian dan tidak ada pula gantinya dalam bandar, sebab tanah Kerajaan semakin

hari semakin kurang hari ini dan terpaksa digantikan di luar bandar. Kalau tanah asal itu di dalam bandar mempunyai syarat yang boleh didirikan bangunan dan digantikan dengan satu tanah baru di luar bandar yang tidak layak untuk bangunan, tentulah tidak menasabah juga. Oleh sebab itu apabila Kerajaan hendak mengadakan tanah ganti yang baru, tanah yang mahal harganya dalam bandar tetapi terpaksa diganti di luar bandar maka kadar luas tanah itu sahaja tidak sepatutnya menjadi perhitungan.

Saya berfikir nilai harga tanah itu patut menjadi perhitungan juga. Seekor tanah perindustrian dalam bandar, saya fikir boleh disamakan dengan mungkin 50-100 ekar tanah pertanian di luar bandar.

Saya bimbang jika ini tidak dipinda seperti yang saya sebutkan tadi maka implementor yang akan datang terang-terang mengatakan apabila tanah Malay Reservation itu lucut maka tanah ganti mesti sama luasnya dan sama jenisnya dengan tidak memperhitungkan kedudukan tanah itu di bandar ataupun di luar bandar.

Inilah satu sahaja perkara yang suka saya bawa perhatian Kerajaan dan sebentar tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar ucapan wakil dari PAS Kota Star, cuma satu sahaja beliau menyebut bahawa apabila diberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan dharurat maka ini mungkin memberi keuntungan kepada Kerajaan. Dengan adanya dharurat yang diisytiharkan itu maka parti Kerajaan akan mencapai kemenangan apabila diadakan pilihanraya. Kepada beliau, saya suka sebutkan bahawa kemenangan Barisan Nasional di dalam pilihanraya negeri di Kelantan, 1978 dahulu adalah satu undang-undang dharurat yang dibuat oleh Dewan ini. Jadi sama ada undang-undang itu dibuat oleh siapa pun, oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong secara langsung atau yang dibuat oleh Dewan ini, kalau parti itu sudah kacau-bilau hendak kalah, dia pasti kalah juga (*Tepuk*) kerana parti Pembangkang sering mengatakan bahawa rakyat Malaysia bukan bodoh macam dahulu lagi. Mereka mengatakan rakyat hari ini sudah cerdik pandai. Kita bagi pihak Barisan Nasional pun

mengakui serupa itu juga. Dengan sebab itu kita tidak gentar menghadapi rakyat kerana mereka boleh menimbang, ia tidak peduli siapa yang mengisytiharkan dharurat. Mereka itu menimbang parti mana yang boleh menyelamatkan nyawa mereka itu dan dalam pilihanraya di Kelantan itu, rakyat Kelantan yang begitu cerdik telahpun mengubah sikap dan memberikan kepercayaannya kepada Parti Barisan Nasional. Jadi tidak seharusnya parti PAS ini meragukan kejujuran parti Barisan Nasional dalam pindaan yang sedang kita bincangkan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong.

4.09 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, sebelum saya teruskan ucapan saya atas Rang Undang-undang yang mustahak yang ada di hadapan kami, saya harap Tuan Speaker jikalau saya ada kemusykilan untuk beri ucapan saya dalam Bahasa Malaysia secara halusi, maafkan saya. Ini jadi akibat oleh kerana pada masa saya berada di sekolah tidak ada pelajaran Bahasa Malaysia dan pada masa saya menuntut di Universiti Singapura juga tidak ada pelajaran Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, Tuan Speaker, saya cuba, saya cuba beri ucapan saya jikalau boleh tanpa teks ini, jikalau saya ada kemusykilan, jikalau saya ada sedikit sebanyak apa yang ada dalam teks ini, saya harap Tuan Speaker beri saya satu peluang.

Tuan Speaker, Rang Undang-undang yang ada di hadapan kami hari ini, ini jadi Rang Undang-undang paling mustahak. Saya dukacita sekali lagi Kerajaan berminat meminda Perlembagaan Persekutuan sejak beberapa kali dalam tahun lalu pun ada dipinda dan rupa Perlembagaan asal yang ada dalam tahun 1957 bukan berupa sekarang. Ini sudah jadi rupa lain bukan Perlembagaan yang ada diberi kepada negara ini oleh Ratu British dan Raja-raja kita. Perlembagaan kita jadi undang-undang teragung di negara ini dan jikalau saya boleh baca Perkara 4 Perlembagaan dalam bahasa Inggeris yang ada terkandung dalam Perkara 4, Fasal (1), dengan izin:

“This Constitution is the Supreme law of the Federation and any law passed after

Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void.”

Bermakna Perlembagaan ini jadi undang-undang teragung, Supreme law dan apa-apa undang-undang lain yang ada dibuat oleh Parlimen selepas Perlembagaan ini sudah ditubuhkan jikalau ada lawan dengan apa-apa yang ada dalam Constitution ini undang-undang itu tidak sah.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan kita adalah asas atau bedrock wujudan negara kita sebagai sebuah negara berasas kepada demokrasi berparlimen dan berperlembagaan. Dukacita Perlembagaan kita ada dipinda sebanyak 25 kali dalam masa 24 tahun sahaja.

Tuan Speaker, Perlembagaan (Constitution) Amerika Syarikat yang berkuatkuasa sejak 17hb September, 1787 hanya dipinda sebanyak 24 kali dalam 1,094 tahun.

Tuan Speaker, Perlembagaan kita adalah sebuah dokumen yang suci dan tidak harus dipinda mengikut suka hati, apa yang ada dibuat oleh Kerajaan sekarang dan dalam masa-masa dahulu, dalam masa-masa dahulu Kerajaan tidak teragak-agak untuk membuat pindaan-pindaan kepada Perlembagaan untuk mengatasi keputusan-keputusan yang dibuat oleh mahkamah yang mana keputusan-keputusan itu tidak menyebelahi Kerajaan seperti selepas kes Mahan Singh, Perkara 135 ada dipinda oleh Kerajaan. Selepas kes Teh Cheng Poh, dalam kes itu saya jadi peguam, selepas itu juga Perlembagaan ada dipinda—bukan Perlembagaan tetapi Undang-undang yang ada berkuatkuasa Majlis Privy ada memutuskan Essential (Security Cases) Regulations, dengan izin, tidak sah Perlembagaan Artikel 150, oleh kerana bila undang-undang itu ada dibuat Parlimen ada sidang dan oleh kerana itu Yang di-Pertuan Agong tidak ada kuasa untuk buat undang-undang itu. Tetapi selepas keputusan itu ada satu Ordinan Darurat yang dibuat dalam Parlimen ini The Emergency (Essential) Powers Act, 1979 dan apa-apa yang ada diputuskan oleh Majlis Privy tidak sah.

Selepas itu sampai hari ini lebih kurang 18 orang yang ada dihukum di bawah ISA, kes-kes dijalankan dibawah Essential (Security Cases) Regulations itu sudah gantung. Dukacita Teh Cheng Poh orang ini orang berani oleh kerana berani lawan Kerajaan, kes ini dihantar ke London, orang ini berani pergi ke London untuk prove kepada Kerajaan undang-undang yang ada dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong tidak sah. Saya pun ada buat rayuan berkali-kali kepada Kerajaan supaya timbang perkara ini dengan teliti jangan gantung orang-orang yang ada didapati salah di bawah ISA dahulu daripada kes Teh Cheng Poh oleh kerana kes-kes itupun serupa.

Tuan Speaker, saya merasa dukacita dalam masa bulan Mac bila Kerajaan jalankan sekali lagi gantungan mangsa-mangsa di bawah ISA, saya ada hantar satu telegram kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tetapi dukacita Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak ada memberi jawapan, tidak ada acknowledge telegram itu. Pada fikiran saya itu jadi satu sikap yang tidak baik oleh kerana dalam perkara ini ada terlibat nyawa tidak boleh diketepikan. Apa yang saya harap boleh jadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri campurtangan dalam perkara ini di atas, dengan izin, humanitarian grounds, jangan gantung orang-orang yang ada didapati salah di bawah ISA. Barangkali jikalau masa itu Perdana Menteri kita ada bertugas, bukan acting Prime Minister, tetapi Perdana Menteri kami juga oleh kerana beliau seorang lawyer dia tahu undang-undang, orang yang boleh melihat apa-apa yang humanitarian, boleh jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jadi seorang doktor barangkali tahu pembedahan (surgery), pembedahan dan gantungan barangkali serupa dalam fikiran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Tetapi bukan serupa dalam fikiran orang yang tahu humanitarian grounds.

Tuan Speaker, saya harap dalam masa depan Kerajaan tidak dengan secara apa yang digunakan sekarang di dalam Rang Undang-undang Perlembagaan Pindaan, oleh kerana Perlembagaan seperti saya kata tadi adalah satu bedrock, batu asas undang-undang dalam negara ini.

Tuan Speaker, saya bukan mengatakan tidak boleh adakan pindaan atas Perlembagaan. Perlembagaan jadi satu dokumen yang bernyawa (a living document) yang mesti harus memperhitungkan perubahan masa. Boleh jadi ada masanya apabila satu pindaan mesti diadakan. Ini bukan satu dokumen yang tidak ada asas, tidak ada spirit, bukan satu dokumen yang static. Boleh diadakan pindaan tetapi pindaan-pindaan kepada Perlembagaan yang dibuat untuk mewujudkan Malaysia pastilah justified.

Tuan Speaker, tidak seorangpun akan bertikai dengan pindaan-pindaan itu akan tetapi penyekatan hak-hak asasi sudah tentu akan melencung dari sistem demokrasi berparlimen kita yang diharapkan oleh penggubal-penggubal Perlembagaan kita.

Tuan Speaker, dalam tahun 1960 Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) telah diperbuatkan sebagai undang-undang oleh Parlimen. Tahanan sewenang-wenangnya yang dilakukan di bawah ISA tidaklah memberi gambaran baik di khalayak negara-negara lain. Apa yang saya katakan ialah kami tidak boleh mengenyepikan international opinion, dengan izin. International opinion jadi satu opinion yang kami tentu ikut, Tuan Speaker. Saya bukan mengatakan paksa ikut tetapi haruslah kami ikut.

Tuan Speaker, laporan Amnesty International ke Malaysia dalam tahun 1978 telah diharamkan oleh Kerajaan. Saya mahu tanya kepada Kerajaan mengapa Kerajaan harus mengharamkan laporan tersebut jika Kerajaan tidak mempunyai sesuatu untuk disembunyikan. Jikalau tidak ada apa-apa tentulah Amnesty International mengatakan: Bila misi itu datang ke negara ini ada pergi ke Batu Gajah atau tempat-tempat tahanan lain. Jikalau ada apa-apa yang misi laporkan dan dalam fikiran saya dalam laporan Amnesty International ada banyak perbuatan buruk yang dilakukan oleh Kerajaan atas mangsa-mangsa yang ada ditahan sekarang di negara ini. Kami pun dalam DAP ada 2 mangsa, rakan saya dari Sungai Besi dan juga dari Batu Gajah; sudah lebih kurang 6 tahun sampai hari ini kedua-dua mereka masih ada di dalam tahanan. Apa sebab tahanan ini, Tuan Speaker?

Musa Ahmad sendiri mengaku jadi Pengerusi Parti Komunis Malaysia. Tuan Speaker, masa dahulu, bukan masa sekarang dia jadi Pengerusi, saya ingat masa dahulu iaitu daripada kemerdekaan. Tentulah beliau telah berada dalam hutan, tentu ada beri perintah-perintah kepada orang-orang lain, boleh jadi bukan beliau sendiri pergi ke tempat orang, boleh jadi ada beri perintah-perintah kepada orang-orang yang sokong beliau untuk

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): (*Bangun*)

Tuan Karpal Singh: Ada apa-apa?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Karpal Singh: Baik.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat itu bercakap mengenai fasal berapa? Itu sahaja yang saya hendak bertanya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia bercakap fasal Perlembagaan. Tetapi sebelum dia menyentuh kepada Perlembagaan itu, dia memberi latar belakang sedikit dahulu.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Lama sangat, sebab cerita yang Ahli Yang Berhormat itu bercakap adalah cerita lama juga, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Biasa berlaku macam ini. Teruskan.

Tuan Karpal Singh: Saya tidak tahu ada Ahli-ahli yang sokong Musa Ahmad dalam Dewan ini (*Ketawa*).

Walau bagaimanapun, Tuan Speaker, apa yang saya cakap tadi pada fikiran saya tidak ada apa-apa sebab tahanan rakan kami dalam DAP. Dua orang rakan saya dalam tahanan dan saya harap pada masa hadapan dan tidak berapa lama lagi kedua-dua mangsa ini boleh dilepaskan dan juga mangsa-mangsa lain seperti Kassim Ahmad dan orang-orang lain, pemimpin-pemimpin parti lain, pemimpin Parti Labour yang ada ditahan barangkali lebih 10-15 tahun.

Tuan Speaker, saya berbalik kepada laporan Amnesty International ini. Saya pasti laporan tersebut boleh didapati dengan mudah di negara-negara lain. Janganlah kita berlagak seperti dengan izin "the proverbial ostrich with its head buried in the sand" dan tidak mahu tahu-menahu apa yang berlaku di sekelilingnya.

Tuan Speaker, tidaklah guna bagi Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membidas kerap kali usaha-usaha yang dijalankan oleh Amnesty International untuk memastikan wujudnya the Rule of Law dalam negara ini. Saya beri amaran kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jadi satu hari Menteri itu boleh ditahan jikalau ada regim lain dalam negara ini. Boleh jadi masa itu Amnesty International boleh adoptkan beliau jadi satu prisoner of conscience, jangan kritik apa yang boleh jadi dalam masa hadapan. Jikalau regim yang bukan sesuai—bukan DAP—tetapi regim lain, susah dan fasal itu saya beri amaran.

Tuan Speaker, Amnesty International bukanlah

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya telah beri 20 minit kepada Ahli Yang Berhormat untuk bercakap berkenaan dengan Akta untuk meminda Perlembagaan. Jadi saya ini memanglah flexible tetapi janganlah sampai melencong jauh sangat daripada apa yang kita hendak bincangkan pada petang ini dan saya jemput Yang Berhormat tolong tumpukan kepada perkara untuk meminda Perlembagaan.

Tuan Karpal Singh: Terima kasih, Tuan Speaker. Tuan Speaker, saya hendak quote apa yang ada dikatakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dr Tan Chee Khooon baru-baru ini. Dengan izin, saya quote

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Quote yang relevant sahaja.

Tuan Karpal Singh: Ya, relevant.

"The Internal Security Act has enchained and placed a millstone round the neck of all freedom lovers in this country."

Tuan Speaker, Kerajaan malah telah membuat pindaan-pindaan kepada Perlembagaan kita untuk menyekat kebebasan berdebat beberapa isu-isu tertentu di dalam Parlimen. Adalah menjadi satu kesalahan untuk menyoal hak-hak tertentu meskipun menurut tradisi Parlimen adalah, dengan izin, an immune sanctuary. Tuan Speaker, isu-isu tertentu boleh menjadi sensitif dan mungkin tidak boleh disuarakan secara terbuka supaya tidak membahayakan fahaman sensitif dan volatile masyarakat majmuk kita. Tetapi takkanlah perkara-perkara ini tidak boleh dibincang secara terusterang di Dewan ini. Memang, kita semua cukup matang untuk menghadapi masalah-masalah ini. Untuk sebab-sebab keselamatan untuk mengelakkan perbincangan-perbincangan ke atas isu-isu sensitif sampai ke pengetahuan orang ramai dengan membincangkan perkara-perkara tersebut dalam satu closed session. Adalah menjadi pandangan saya bahawa pengharaman penuh isu-isu sensitif akan membawa ke arah explosion yang tidak boleh dielakkan, dan jika sekiranya itu berlaku sudah pasti bukanlah in the national interest.

Tuan Speaker, saya pergi kepada Rang Undang-undang yang ada di hadapan kami sekarang. Kerajaan tidaklah sepatutnya menyalahgunakan majoriti 2/3 untuk meminda Perlembagaan seperti apa yang ada di hadapan kami. Pindaan kepada Perlembagaan, adalah satu perkara yang serius, ia menjejaskan orang ramai. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini memberi kuasa yang "unprecedented" kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dalam hal-hal mengisytiharkan darurat dan pengecualian penuh mahkamah untuk menyoal satisfaction Yang di-Pertuan Agong ataupun mempersoal mana-mana perisytiharan yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Speaker, apakah Kerajaan telah menimbang dengan seriusnya kebijaksanaan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini. Adalah sangat mengejutkan untuk memerhatikan bahawa Rang Undang-undang ini dibentangkan di dalam Dewan ini hanya pada minggu yang lalu. Masa yang ditetapkan untuk membahas Rang Undang-undang ini

terlalu singkat, malah perbincangan atas Rang Undang-undang ini boleh jadi hari ini juga tidak dapat masa yang lanjut.

Tuan Speaker, apakah perlunya untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini dengan begitu cepat? Mengapakah Rang Undang-undang ini tidak diberi kepada Ahli-ahli Dewan ini sebelum mesyuarat ini bermula? Tidak ada apa-apa sebab dalam fikiran saya. Adalah nyata peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini digubal terlebih dahulu dan jika ya, mengapa ia tidak diedar kepada Ahli-ahli terlebih dahulu dan hanya diedarkan pada minggu yang lalu sahaja. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, berkenaan akan memberi satu penjelasan atas perkara ini, tetapi seperti biasa Menteri-menteri akan menyalahkan pihak Pembangkang kerana menentang Rang Undang-undang ini dan mereka pasti tidak akan memberi apa-apa penjelasan atas perkara ini.

Tuan Speaker, saya menggesa Kerajaan supaya menangguhkan Rang Undang-undang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat dan orangramai hendaklah diberi masa yang lebih untuk berfikir dan menimbang pindaan-pindaan ini yang begitu drastic dan draconian. Pindaan-pindaan ini hendaklah dirujuk kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan. Malah saya menyeru Kerajaan mengadakan satu pungutan suara, satu referendum berkaitan dengan pindaan ini yang bertujuan memberi kuasa-kuasa darurat kepada Yang di-Pertuan Agong sepertimana dicadangkan dengan membatalkan Fasal 1 dan 2 Perkara 150 Perlembagaan dan menggantikannya dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini. Bukanlah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dengan sendiri yang akan melaksanakan kuasa-kuasa darurat. Boleh jadi dalam fikiran orangramai kuasa-kuasa ini ada diberi kepada Yang di-Pertuan Agong. Di segi undang-undang itu bukan benar.

Tuan Speaker, Yang di-Pertuan Agong adalah seorang monarch berperlembagaan dan Baginda adalah dikehendaki dalam semua fungsi-fungsi executive bertindak menurut nasihat jumaah Menteri, the Cabinet. Ini sebenarnya bermakna Kerajaanlah yang akan

memutus dan bukan Yang di-Pertuan Agong. Soal pokoknya ialah apakah perlu Kerajaan memberi kuasa-kuasa luar biasa kepada Yang di-Pertuan Agong dan digunakan oleh Kerajaan sendiri. Soal yang timbul dalam fikiran ialah apakah perlu Kerajaan mempunyai kuasa-kuasa yang begitu luas yang ada diberi kepada Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 150 Perlembagaan?

Tuan Speaker, negara kita bukanlah berada dalam keadaan kucar-kacir Mei 13 atau sedang menghadapi apa-apa krisis utama. Maka apakah perlunya untuk memperolehi kuasa-kuasa yang begitu luas yang mana kuasa-kuasa ini adalah lebih daripada apa yang diperlukan untuk menghadapi peristiwa Mei 13. Dalam fikiran saya tiada apa-apa dalam zaman sekarang. Tidak ada!

Tuan Speaker, kuasa-kuasa darurat hanya disebabkan untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan extreme seperti Mei 13. Dalam masa itu apa yang Kerajaan buat memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong, pada masa itu pada fikiran saya itu adalah betul oleh kerana ada satu darurat, satu peristiwa yang tidak boleh dihadapi jikalau masa itu Kerajaan hendak menggunakan undang-undang biasa. Masa itu masa luar biasa oleh kerana itu benar Kerajaan boleh guna undang-undang yang luar biasa, tetapi bukan keadaan seperti itu dalam perkara ini. Negara kita adalah sebuah negara demokrasi berparlimen, apa yang saya cakap tadi bercommit untuk mempertahankan the rule of law.

Tuan Speaker, Fasal 8 baru kepada Perkara 150 Perlembagaan berbunyi: "Walau apapun yang terkandung di dalam Perlembagaan ini—

(a) puashati Yang di-Pertuan Agong yang disebut dalam Fasal (1) dan Fasal 2B adalah terakhir dan muktamad dan tidak boleh dicabar atau dipersoal dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan". A complete shut-off from the court of law.

“(b) tiada sesuatu mahkamahpun boleh mempunyai bidangkuasa untuk melayan atau memutuskan apa-apa permohonan, persoalan atau perbicaraan dalam apa jua bentuk,

atas apa-apa alasan, mengenai sahnya—

- (i) perisytiharan di bawah Fasal (1) atau pengumuman yang dibuat di dalam perisytiharan itu yang bermaksud sebagaimana dinyatakan dalam Fasal (1).
- (ii) kuatkuasa berterusan Perisytiharan itu;
- (iii) apa-apa ordinan yang diisytiharkan di bawah Fasal (2B); atau
- (iv) penerusan kuatkuasa mana-mana Ordinan itu.”

Tuan Speaker, Kerajaan dengan masukkan Fasal ini sebenarnya berhajat untuk mengecualikan Perisytiharan Darurat itu diulang kaji oleh mahkamah. Apakah Kerajaan telah hilang keyakinan dan kepercayaan dalam hakim-hakim kita? Ini memang merupakan a slap in the face for our judges. Dalam masa dahulu hakim-hakim ada dalam soalan perisytiharan bahawa Perkara 150 ada kes-kes dalam mahkamah ada beri keputusan bagi pihak Kerajaan, bukan tentang Kerajaan, ada juga di mana tentang pun ada, hakim-hakim kami ada beri keputusan yang adil. Apa yang sudah jadi sekarang tidak ada kepercayaan dalam hakim-hakim itu juga, bukan hakim-hakim lain—serupa, banyak hakim-hakim yang arif, berpengalaman seperti Tun Suffian, Tan Sri Raja Azlan Shah dan hakim-hakim lain.

Tuan Speaker, saya menggesa Kerajaan supaya bersikap munasabah. Ada masa lagi tidak lulus Rang Undang-undang ini ada juga bentuk dan perbahasan, boleh lagi ada masa tarik balik. Tetapi apa yang saya tahu sikap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dia gelar sekarang tidak boleh jadi macam itu. Tentu malam ini barangkali pukul 10.00, boleh jadi awal daripada pukul 10.00 tentu diluluskan. Itu jadi satu akibat yang saya tidak boleh buat apa-apa tetapi biarlah ini jadi satu akibat yang tidak baik demi kepentingan negara dan rakyat.

Tuan Speaker, janganlah kita mengambil langkah-langkah yang nyata merbahaya dan bertentangan dengan kepentingan awam. Janganlah kita menjadi a laughing stock di

kacamata negeri-negeri asing. Pihak Eksekutif hendaklah bersedia untuk membenarkan tindakan-tindakannya diperiksa oleh mahkamah. Apa takut jikalau tidak ada apa perbuatan yang buruk, beri mahkamah keputusan jikalau niat baik. Jikalau berani beri hakim-hakim kami dalam negara ini untuk timbang perkara dan beri keputusan. Inilah inti sebenar demokrasi. Janganlah kita mengurung dan menjadikan futile doctrine pengasingan kuasa-kuasa (the separation of powers). Ini jadi satu doctrine yang ada diikuti dengan halusi dalam negara ini. Pada fikiran saya ada melihat sebab-sebab yang kami sekarang tidak mahu ikut apa yang kami ada ikut sampai sekarang apa yang ada diikuti oleh demokrasi-demokrasi lain dalam dunia ini, tidak ada sebab.

Saya harap bila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri beri jawapan beri sebab-sebab kepada kami, bukan kami dalam Dewan yang mulia ini juga tetapi semua rakyat dalam negara ini oleh kerana perkara ini jadi satu perkara yang maha mustahak.

Tuan Speaker, dalam akhbar *The New Straits Times* yang dikeluarkan pada 4hb April tahun ini, dalam suratkhbar itu muka surat 4 jikalau saya tidak silap ada terkandung apa yang saya baca dalam Bahasa Inggeris:

(Dengan izin): “A source today said the amendments were introduced as such proclamations, meaning proclamation of emergency, which are considered too important to be discussed openly or argued, were being challenged in court. Some people took them up as test cases or to gain publicity. These amendments will prevent people from doing this.”

Apa maksud ini, Tuan Speaker? Jadi ini perisytiharan yang mustahak (important) tidak boleh dibincang secara terbuka, tidak boleh dicabar dalam mahkamah. Ada orang, apa yang disebut di sini, orang jadi orang, barangkali lawyer—peguam-peguam hendak dapat peluang kes-kes ini untuk pergi ke mahkamah dan dapat publicity. Jadi Rang Undang-undang ini tidak boleh ada perbuatan begitu.

Tuan Speaker, saya syaki sumber laporan ini dari Kerajaan, bukan orang lain. Jikalau ini jadi sumber Kerajaan, sebab-sebab yang ada

diberi dalam apa yang saya baca baru-baru ini, ini jadi sebab-sebab yang frivolous oleh kerana ada Peguam yang hendak cari publicity, oleh kerana itu tidak boleh disoal dalam mahkamah. Bolehkah itu jadi sebab yang boleh diterima oleh orang yang ada fikiran? Oleh kerana proklamasi-proklamasi ini jadi proklamasi-proklamasi darurat yang ada mustahak, oleh kerana itu tidak boleh dibincang secara terbuka, tidak boleh dipersoal dalam mahkamah. Bolehkah itu jadi sebab-sebab yang boleh digunakan untuk ada Rang Undang-undang sepertimana kita membahaskan sekarang.

Tuan Speaker, saya menyokong penuh pendirian yang diambil oleh Majlis Peguam berkait dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Perlembagaan Persekutuan. Majlis Peguam telahpun umumkan kepada orangramai satu memorandum mengenai Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pertubuhan dan Perlembagaan Persekutuan. Saya bercakap di sini bahawa saya bersetuju dan menyokong penuh pendirian yang diambil oleh Majlis Peguam. Saya tidak tahu sama ada Tuan Speaker ada memorandum itu tetapi memorandum itu ada pada saya, jikalau Timbalan Speaker atau Tuan Speaker hendak baca, saya harap sudah baca oleh kerana kelmarin dahulu, jikalau saya tidak silap, wakil Majlis Peguam ada datang ke sini, ada huru-hara di luar, sebab itu saya cakap mengenai perkara itu sekejap, ada diberikan memorandum-memorandum ini untuk Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi pada fikiran saya tidak banyak Ahli-ahli yang dapat peluang untuk pergi ke sana dapat memorandum itu dan baca dengan teliti memorandum itu. Ini jadi satu perkara dukacita. Oleh kerana apa yang ada dalam memorandum itu, ini jadi memorandum bantahan atas pindaan-pindaan Perlembagaan dan juga Societies Act. Boleh jadi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak ada memorandum ini, saya boleh dapatkan memorandum ini untuk Ahli-ahli Yang Berhormat baca dengan teliti

Ahli-ahli Yang Berhormat: Tidak payahlah!

Tuan Karpal Singh: Tidak payah! Oleh kerana tidak erti boleh jadi. Tetapi, Tuan Speaker, apa yang ada dalam

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti! Yang Berhormat apa hendak buat?

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Saya ingin bertanya Ahli Yang Berhormat itu apa hubungannya memorandum itu dengan Rang Undang-undang yang kita hendak luluskan sekarang ini? Apa hubungannya? Societies Act sudah habis, sudah lulus!

Tuan Karpal Singh: Sudah habis, betul. Tetapi ini perkara mustahak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat teruskan.

Tuan Karpal Singh: Apa kaitan? Itu soalan Ahli dari mana? (*Ketawa*). Tuan Speaker, dia tidak baca oleh kerana itu dia tidak tahu ada berkaitan. Saya baca dalam bahasa Inggeris

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak payah. Cuma beri

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, itu soalan saya hairan, apa kaitan memorandum ini kepada Rang Undang-undang ini. Ignorance is bliss.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalnya sekarang, kalau ada perkara memorandum berkaitan dengan

Tuan Karpal Singh: Ada kaitan, Tuan Speaker, ini bantahan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti! Kalau ada, Yang Berhormat beri dia punya point sahajalah Jangan terlampau verbatim. Itu sahaja. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, tolong!

Tuan Karpal Singh: Ini jadi, Tuan Speaker, saya baca dalam bahasa Inggeris.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tetapi jangan verbatim, beri summary sudahlah.

Tuan Karpal Singh: Ya. (*Dengan izin*) "The purpose amendments to the Societies Act and the Constitution—Memorandum Majlis Peguam atas Rang Undang-undang

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tetapi mahu jaga sedikit Yang Berhormat ini berkenaan dengan pindaan Perlembagaan, bukan Societies Act. Yang Berhormat mesti jaga sedikit. Bila mahu baca yang relevant sahaja atau yang berkenaan dengan Pindaan Perlembagaan sahaja, jangan campur-campur hal-hal Societies Act.

Tuan Karpal Singh: Oleh kerana, Tuan Speaker, ini jadi memorandum kedua

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak boleh, itu sebab saya mahu terang-terang

Tuan Karpal Singh: Saya baca, Tuan Speaker, dengan izin, ini panjang

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu fasal saya sudah cakap tadi, tidak usah baca, kalau mahu beri pointsnya, saya terima. Teruskan.

Tuan Karpal Singh: Apa yang ada di sini barangkali dalam hujah atau ucapan saya berikan sedikit penjelasan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Karpal Singh: Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak berapa berpengalaman dalam undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat: Sudahlah!

Tuan Karpal Singh: Bukan bodoh, boleh jadi

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan kacau kepada perbahasan. Teruskan kepada perbahasan mengenai pindaan Perlembagaan.

Tuan Karpal Singh: Baik, Tuan Speaker, apa yang saya cakap tadi, saya menyokong sepenuh-penuhnya pendirian rakan-rakan saya dalam Majlis Peguam. Tuan Speaker, Majlis Peguam adalah sebuah badan yang bertanggungjawab di dalam negara ini (*Ketawa*).

Jangan gelak! Yang ada 300 orang ahli-ahli dari profession undang-undang negara ini. Ini lawyer. Tuan Speaker, Majlis Peguam adalah sebuah badan berkanun (a body corporate) bukan jadi satu pertubuhan, bukan satu society. Body corporate, statutory body ini

ditubuhkan di bawah Seksyen 41 Akta Profesion Undang-undang 1976. Bukan ditubuhkan masa itu juga, Majlis Peguam ini sudah ada dalam tahun 1947, bukan satu Majlis, satu kumpulan baru, Tuan Speaker.

Seksyen 41, Akta tersebut berbunyi:

(*Dengan Izin*) "The purpose of the Malaysian Bar Council shall be:

- (1) To uphold the cause of justice without regard to its own interests or that of its members uninfluenced by fear or favour. (A very honourable object.)
- (2) To maintain and improve the standards of conduct and learning of the legal profession in Malaysia.
- (3) To facilitate the acquisition of legal knowledge by members of the legal profession and others.
Bukan profession undang-undang sahaja, yang lain juga.
- (4) To advise the Government and the courts where necessary in matters affecting legislation and the administration and practice of the law in Malaysia."

Ini sangat mustahak atas lain-lain purpose.

"To advise" Tuan Speaker, perkataan digunakan "to advice the government" ada purposes lain, Tuan Speaker, yang tidak ada banyak kaitan dengan usul di hadapan saya, tetapi (4) "to advise the Government"—beri nasihat kepada Kerajaan dan mahkamah-mahkamah di mana perlu, dalam perkara-perkara undang-undang dan pentadbiran undang-undang dalam Malaysia. Apa yang saya terjemahkan ini barangkali tidak betul, tetapi lebih kurang, Tuan Speaker.

Tuan Speaker, Seksyen 41 (*d*) ini jadi undang-undang yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini dan selepas itu Dewan Negara dan selepas itu Yang di-Pertuan Agong. Apa yang saya mahu bertanya kepada Dewan yang mulia ini kenapa ada seksyen seperti itu jikalau tidak mempedulikan Majlis Peguam, kenapa termasuk Seksyen 42 (1) (*d*) dalam undang-undang itu jikalau tidak mahu dengar nasihat-nasihat Majlis Peguam?

Tuan Speaker, Kerajaan selalu tidak mengindahkan Majlis Peguam. Dalam pengalaman saya, saya telah menjadi peguam selama 11 tahun, Kerajaan tidak peduli, sudah ketepikan banyak kali, bukan ketepikan bahkan memperkecilkan, pada masa-masa yang boleh dapat peluang-peluang memperkecil dan ignore Majlis Peguam.

Tuan Speaker, rang undang-undang tidak selalunya dirujukkan kepada Majlis Peguam untuk mendapatkan pandangan-pandangan sebelum dibentangkan dalam Parlimen. Tentu ini melanggar Seksyen (42) (1) (d), nasihat. Rang Undang-undang pun, Tuan Speaker, tidak ada dihantar kepada Majlis Peguam. Ini jadi satu mockery of the Legal Profession Act.

Tuan Speaker, Parlimen sendiri macam saya cakap ada dalam ini seksyen yang terang-terang memberi kuasa kepada Majlis Peguam tetapi Kerajaan tidak peduli sampai hari ini dan pada masa depan saya tahu apa hendak jadi. Majlis Peguam boleh jadi satu society yang tidak boleh campur tangan atau mengambil bahagian dalam politik. Ini tujuan Kerajaan, saya tahu. Betul, sekarang statutory body yang ditubuhkan di bawah Akta 1976 tetapi niat Kerajaan saya boleh tengok, terus terang dalam kepada, dalam ingatan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan Karpal Singh: Ini

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, tolong duduk sekejap! Dalam Peraturan Mesyuarat 36 (6), seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli yang lain. Saya tidak kata Ahli Yang Berhormat buat sangkaan jahat, tetapi sudah mula hendak sampai ke situ. Jadi saya harap Yang Berhormat jaga sedikit, jangan tohmah-tohmah sangat.

Tuan Karpal Singh: Ini apa yang benar

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu kita percaya Yang Berhormat

Tuan Karpal Singh: Jikalau tidak boleh diterima, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri terima, tidak ada apa-apa bantahan. Beliau dengar sahaja, duduk di

sana! (*Ketawa*). Tetapi di sini, oh! mahu sokong oleh kerana boleh jadi barangkali Timbalan Menteri atau apa-apa

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Tuan Karpal Singh: Itu tujuannya back-benchers, Tuan Speaker. Government semua opportunists yang mahu cari jalan—bukan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong

Tuan Karpal Singh: Itu tujuannya, Tuan Speaker, ini back benchers Government. Ini semua opportunists yang mahu cari jalan (*Disampuk*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat sekarang tumpukan kepada soal ini sahaja—cepat.

Tuan Karpal Singh: Oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat di sini kacau saya, tentulah saya kena cakap apa yang saya hendak cakapkan (*Disampuk*) Yang Berhormat boleh balik kampung, kalau tidak erti apa yang saya cakap.

Sampai sekarang, Tuan Speaker, saya boleh bercakap, ini bukan lagi seperti masa dahulu. Sekarang saya boleh cabar Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Masalah dahulu itu ialah barangkali masalah bercakap dalam bahasa Malaysia tetapi sekarang ini saya boleh bercakap, saya ingat boleh, dan pada masa hadapan tentulah saya dapat berpeluang bercakap dalam apa-apa juga undang-undang yang tidak adil, saya akan mengambil bahagian untuk memberitahu kepada rakyat apa yang ada berlaku di dalam Dewan Rakyat ini, oleh kerana itu adalah kewajipan saya dan tentu pada masa hadapan bukan sahaja saya duduk dalam Dewan ini tetapi juga akan mengambil bahagian

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong tumpukan pandangan Yang Berhormat di sini.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, Majlis Peguam adalah satu badan yang mustahak dan saya ingin berucap sedikit sebanyak berhubung dengan majlis itu. Majlis Peguam telahpun melahirkan pandangannya tanpa sebarang pertimbangan politik sampai

sekarang—tidak ada. Majlis Peguam menjalankan tugasnya tanpa takut atau memihak sesiapa without fear or favour sampai hari ini. Ada satu perkara dahulu atas perkara lantikan lawyer-lawyer untuk kes-kes ISA. Pada masa itu saya telahpun memberikan pandangan yang tidak serupa dengan ahli-ahli lain dalam Majlis Peguam tetapi itu adalah fikiran masing-masing. Pada masa itu saya telah membawa satu usul dalam Majlis Peguam, saya ingat dalam bulan Februari, 1980 tahun sudah, usul tersebut telah tidak diluluskan—saya kalah, tidak apa. Kalau majoriti kata apa yang saya cakapkan dalam usul yang dibentangkan itu tidak betul dan tidak boleh disokong—tidak apa tetapi sekarang dalam perkara ini apa yang dibuat oleh Majlis Peguam ini adalah satu role yang honourable. Kerana Majlis Peguam tahu apa yang dibuat ini adalah satu pencerobohan atas undang-undang yang tidak boleh dilepaskan begitu sahaja. Kita terpaksa bertindak cuba mengeluarkan bahagian-bahagian yang ada dalam perkara ini, barangkali Kerajaan boleh menukar fikirannya tetapi dalam fikiran saya tidak apa yang saya cakapkan dahulu pukul 9.00 semuanya habis, tentu lulus. Tetapi Majlis Peguam sentiasa cuba, dan percubaan itu saya fikir, Tuan Speaker ialah honourable. Kami dalam negara ini

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat! Saya sudah dengar Yang Berhormat bercakap memuji, menghormat kepada Majlis Peguam sudah 10-15 minit. Saya tidak menahan Yang Berhormat memuji—hormatlah tetapi perkara yang kita minta rundingkan ini ialah pindaan Perlembagaan. Jikalau ada apa-apa perkara yang berkaitan dengan Majlis Peguam tadi yang boleh menolong kita menyelesaikan masalah meminda Perlembagaan, saya terima tetapi Yang Berhormat mencerita panjang fasal sokong, honourable semua itu, teruskan sekarang!

Tuan Karpal Singh: Oleh kerana, Tuan Speaker, memoranda itu sudah ada dalam tangan Kerajaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, jalankan terus.

Tuan Karpal Singh: Jikalau saya beritahu apa role badan ini patut dihormati itu, barangkali Kerajaan boleh menerima rayuan

memoranda itu. Oleh sebab itu saya memberitahu perkara ini, Tuan Speaker, ada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat tidak tahu role Majlis Peguam dalam negara ini
(*Disampuk—tahu!*)

Tuan Karpal Singh: Apa ini, bercakap dalam bahasa Inggeris pun dalam Dewan ini tanpa izin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat banyak lagi hendak bercakap?

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, ada lagi. Saya, dengan izin, take strong objection terhadap remark-remark yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Dewan yang mulia bahawa Majlis Peguam telah membantah pindaan-pindaan kepada Akta Pertubuhan dan Perlembagaan, ini ada kaitan, dengan cara disorderly manner di luar Bangunan Parlimen pada hari Selasa lalu. Ini satu perkara yang mustahak oleh kerana ini ada dilaporkan dalam suratkhbar. Beliau telah berkata:

“Ahli-ahli Majlis Peguam termasuk Presidennya Encik G. T. S. Sidhu telah menunjukkan kejahilan mereka terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan negara ini. Beliau berkata ahli-ahli Majlis Peguam yang berhimpun di luar Parlimen telah melanggar undang-undang dan dengan memprotes dan memberi memoranda mereka kepada Ahli-ahli Parlimen. Mereka telah menunjukkan kejahilan mereka terhadap undang-undang”.

Tuan Speaker, saya kesal Yang Berhormat Timbalan Menteri

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Karpal Singh: Ya.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Mengikut laporan dalam akhbar, Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Bar Council ini masuk ke Bangunan Parlimen di atas tiket undangan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, benar atau tidak?

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya belum habis lagi (*Ketawa*). Bukan atas

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak menerima memorandum daripada Bar Council oleh kerana rombongan Bar Council ini adalah di atas undangan Ahli Yang Berhormat daripada Jelutong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan Karpal Singh: Itu betul. Saya juga ada ahli-ahli lain. Majlis Peguam ada cuba mencari Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional tetapi tidak dapat ahli-ahli yang berani untuk memberi pas itu, Tuan Speaker. Itu penjelasan saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Itu benar kami bukan takut, jikalau benar, kami cakap benar tetapi ada sebab oleh kerana

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Setapak hendak minta penjelasan, hendak benarkan?

Tuan Karpal Singh: Boleh.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Speaker, saya hendak bertanya, tadi Yang Berhormat dari Jelutong mengatakan kita Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional tidak berani. Saya yang duduk di Kuala Lumpur ini tidak ada pun Bar Council telefon atau datang beritahu saya. Kenapa Yang Berhormat mengatakan kita tidak berani? Sebenarnya Bar Council cuma datang menggunakan Yang Berhormat dari Jelutong sahaja, menyokong DAP. Itu sebabnya kita tidak terima memorandumnya (*Tepuk*).

Tuan Karpal Singh: Itu bukan benar. Bar Council tidak guna DAP dan DAP tidak guna Bar Council oleh kerana Bar Council jadi satu majlis, satu badan bebas. Ini, Tuan Speaker, tuduhan-tuduhan juga seperti mana saya cakap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam perkara

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti Yang Berhormat! Yang Berhormat sudah mengambil masa lebih kurang 1 jam 5 minit

untuk berucap, saya harap Yang Berhormat pendekkan dan terus kepada matlamat perkara yang dirundingkan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, ini ada kaitan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya tahu tetapi tolong pendekkan, terlampau banyak perkara yang berpusing-pusing.

Tuan Karpal Singh: Baik, Tuan Speaker. Tuan Speaker, saya bantah dengan sekeras-kerasnya hujah-hujah yang dibuat oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam Dewan yang mulia ini iaitu bahawa Majlis Peguam telah membantah pindaan-pindaan kepada Akta Pertubuhan dan Perlembagaan Persekutuan secara mengacau beliau dari luar Bangunan Parlimen pada hari Selasa lalu. Ini satu tuduhan dan saya hendak nafikan. Saya tidak boleh terima apa yang dicakap oleh Timbalan Menteri itu.

Tuan Speaker, beliau berkata bahawa Ahli-ahli Majlis Peguam termasuk presidennya menunjukkan kejahatan mereka mengenai undang-undang dan peraturan peraturan negara ini.

Tuan Speaker, beliau menambah bahawa dengan berhimpun di luar Parlimen sendiri Ahli-ahli Majlis Peguam telah melanggar undang-undang.

Tuan Speaker, saya kesal bahawa sudah menjadi tabiat Timbalan Menteri berkenaan untuk membuat tuduhan-tuduhan liar dalam Dewan ini. Saya beri satu contoh, Tuan Speaker. Dalam Dewan ini Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pernah menuduh bahawa ALIRAN telah menghina Raja-raja kita. Beliau menuduh bahawa ALIRAN menentang Raja-raja dan pemimpin-pemimpin Melayu dalam negara ini. Beliau pernah berkata bahawa pendirian ALIRAN menentang Raja-raja dan pemimpin-pemimpin Melayu cukup jelas dalam bukunya bernama 'The Protector'. Buku ini, Tuan Speaker, bukan The Protector tetapi 'Protector'.

Tuan Speaker, ALIRAN telah menjawab dengan menyatakan bahawa ia tidak mempersoalkan kedudukan Raja-raja, Perlembagaan tetapi telah mempersoalkan sikap dan dasar elite Melayu dan yang telah

mengorbankan kelemahan-kelemahan, bongkarkan

Tuan Hussein bin Mahmood: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya tidak beri jalan, oleh kerana saya ada

Tuan Hussein bin Mahmood: On a point of order!

Tuan Karpal Singh: Apa point of order itu?

Tuan Hussein bin Mahmood: 36 (1), apa kena mengena ALIRAN dan sebagainya dengan apa yang kita bincangkan sekarang?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu sebab saya tegur beberapa kali, tolong tumpukan kepada perkara yang dibincangkan.

Tuan Karpal Singh: Itu bukan point of order dalam fikiran saya, Tuan Speaker.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Relevancy, dalam Peraturan 36 (1).

Tuan Karpal Singh: Ada relevancy, oleh kerana, Tuan Speaker, apa yang saya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya kata terang-terang kepada Yang Berhormat masa sudah satu jam dan banyak perkara Yang Berhormat bercakap tidak berkait. Kalau begitu saya akan pendekkan ucapan Yang Berhormat cuma lagi 10 minit, lepas itu saya akan beri kepada seorang Ahli Yang Berhormat yang lain untuk berucap.

Tuan Karpal Singh: Baiklah, Tuan Speaker.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat yang lain tolong hormatkan Dewan.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, ada satu (*Disampuk*), jangan kacau, ada masa awak pun dapat satu peluang. (*Ketawa*)

Ada satu tuduhan yang ada dibuat oleh Ahli dari Maran.

Tuan Speaker, Ahli ini ada berkata Majlis Peguam jadi satu badan merbahaya. Saya ingat ini saya kena jawab, oleh kerana saya

pun jadi Majlis Peguam. Tidak banyak, ini pendek sahaja, Tuan Speaker.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cuma diberi 6 minit lepas itu saya tutup.

Tuan Karpal Singh: Tidak apa, baik.

Beliau ada buat tuduhan itu oleh kerana ada sebab, oleh kerana keahlian beliau dan keahlian Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru dan partner, Encik Sobri Tajuddin ada digantung oleh kerana tata tertib peguam-peguam. Oleh kerana itu mahu tunjuk perasaan, tunjuk perasaan atas Majlis Peguam dalam Dewan ini. Itu jadi satu sikap yang buruk, jangan beri peluang dalam Dewan ini untuk hentam Majlis Peguam oleh kerana Majlis Peguam ada buat satu keputusan, keputusan yang tidak boleh diterima oleh Ahli Yang Berhormat dari (*Disampuk*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong!

Tuan Karpal Singh: Ahli Yang Berhormat, saya cabar, betul atau tidak betul?

Tuan Chan Teck Chan: On a point of order, Tuan Speaker, Standing Order 35—point of order. (*Disampuk*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk dahulu!

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, point of order. Saya tidak memihak sesiapa pun. Sekarang masalah timbul Peraturan Mesyuarat 35 (7):

“(7) Seseorang Ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya (selain daripada perkara-perkara gaji menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan), jika tidak diterangkannya sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu.”

Kerana dalam masa lebih kurang 20 minit seolah-olah saya dalam mesyuarat Bar Council ada banyak disebut. Sekarang saya harap Ahli Yang Berhormat dari Jelutong boleh terangkan apakah jawatan dipegang dalam Bar Council (*Ketawa*) dan adakah dia menerima elaun daripada Bar Council (*Ketawa*) dan juga apa masalah (*Tepuk*) yang

sudah ditimbul dari Ahli Yang Berhormat dari Maran. Adakah kedua-duanya terlibat dalam Peraturan Mesyuarat 35 (7) ini, kerana Dewan yang mulia ini ada berhak untuk mengetahui, jika tidak, ini akan melanggar peraturan Standing Orders itu. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan Ahli Yang Berhormat dari Maran boleh terangkan dahulu (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya buat tuduhan itu tadi kerana Ahli Yang Berhormat dari Maran ada dapat peluang untuk menghentam Bar Council, itu juga untuk rekod, tidak ada apa-apa lain. Tuan Speaker, saya teruskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, perkara

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tetapi soalnya tadi

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti!

Tuan Karpal Singh: Perkara 150
(*Disampuk*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan daripada

Tuan Chan Teck Chan: Apakah jawatan dipegang dalam Bar Council dan adakah elaun diterima. Kalau tidak mahu terangkan

Tuan Karpal Singh: Saya tidak ada apa-apa, Tuan Speaker, dalam Majlis Peguam tetapi sebagai ahli juga. Tuan Speaker, saya hendak teruskan, ada perkara mustahak di dalam Perlembagaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik, teruskan, cuma ada lagi 5 minit.

Tuan Karpal Singh: 5 minit tidak cukup, Tuan Speaker (*Disampuk*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa itu sudah habis. (*Disampuk*)

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, Perkara 150 yang ada sekarang memberi kuasa kepada

Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan satu darurat di mana Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa satu darurat besar sedang berlaku di mana keselamatan atau kehidupan ekonomi Persekutuan terancam. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini memperuntukkan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menyertakan keadaan di mana ketenteraman awam terancam dan juga keadaan di mana Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa akan berlakunya sesuatu yang mengancam awam walaupun peristiwa itu belum berlaku.

Tuan Speaker, apabila satu darurat diisytiharkan, Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan Ordinan-ordinan kecuali bila kedua-dua Dewan Parlimen bersidang serentak jika ia berpuas hati bahawa wujudnya keadaan tertentu yang memerlukan tindakan segera diambil.

Tuan Speaker, apabila satu darurat diisytiharkan, dalam keadaan tersebut dan Ordinan-ordinan tersebut serta Peraturan-peraturan diisytiharkan dalam masa darurat ke semua ini tidak luput apabila sesuatu darurat diisytiharkan kemudiannya melainkan ia dibatalkan dengan tetap oleh Parlimen.

Tuan Speaker, adalah penting diperhatikan bahawa Ordinan-ordinan dan Peraturan-peraturan boleh mengandungi peruntukan-peruntukan yang mungkin bertentangan dengan kebebasan asasi yang terjamin dalam Perlembagaan.

Sepertimana saya katakan tadi sebenarnya Yang di-Pertuan Agong sebagai Raja berperlembagaan mengikut Perlembagaan kita akan bertindak mengikut nasihat Kerajaan. Pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Perkara 150 yang akan memberi Kerajaan kuasa-kuasa yang tidak terhad untuk memerintah secara decree. Kerajaan boleh pada bila-bila masa sahaja melengkapkan dirinya dengan kuasa-kuasa dictatorial. Ia boleh dengan senangnya mengisytiharkan negara ini sebagai negara dictator, menghapuskan Parlimen dan mahkamah-mahkamah dan kekalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri, atau yang lebih dahsyat, Tuan Speaker, lagi membuatkan undang-undang yang mempunyai implikasi

yang lebih meluas daripada ISA ataupun peraturan-peraturan Kes-kes Keselamatan Kuasa-kuasa Perlu, 1975, yang draconian tanpa sebarang kawalan oleh mahkamah-mahkamah undang-undang.

Tuan Speaker, seksyen 15 Rang Undang-undang ini memperuntukkan bahawa Yand di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk mengisytiharkan Ordinan-ordinan tanpa tatacara perundangan atau lain-lain tatacara yang perlu dipatuhi atau tanpa mematuhi syarat belah-bahagian undi yang diperlukan dalam kedua-dua Dewan Parlimen. Ini terdapat dalam Fasal (2c) baru kepada Perkara 150.

Tuan Speaker, kuasa ini sebenarnya membenarkan perintah meminda Perlembagaan sesuka hati, syarat undi 2/3 boleh diketepikan, Kerajaan tidak perlukan lagi majoriti 2/3 dalam Parlimen untuk meminda Perlembagaan-perlembagaan dikatakan undang-undang teragung dalam negara kita. Dengan pindaan ini, Kerajaan dan bukan rakyat melalui Wakil Rakyatnya yang mempunyai kuasa muktamad dalam meminda Perlembagaan.

Tuan Speaker, pindaan-pindaan ini dengan jelasnya menunjukkan tanpa sebarang keraguan bahawa demokrasi sudah mati dalam negara ini, kita dengan tepat dan benar menuju ke arah dictatorial dalam negeri ini.

Tuan Speaker, apakah yang menyebabkan Kerajaan membuat pindaan-pindaan ini yang draconian dan tidak perlu, adakah wujudnya keadaan yang Kerajaan tidak mahu umumkan kepada orang ramai yang memerlukan langkah-langkah yang dahsyat seperti ini. Tidakkah kuasa-kuasa yang luas yang ada sekarang ini tidak mencukupi? Kerajaan perlu mengeluarkan satu kertas putih atas perkara. Pindaan-pindaan yang dicadangkan tentu sekali akan menyebabkan bakal pelabur-pelabur asing menimbang semula langkah-langkah mereka oleh kerana tindakan Kerajaan ini akan dianggap sebagai satu tanda bahawa negara kita tidak stabil dan oleh yang demikian langkah-langkah dahsyat seperti ini diperlukan.

Tuan Speaker, Fasal 2B baru dalam Perkara 150 akan memberi kuasa perundangan kepada Yang di-Pertuan Agong dalam ertikata lain

Kabinet dan Kerajaan yang diberi kuasa itu dan kuasa ini digunakan walaupun salah satu Dewan Parlimen sedang bersidang. Pindaan-pindaan ini mengatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan Ordinan-ordinan seperti beliau fikirkan perlu melainkan kedua-dua Dewan: (1) bersidang serentak; (2) menjalankan urusannya.

Tuan Speaker, adalah menjadi pengetahuan umum bahawa kedua-dua Parlimen bersidang apabila Yang di-Pertuan Agong bertitah dan membuka penggal Parlimen. Dari itu kedua-dua Dewan bukanlah menjalankan urusan Dewan. Kedua-dua Dewan tidak bersidang serentak. ~~Dewan~~ Negara hanya menjalankan urusannya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya beri satu minit lagi, sila

Tuan Karpal Singh: Ada sedikit lagi. Jadi sementara satu perisytiharan darurat berkuatkuasa, Kabinet boleh membuat undang-undang melalui Yang di-Pertuan Agong. Fasal 9 baru berbunyi: "Bagi maksud perkara ini Majlis-majlis Parlimen hendaklah dianggap sebagai bersidang hanya jika ahli tiap-tiap satu Majlis itu masing-masingnya berhimpun bersama dan menjalankan urusan Majlis itu" tidak mempunyai apa-apa makna kepada saya, Tuan Speaker.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa cukup, Ahli Yang Berhormat dari Kulim Bandar Bahru.

5.26 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru): Tuan Yang di-Pertua, saya syukur kepada Allah s.w.t. kerana akhirnya Kerajaan telahpun mendapat petunjuk untuk membuat pindaan-pindaan yang begitu penting demi menjaga supaya kebaikan negara ini dapat terus-menerus dinikmati oleh jenerasi yang akan datang.

Tidak dapat dinafikan apabila sahaja kita memikirkan tentang nasib negara kita ini, kita selalunya berfikir dengan rasa penuh bangga dan juga dengan rasa penuh bimbang. Kita bangga oleh sebab Malaysia telahpun memecahkan satu rekod sejarah iaitu di mana

Kerajaan telahpun dapat memupuk satu bangsa Malaysia dari berbagai bangsa, dari berbagai sensitiviti, ugama, bangsa dan sebagainya dan telahpun memecah rekod dalam sejarah contemporary di mana terus-menerus dapat memegang teraju pimpinan begitu lama.

Kalaulah kita lihat dari angkasa luar, ia adalah satu badan yang begitu indah dalam cakrawala luas ini tetapi apabila kita turun ke bumi, kita dapati keadaan begitu huruhara, tetapi apabila kita berada di Malaysia maka ini membuktikan bahawasanya dunia pada amnya dapat mempelajari dari eksperimen yang telahpun berjaya di Malaysia ini, iaitu bagaimana berbagai bangsa dapat memupuk satu bangsa yang begitu hidup aman damai, tetapi sambil kita berbangga dengan rekod ini, kita tidak dapat menafikan juga bahawa rekod ini mungkin kita ini bahagia oleh sebab kita telah mendapat restu khas dari Tuhan. Keduanya mungkin kita bahagia oleh sebab kita begitu bernasib baik jika dibanding dengan rakyat di negeri-negeri lain.

Jadi kita tidak dapat menafikan bahawa keadaan di Malaysia ini khasnya perasangka antara kaum masih dalam keadaan pada tahap berbahaya. Kita tidak dapat menafikan bahawa kadangkalanya ada kemungkinan mungkin suatu accident motokar yang kecil di mana seorang pemandu motokar, orang Melayu misalnya membunuh seorang kanak-kanak yang bukan Melayu, mungkin insiden yang tak sengaja, yang kecil ini mungkin dapat membawa kepada rusuhan perkauman yang dapat membakar Malaysia ini, dapat meruntuhkan segala yang kita telah bina selama ini.

Begitu juga kita tidak dapat menafikan, inilah rasa kebimbangan kita di mana keadaan dalam Malaysia ini begitu senang dieksploit oleh musuh-musuh negara. Kita dapati kadangkala apabila segala masalah, apabila isu-isu sensitif dibincangkan, rasa perkauman, perasaan perkauman mendadak begitu menyala-nyala di kalangan orang-orang yang berbahas tentang isu-isu sensitif ini. Jadi itulah sebabnya Perlembagaan kita ini tidak dapat, tidak boleh dipersamakan dengan Perlembagaan-perlembagaan di tempat-tempat lain, sebab tidak ada keadaan dan suasana seperti yang terdapat di Malaysia

ini di tempat-tempat lain, kita tidak boleh samakan perlembagaan kita ini dengan perlembagaan di Britain atau di Amerika di mana keadaan berlainan langsung, masyarakat mereka homogeneous, kita tidak begitu. Keadaan di Britain telahpun sampai ke peringkat ini selepas berpuluh tahun, sampai beratus tahun, sampai berpuluh ribu kes di House of Lords. Itulah sampai kepada peringkat ini tetapi kita adalah satu negara yang baru 23 tahun merdeka, keadaan yang luar biasa langsung. Oleh sebab itulah kita terpaksa menjadikan Perlembagaan kita ini satu Perlembagaan yang praktikal untuk jenerasi yang akan datang. Di samping keadaan-keadaan dalam negeri, kita tidak dapat nafikan juga yang kita ini hidup dalam suatu rantau yang begitu bergolak.

Pada tahun 1974, Tuan Yang di-Pertua, saya dalam satu rombongan melawat Hanoi dan dapat peluang berjumpa pemimpin-pemimpin kanan di sana, mereka pada masa itu bercakap bahawasanya kemenangan tidak akan dicapai dalam 10 tahun lagi mulai tahun 1974. Tetapi oleh sebab satu insiden kecil sahaja iaitu pengunduran askar-askar Vietnam Selatan pada masa itu dari Hai Lan, Vietnam, pengunduran dari Hai Lan pergi ke Danang telahpun dibuat dengan cara tidak teratur, oleh sebab insiden itu bandar Saigon sudah jadi bandar Ho Chi Minh dalam masa 4 bulan sahaja. Banyak perkara-perkara yang kita fikir mustahil boleh jadi. Siapa sangka, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kemboja, Phnom Penh bandar yang begitu indah pada tahun 1974, 1975 tiba-tiba telah menjadi dalam keadaan yang ada sekarang ini—siapa sangka. Nasib baik dalam seminggu sudah tidak berlaku perang saudara di Thailand, kalau berlakunya perang saudara oleh sebab perasaan dengki, khianat, di antara satu sama lain misalnya bagaimana bahayanya keadaan kita, rakyat Malaysia kita ini.

Sekarang benda yang mungkin pada satu masa kita berfikir mustahil sudahpun berlaku. Sekarang sudahpun ada perlarian Thai ke Malaysia, pelarian Thai, mungkinkah ini perbuatan komunis untuk merenggangkan hubungan baik antara Malaysia dan Thailand, mungkinkah ini satu perbuatan komunis untuk menyala-nyalakan perasaan muhibbah di antara orang Islam Melayu dengan bukan

Melayu, kita tidak tahu. Tetapi berbagai-bagai boleh jadi dalam Malaysia ini oleh sebab keadaan serantau. Jadi itu lagi satu sebab yang mustahak dan mutlak kenapakah Perlembagaan kita tidak boleh dilihat dari yardstick di tempat-tempat lain.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah menyebut-yebut kes-kes yang masyhur, kes Teh Cheng Poh, Mahan Singh dan ada satu lagi kes yang dia tidak sebut tetapi relevant iaitu Botak Chin. Mereka ini telahpun dibicarakan dan dihukum di bawah satu undang-undang demi menjaga keselamatan negara, orang-orang ini jahat, kita telah adakan undang-undang supaya majority rakyat ini, generasi akan datang akan selamat. Tetapi sungguhpun atas fact of the case mereka telahpun didapati salah, tetapi mereka telahpun terlarinya dari hukuman oleh sebab sesuatu kesalahan teknikal dalam undang-undang. Bukankah Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sedar bahawa memang menjadi satu tanggungjawab mahkamah untuk menunjukkan kelemahan dalam undang-undang, maka dalam hubungan ini mahkamah telah menunjukkan bahawa ada suatu kelemahan dalam undang-undang, satu kesalahan teknikal oleh sebab Kerajaan kita lebih mementingkan substance dari form lebih mementingkan keselamatan negara, maka kita telahpun pinda Perlembagaan, pinda undang-undang kesalahan teknikal ini supaya mereka dapat juga dihukumkan atas fact of the case. Jadi tidak dapat dinafikan bahawa memang itu menjadi tanggungjawab Judiciary iaitu untuk menunjukkan kelemahan dengan cara tafsiran undang-undang. Jadi ini bukanlah bermakna kita hanya bernafsu buta tuli untuk hendak meminda Perlembagaan sebab Judiciary ada rolanya dan kita ada role kita. Mereka telah menunjukkan kelemahannya dan kita telah perbetulkan dan ini akan terus-menerus berlaku. Di England memang kurang sebab kesalahan dalam undang-undang mereka sudahpun dibetulkan selama 1,000 tahun, tetapi kita baru 23 tahun dan kita hidup pula dalam keadaan yang begitu luar biasa sekali.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tadi telahpun dibangkitkan soal-soal peribadi dan sebagainya, memanglah Ahli

Yang Berhormat dari Jelutong menyatakan dia bercakap bagi pihak Majlis Peguam Malaysia. Saya juga menjadi ahli Malaysian Bar Council, tetapi bukan bermakna segala apa yang dipercekapkan oleh Majlis Peguam Malaysia itu mewakili semua peguam dalam Malaysia ini (*Tepuk*). Saya tidak sekali-kali setuju bukan sahaja dengan segala keputusan Majlis Peguam Malaysia, tetapi tindak-tanduk mereka selama ini yang begitu tidak bertanggungjawab, ramai peguam di Malaysia ini meluat hendak menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang dikendalikan oleh Majlis Peguam Malaysia, keadaan di sana, perangai mereka di sana macam orang-orang yang pergi B.A.R. tempat tonggang itu. Tetapi oleh sebab kebanyakan peguam-peguam dalam Malaysia ini mempunyai tujuan-tujuan yang lebih penting, kami tinggalkan sahaja kepada orang-orang ini yang tidak ada kerja untuk memimpin so-called, kata orang, Majlis Peguam Malaysia yang begitu bermaruah, begitu dihormati, begitu noble, kononnya.

Sebenarnya malang seribu kali malang, saya setuju dengan rakan saya dari Maran iaitu sudah sampai masanya Kerajaan mengambil sesuatu tindakan yang tegas dan menyiasat latar belakang beberapa orang individu yang memimpin Majlis Peguam Malaysia yang ada sekarang ini, sebab mereka sudahpun menjadi pada satu masa dahulu front kepada parti-parti sosialis, sekarang sudahpun menjadi front kepada DAP.

Saya dan rakan saya dari Maran memang telah digantungkan dari practice selama sebulan disebabkan kami memberi satu interview enam tahun sudah mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh professional bumiputra kepada satu magazine, kami minta proof-copynya dia tidak memberi proof-copynya. Dia telah tulis nama Hisham Sobrie Kadir oleh sebab pada masa itu kami telahpun memberi penjelasan yang publishernya itu telahpun minta maaf. Pada masa itu Majlis Peguam dipengerusikan, kalau tidak silap saya Yang Mulia Raja Aziz, Setiausahanya Fadzil, sudah senyap 6 tahun, tetapi 3 minggu sudah perkara ini telahpun dibangkitkan semula. Memadailah setakat itu. Tetapi pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat dari Maran dan pandangan yang

diberi oleh saya pada hari ini tidak kena-mengena langsung dengan tindakan itu sama ada tindakan itu adil, sesuai atau tidak itu cerita lain, tetapi tidak kena-mengena langsung. Memang saya dan kebanyakan (majority) peguam-peguam Malaysia meluat dengan Majlis Peguam Malaysia (*Tepuk*) dan meluat dengan cara tingkah laku mereka, lebih-lebih lagi cara tingkah laku mereka yang telah ditunjukkan dalam beberapa hari ini memalukan. Inikah yang dikatakan noble?

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Jelutong bertanya kenapakah Kerajaan tidak mahu mendengar nasihat dan pandangan Majlis Peguam Malaysia yang begitu dihormati, yang begitu noble, sebab Kerajaanpun sama berfikir seperti kebanyakan peguam-peguam Malaysia. Pandangan-pandangan mereka adalah pandangan-pandangan DAP, pandangan-pandangan yang tidak bertanggungjawab, pandangan-pandangan yang tidak mewakili Majlis Peguam

Tuan Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak apa?

Tuan Karpal Singh: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sabar! Penjelasan beri jalan?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, sila duduk—(*Kepada Tuan Karpal Singh*)—orang sudah tidak beri jalan, duduklah, janganlah, you had your time.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, tadi semasa Yang Berhormat dari Jelutong berucap nampak sangat bukan sebagai seorang peguam, sengaja-ngaja dia provoke di sini, sebabnya kita tahu otak opportunist, dia provoke atau pertengkaran hangat esok namanya masuk dalam suratkhobar, dia jadi hero DAP. (*Tepuk*)

Tuan Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Tak beri jalan?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tidak boleh.

Tuan Peter Paul Dason: On a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order, sabar!

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya berani kata oleh kerana jadi di sini

Tuan Yang di-Pertua: Heh! Dengarlah! On a point of order, duduk dahulu!

Tuan Peter Paul Dason: Di bawah 36 (6) he is imputing improper motives.

Tuan Yang di-Pertua: Improper motives on the person, not on the member.

Tuan Peter Paul Dason: Member.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan member — Majlis Peguam. Saya dengar tadi, saya mengikuti semua yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Jelutong. Jadi, ini peluang balas. Kalau tadi dibenarkan ini mesti juga dibenarkan, tetapi tidak berapa lama saya akan tahan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ahli-ahli Barisan Nasional, Tuan Yang di-Pertua, kita mencari popularity dengan cara memberi rumah kepada rakyat, dengan memperbaiki jalan-jalan mereka, dengan memperbaiki dan membersihkan parit-parit mereka, dengan cara meninggikan taraf hidup mereka, tetapi ahli-ahli DAP mencari publisiti, menaikkan imej mereka dengan cara publisiti murah macam ini iaitu dengan cara pertengkaran dalam Dewan. Itulah sebabnya saya rasa saya tidak dapat memberi jalan kepada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sebab dia nanti jadi hero dalam suratkhobar-suratkhobar Cina, senang lagi dia dipilih semula oleh rakyat.

Tuan Karpal Singh: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, dia beri.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya hendak bertanya, mengapa disebut suratkhobar Cina. Nampaknya Ahli dari Kulim-Bandar Bahru pun bukan seorang bumiputra. Rupanya bukan bumiputra tetapi mahu jadi bumiputra!

Tuan Yang di-Pertua: Itu kena di bawah Peraturan Mesyuarat 36 (6) perkara itu tidak boleh, saya tidak benarkan. Nanti dia balas, lagi teruk! Itu saya tidak benarkan. Saya sudah kata semalam, if you cannot take it, don't give. There should be "give and take".

Tuan Karpal Singh: We are prepared to take—kami boleh terima dan kami boleh beri. Tadi saya beri jalan, kami bukan takut, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi semalam saya sudah cakap "Parliament is no place for the sensitive soul".

Tuan Karpal Singh: Who is sensitive, Mr Speaker? Siapa yang sensitif; Ahli dari Kulim—Bandar Bahru atau Jelutong?

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, duduk! Teruskan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan bahawa dalam suratkhobar-suratkhobar Cina, sebab biasanya banyak cerita-cerita UMNO dimuatkan dalam suratkhobar-suratkhobar Melayu tetapi banyak cerita-cerita mengenai DAP dimuatkan dalam suratkhobar-suratkhobar Cina

Tuan Yang di-Pertua: Itu telah lari jauh daripada pindaan ini.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Otak yang kotor berfikir cara kotor juga!

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hanya ingin hendak menyentuh pindaan kepada Fasal 18 iaitu mengenai pindaan kepada capitation grants dan juga road grants yang sedang dicadangkan oleh pihak Kerajaan.

Di dalam pindaan ini Kerajaan memohon supaya kita meluluskan capitation grants ini mengambil kira juga tentang kenaikan penduduk dalam sesebuah negeri. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua tahu capitation grants, ini mula-mula dimasukkan dalam Perlembagaan semata-mata untuk mewujudkan satu peraturan kewangan (financing arrangement) yang adil di antara Kerajaan Federal dengan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Sekarang kita terdapat keadaan di mana Kerajaan-kerajaan Negeri yang begitu mewah dan ada pula Kerajaan-kerajaan Negeri yang begitu miskin dan sudah tentulah dalam keadaan ini kalau kita hendak memastikan supaya suatu peraturan kewangan yang adil

dapat diwujudkan antara Kerajaan Federal dengan State, soal capitation grants ini perlu diberi satu perhatian yang khas.

Dalam keadaan pindaan ini saya takut ini akan mewujudkan satu keadaan di mana negeri-negeri yang kaya akan lebih kaya dan yang miskin akan lebih miskin. Misalnya, kita mengambil contoh negeri Selangor. Negeri Selangor kita tahu State reventuennya begitu besar, pendapatannya begitu mewah dan penduduknya kian hari kian bertambah dan kalau kita hendak memakai pindaan yang dibuat ini bermakna tiap-tiap tahun capitation grants, bagi Selangor akan terus meningkat. Dengan itu bermakna juga jurang antara negeri-negeri yang berada dengan negeri-negeri yang tidak berada dalam Malaysia ini akan lebih luas lagi.

Jadi saya telahpun berfikir dan saya rasa eloklah soal capitation grants ini difikir semula supaya tujuan utamanya iaitu untuk hendak mewujudkan satu peraturan kewangan Federal-State yang adil itu dapat diwujudkan iaitu saya rasa kita sudahpun merdeka 23 tahun lebih, capitation grants ini sudahpun nampaknya sampai kepada satu peringkat di mana ia harus diberi lagi satu formula yang lain. Mungkin saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, apa yang harus difikirkan ialah satu pemberian Kerajaan Federal sebagai hak, as of right kepada negeri-negeri mengikut satu formula yang berkait dengan revenue per capita. Saya rasa satu formula dapat diwujudkan berasaskan revenue per capita mungkin pemberian Kerajaan Federal kepada Negeri yang miskin akan merupakan lebih adil lagi.

Keduanya soal road grants. Road grants inipun saya rasa sudahpun redundant. Sekarang kita tahu dari segi maintenance, penyenggaraan jalan-jalan hampir kesemuanya sudahpun diselenggarakan oleh Kerajaan Federal. Ada satu jalan yang besar di kawasan saya sendiri iaitu satu jalan State tetapi oleh sebab sudahpun begitu rosak maka kita pergi kepada Kerajaan untuk mendapat peruntukan khas untuk membaiki jalan ini tetapi peruntukannya pun datang dari Federal kerana State tidak dapat menanggung perbelanjaan yang besar ini. Jadi saya rasa soal road grants ini sudahpun

sampai kepada satu peringkat di mana ia boleh dikatakan redundant dan harus Kerajaan memilih seperti yang telahpun dilakukan kepada Jabatan Bomba (Fire Brigade) iaitu Kerajaan Federal ambilalih terus dan saya rasa juga soal maintenance jalan-jalan dalam seluruh Malaysia ini dijadikan satu perkara Kerajaan Federal.

Di negeri Kedah pihak Kerajaan Negeri sudahpun banyak bercakap-cakap mengenai satu peruntukan baru yang harus dimasukkan iaitu dengan mengadakan rice grants. Pada mulanya oleh sebab ini merupakan satu pet subject saya selama 11 tahun, pada mulanya saya rasa mungkin ini tidak begitu sungguhpun pada hakikatnya itu adalah satu cadangan yang adil tetapi mungkin tidak praktikal, saya rasa result yang sama boleh dicapai dengan mengadakan satu formula berasaskan revenue per capita tetapi baru-baru ini saya telahpun mula memikirkan bahawa mungkin ada asas, ada logik yang menasabah bahawa rice grants ini ataupun padi grants harus dimasukkan dan diperuntukkan dalam Perlembagaan ini.

Di kawasan saya ada satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pembangunan Lembah Krian iaitu untuk mencari jalan untuk membangunkan tanah-tanah terbiar, tanah-tanah padi yang tidak dapat dikerjakan dengan sempurna dan juga tanah-tanah lain. Dalam hubungan ini apabila kita membincangkan Jawatankuasa itu berpendapat bahawa semua kawasan ini tidak mahu tanam padi sebab ini akan membanyakkan lagi orang-orang miskin dalam negeri Kedah. Kita telahpun membuat keputusan supaya tanah-tanah ini ditanam dengan tanaman-tanaman lain dan apabila kami membuat kajian pula mengenai projek-projek yang dapat digantikan dalam kawasan-kawasan yang dahulunya sawah, didapati pendapatan rakyat boleh ditingkatkan 4 atau 5 kali ganda lagi dengan dari tanaman padi. Jadi bermakna sekarang ini negeri Kedah ini oleh sebab teknologi pertanian dan sebagainya ada pilihan iaitu kita memang ada satu jalan untuk meningkatkan nasib rakyat dengan cara lebih cepat lagi dan meningkatkan juga saluran-saluran untuk membanyakkan revenue Kerajaan Negeri dengan mengubah cara ataupun mengubah

asas pertanian di negeri Kedah ini dari padi kepada tanaman-tanaman lain dan sebagainya. Tetapi sebaliknya pula Kedah sebagaimana yang telahpun dikatakan berkali-kali oleh Kerajaan Negeri memangnya mengisikan satu keperluan yang pokok, untuk mengisikan satu keperluan yang penting bagi keselamatan dan keperluan negara iaitu memberi padi dan beras kepada negara.

Oleh sebab rakyat Kedah terpaksa mengisi kekosongan ini, memenuhi keperluan ini maka kita terpaksa terus menerus menanggung satu sektor orang-orang miskin yang begitu banyak dan juga terus menerus menanggung satu budget, satu revenue yang begitu kecil bagi Kerajaan Negeri.

Saya rasa sudah sampai masanya pihak Kerajaan Persekutuan mula memikirkan bukan dengan cara, kata orang, baik sedikit-sedikit tetapi fikir dengan cara soal pokok bagaimana peraturan kewangan Federal dan State dapat diperbetulkan. Sebab saya rasa soal capitation grants dan juga road grants sudah sampai kepada satu masa yang dikatakan tidak begitu penting lagi dari segi untuk memperbetulkan keadaan yang tidak elok ini. Di sebaliknya pula, Kerajaan Federal juga apabila perkara ini dibangkit-bangkitkan mereka menjawab, "ah! tidak ada masalah", kalau Kerajaan Negeri mahu bantuan Kerajaan Federal dapat memberi apa sahaja. Soalnya namakan projek dan kalau ada projek ada cadangan-cadangan baik, Kerajaan Federal dapat memberi bantuan apa yang diperlukan. Tetapi sebaliknya kebimbangan Kerajaan Negeri adalah supaya mereka mahu wang ini sebagai satu hak sebagai satu as a constitutional right. Kita takut juga sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Setar tadi ada kemungkinan Kerajaan ini bukan selalunya akan diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir atau Tengku Razaleigh dan sebagainya, ada kemungkinan orang-orang pelik mengetuai Kerajaan dan dalam keadaan itu sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar kalau orang-orang pelik mengetuai Kerajaan

Tuan Yang di-Pertua: Orang pelik ini apa? (Ketawa).

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir: Dia mungkin tidak dapat membuat dasar-dasar Kerajaan yang elok, itu maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini kalau bahasa daerah, kena terangkanlah kepada bahasa nasional.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir: Jadi kalau timbul keadaan itu, mungkin kita tidak dapat memenuhi hak kita. Jadi itulah akhir sekali saya merayu kepada Kerajaan Federal berfikir supaya segala peraturan-peraturan kewangan di antara Kerajaan Federal dan State ini dapat difikirkan semula.

Akhir sekali, saya juga ingin katakan kadangkala khasnya dari segi pindaan kepada Perlembagaan ini, saya ingin merayu supaya meminta atau mengingatkan Legal Draftsman atau Parliamentary Draftsman yang selalu merangka undang-undang, merangka ayat-ayat dan kata-kata ini supaya mempasti apa juga undang-undang yang dipinda dan sebagainya adalah consistent dengan Perlembagaan dan tidak boleh dipersoalkan dalam mahkamah. Kadang-kadang sungguhpun niat kita baik tetapi sekarang Majlis Peguam sudah bercakap hendak membawa kes dalam mahkamah. Kita takut kadang-kadang oleh sebab sesuatu kesalahan teknik semata-mata kita akan dapati sesuatu peraturan ini tidak consistent, tidak selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan. Selepas itu kita baru terpaksa pinda Perlembagaan. Bila kita pinda Perlembagaan, pinda kesalahan teknik demi kebaikan negara nanti Pembangkang akan kata kita mempermainkan Perlembagaan. Jadi saya harap dan saya minta Draftsman yang merangka yang mengarang ayat-ayat dalam undang-undang ini supaya segala loop-holes, inconsistency antara undang-undang itu dengan peruntukan-peruntukan dapat diperbetulkan supaya peluang tidak dapat diberi kepada orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk mencari pablisiti murah.

Sekian, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum perbahasan disambung, saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat mulai daripada sekarang saya

tidak akan benarkan lagi ucapan-ucapan yang jauh menyeleweng daripada masalah yang ada di hadapan Majlis ini iaitu Standing Order 36 (1); saya akan jaga dengan kuat. Dan sesiapa yang hendak menghabiskan masa Dewan ini mendengar hal-hal yang di luar daripada ini, saya akan tahan tidak beri bercakap. Sebab banyak sangat membuang masa. Saya suka kepada perbahasan yang hangat, yang hidup, cergas, hangat kerana di sinilah tempat ahli-ahli politik, assembly of politicians, di sinilah forum untuk menyampaikan hasrat, aspiration rakyat dan sebagainya, tetapi janganlah sampai melebihi mengambil masa yang panjang hinggakan perkara yang di hadapan masalah Majlis ini kurang diperbincangkan melainkan yang lain. Oleh sebab itu, saya akan jaga lepas ini tentang waktu dan juga kalau ada di luar daripada perkara yang di dalam timbangan Majlis sekarang, saya akan tahan Ahli Yang Berhormat siapapun bercakap dalam perkara ini. Saya tidak hendak lagi masa terbuang dalam perkara ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.55 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga urusan

Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pontian.

5.56 ptg.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir (Pontian): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyatakan minat saya, hormat saya dan penghargaan saya untuk menyokong pindaan Perlembagaan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri malam tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Perlembagaan Negara adalah satu Perlembagaan yang melibatkan semua warganegara yang berikrar untuk mempertahankan negara ini dan sanggup mengorbankan nyawa untuk mempertahankannya. Tetapi adakah Perlembagaan itu satu benda yang beku atau benda yang mati. Di dalam negara-negara yang berpengalaman di dunia ini ada banyak lain-lain dokumen telah hilang dan tidak dipedulikan langsung tetapi Perlembagaan negara terus wujud dan dipertahankan. Adalah amat malang kepada orang-orang seperti anggota dari Jelutong yang telah mencuba untuk memesongkan peranan yang boleh dimainkan oleh Parlimen ini kerana beliau sendiri nampaknya telah menunjukkan bahawa Parlimen ini terpaksa minta bantuan orang-orang di luar Parlimen untuk menentukan Perlembagaan yang boleh dibuat di dalam Parlimen ini. Adalah jelas, saya hendak ulangkan lagi, kalau seorang itu jarang-jarang berbohong sekali-sekali ia berbohong agak ganjil tetapi kalau selalu sangat berbohong sudah tidak ganjil lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya suka hendak menjelaskan bahawa orang-orang yang mencari nafkah di mahkamah telah dibawa untuk mengambil peranan, orang-orang di kaki lima untuk

menunjuk perasaan dan orang-orang ini yang biasanya memakai pakaian hitam di mahkamah telah dibawa ke Parlimen dengan memakai kain 'arm-band' yang berwarna hitam untuk memaksa anggota-anggota Parlimen mengikuti apa yang mereka hendak, apa yang mereka fikir penting untuk negara ini, bukan apa yang negara ini anggap penting untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat malang kita mendapati orang-orang yang cuba memperhinkan Dewan ini semata-mata untuk memperjuangkan atau untuk melibatkan beberapa orang di luar Dewan dan tidak mengakui wujudnya satu demokrasi berparlimen di dalam negara ini. Oleh yang demikian, saya suka hendak menyatakan di sini oleh kerana Perlembagaan itu satu dokumen yang bukan idealistic, sesuatu barang yang dinilai oleh orang ramai dan mencuba untuk meneliti satu kelemahan manusia menerusi kelemahan manusia yang lain. Oleh kerana Perlembagaan itu barang yang agak mulia yang tidak boleh digugat langsung atau pada pandangan mereka Perlembagaan itu satu perkara yang langsung tidak boleh dipinda seperti Al-Quran yang tidak boleh diubah atau dipinda kerana kebetulan pula Al-Quran adalah ciptaan dan wahyu Allah subhanahu wa taala. Atau adakah Perlembagaan itu satu barang yang vague dan flexible sebagai satu ciptaan seni yang ditakrifkan berbagai makna dan tafsiran untuk berbagai generasi.

Jelaslah bahawa founding fathers telah melihat Perlembagaan kita yang ada sekarang ini, sekurang-kurangnya Perlembagaan kita telah dipinda beberapa kali menerusi tahun-tahun kemerdekaan yang telah kita capai selama 24 tahun. Alhamdulillah, kita yakin bahawa Perlembagaan itu mestilah dianggap satu barang yang hidup dan ia memerlukan suntikan darah baru menerusi pindaan-pindaan yang dibuat melalui Parlimen.

Soal di hadapan kita sekarang bukanlah semata-mata proses pindaan Perlembagaan itu kerana tidak ada satu kuasapun yang boleh menafikan Parlimen berkuasa untuk membuat pindaan itu tetapi mengapa pindaan itu dikemukakan. Apakah kriteria Perlembagaan ini hendak dipinda di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya anggota dari Kota Setar dan anggota dari Jelutong telah menyebutkan tentang Perlembagaan di Amerika. Thomas Jefferson seorang President Amerika berkata, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua: "The Constitution belongs to the living rather than dead". Perlembagaan adalah untuk orang-orang yang hidup—rather than dead, bukan yang mati. Beliau kemudiannya menganjurkan supaya Perlembagaan baru Amerika dibuat dari satu jenerasi kepada satu jenerasi, apa lagi di Malaysia kita mendapati founding fathers yang membina, yang membentuk akan Perlembagaan ini menerusi suasana yang dihadapi oleh mereka tetapi dalam tempoh dua dekad ini kita dapati berbagai-bagai perubahan berlaku di Malaysia. Ada orang mentafsirkan demokrasi sesuka hati, mereka berlindung di bawah demokrasi untuk menghancurkan demokrasi. Kita lihat apa yang berlaku sekarang ini di dalam negara kita ini.

Fasal 150 yang hendak kita pinda dengan jelas menekankan bahawa:

"(1) Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suatu darurat besar yang sedang berlaku dan keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraman awam dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya adalah terancam oleh kerananya, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengeluarkan suatu Perisytiharan Darurat dengan membuat dalamnya pengumuman yang bermaksud sedemikian.

(2) Perisytiharan Darurat di bawah Fasal (1) boleh dikeluarkan sebelum sebenarnya berlaku kejadian yang mengancam keselamatan,"

Tuan Yang di-Pertua, jelaslah kita terpaksa menyediakan suatu Perlembagaan yang lengkap untuk mengelakkan negara ini daripada terceder dalam national catastrophe. Kita tahu orang akan berselindung di bawah bumbung Parlimen dan berselindung di bawah sistem demokrasi kita untuk melakukan apa yang mereka fikir penting kepada negara ini, umpamanya mereka berbangga dengan menyebutkan tentang Amnesty International sebagai satu badan yang sedang memperjuangkan apa yang berlaku di Malaysia. Kita dapati dalam negara-negara yang lain, umpamanya di Singapura, di

Indonesia, di Filipina, malahan di Britain dan di Amerika kejadian-kejadian seperti yang berlaku di Malaysia ini berlaku tetapi badan-badan pengampunan internasional ini telah tidak mempedulikan kes-kes yang berlaku dalam negara itu ataupun Pembangkang tidak sanggup untuk mengemukakan di dalam Dewan ini apa yang berlaku di negara-negara tersebut.

Kita dapati bahawa apa yang berlaku umpamanya di Amerika yang dianggap sebagai sebuah negara demokrasi, orang-orang komunis tidak dibenarkan menjadi pegawai-pegawai Kerajaan. Ini terang bahawa Amerika sendiri tidak sanggup menghadapi suatu pencerobohan, suatu anjuran atau suatu sabotaj dan pengkhianatan yang boleh dilakukan dalam negara itu sedangkan kekuatan yang ada dalam negara Amerika sendiri dan mereka mempunyai kesanggupan untuk menentang anasir-anasir komunis tetapi oleh kerana didapati bahawa ia perlu membuat sekatan-sekatan seperti itu, Amerika tidak pula dituduh sebagai sebuah negara yang tidak demokratik.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati juga berlaku umpamanya di Kanada bagaimana golongan pemisahan wujud di Wilayah Quebec. Kerajaan Federal terpaksa menghantar ketumbukan tentera untuk mencegah akan maraknya kejadian pembunuhan kepada beberapa orang diplomat di dalam akhir tahun 1969. Ini membuktikan bahawa demokrasi telah ditafsirkan dengan sesuka hati oleh orang-orang yang cuba hendak menggunakan demokrasi untuk menghancurkan demokrasi. Memanglah benar bahawa demokrasi tidak akan hidup, demokrasi akan mati kalau negara kita ini dalam keadaan yang chaos. Sebab itulah kita pinda dalam Perlembagaan ini bahawa dalam keadaan-keadaan seperti yang berlaku pada 13 Mei dahulu apakah yang diharapkan kepada sebuah pentadbiran yang mengamalkan demokrasi. Kita tidak sanggup dalam keadaan-keadaan seperti itu membiarkan anasir-anasir jahat untuk menjalankan apa yang mereka fikir penting dan untuk mencapai matlamat-matlamat yang buruk dan terutama akan dideritai oleh negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas kalau mereka menyatakan bahawa mockery sedang

berlaku dalam legal profession. Ini jelas kerana sebagaimana yang kita lihat bahawa mereka sedar Parlimen mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu dan absolute umpamanya dalam negara ini tetapi sebagaimana yang dikatakan semalam oleh rakan-rakan saya yang lain bahawa mereka hendaklah cuba bertanding dalam pilihanraya dan menjadikan Parlimen ini sebagai satu tempat di mana mereka boleh menjalankan pemerintahan dan meminda apa yang mereka fikir patut. Bila ini tidak berlaku, bila kekalahan ini menimpa mereka, mereka seharusnya tidak boleh menyalahkan orang lain bila mereka tewas. Inilah manoeuvring dan lobby yang berlaku dalam negara ini, bila kita dapat menguasai negara ini kita akan menjalankan pentadbiran secara kuasa majoriti tetapi kita tidak tembak orang-orang yang minority. The right to talk to the Government masih ada dalam negara ini. Anggota-anggota Parlimen masih bercakap dan masih menyerang dan akhbar-akhbar dalam negara ini masih menyiarkan ucapan-ucapan dan menyiarkan kenyataan-kenyataan badan-badan seperti Bar Council di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi jelaslah satu penghinaan sedang dibuat oleh seorang yang kebetulan menjadi peguam dan menghina akan profesion yang lain dengan menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah seorang yang agak kejam kerana beliau seorang doktor. Ini adalah satu perkara yang saya anggap amat keterlaluan kalau hendak ditimbulkan dalam Dewan ini, tetapi sebenarnya saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai seorang doktor bolehlah memotong akan symptom yang akan merosakkan negara ini dengan kejamnya. Kita tidak dapat bertolak ansur dalam sesuatu perkara yang seumpama ini dan kita perlukan seorang doktor umpamanya untuk mengubati symptom ini supaya jangan melarat dan akan merosakkan negara ini dari kelakuan (character) mereka yang cuba memprovoke perpaduan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa dalam keadaan-keadaan sekarang Perlembagaan yang hendak dipinda ini merupakan satu pindaan dalam memberikan jaminan kepada warisan kita pada masa

hadapan. Tanggungjawab kita yang sebenarnya ialah untuk memberikan satu persediaan bagaimana negara ini boleh dipertahankan dan bagaimana kita jangan membiarkan orang-orang yang berseronok memikirkan bahawa apa yang rakyat fikir serupa dengan apa yang mereka fikir.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

6.10 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, perkembangan-perkembangan perlembagaan di Malaysia sejak Merdeka dalam tahun 1957 menandakan satu usurpation secara progresif kuasa-kuasa Badan Perundangan dan Perhakiman oleh pihak Eksekutif, mengganggu dengan seriusnya doktrin separation of powers dan menjadikan konsep 'Keluhuran Undang-undang di mana hak-hak peribadi seorang warganegara khususnya berkait dengan hak asasi kebebasan individu, kebebasan bercakap, berhimpun, menubuhkan pertubuhan-pertubuhan dan beragama dilindungi oleh Perhakiman terhadap tindakan Kerajaan yang arbitrary menjadi satu mockery.

Dengan pindaan-pindaan ini kepada Perlembagaan, Malaysia telah sampai ke satu tahap di mana pihak Eksekutif boleh menurut undang-undang atau ordinar-ordinan memansuhkan Parlimen dan Perhakiman. Kita juga telah sampai ke satu tahap di mana pihak Perhakiman tidak boleh lagi melindungi seorang warganegara dari tindakan-tindakan yang dilakukan secara sewenang-wenang oleh Kerajaan yang mencero bohi kebebasan asasi rakyat menerusi berbagai-bagai undang-undang yang tidak boleh dipersoalkan dalam mahkamah. Maka, dengan sebab itu kita telah sampai hampir-hampir untuk memusnahkan doktrin separation of powers, keluhuran Undang-undang, yang bertujuan untuk memastikan bahawa rakyat Malaysia hidup di bawah satu Kerajaan yang berasaskan undang-undang dan bukan manusia atau "a government of laws and not men."

Pindaan yang dicadangkan kepada Perkara 150 akan melengkapkan Kerajaan dengan kuasa-kuasa kediktatoran yang penuh dan ia telah menyeleweng dengan penuh dari tujuan-tujuan asal Penggubal-penggubal Perlembagaan Persekutuan.

Prinsip yang digariskan oleh "the Reid Constitutional Commission dalam 1956" berkait dengan perisytiharan-perisytiharan dan kuasa-kuasa Darurat ialah "the occasions on which, and so far as possible the extent to which, such powers can be used should be limited and defined."

Tuan Yang di-Pertua, dengan menyedari akan doktrin separation of powers dan betapa bahayanya jika kuasa-kuasa Darurat tidak terkawal dan ditafsirkan limited and defined dengan tepat, Penggubal-penggubal Perlembagaan Merdeka 1957 telah menetapkan satu jangka masa (life-span) yang tertentu untuk Perisytiharan-perisytiharan dan kuasa-kuasa Darurat kecuali ia diulangkaji oleh Parlimen.

Maka, Perkara 150(3) Perlembagaan Merdeka tahun 1957 mengatakan: (*Dengan izin*) "3. A Proclamation of Emergency and any ordinance promulgated under Clause (2) shall be laid before both Houses of Parliament and, if not sooner revoked, shall cease to be in force—

(a) a Proclamation at the expiration of a period of two months beginning with the date on which it was issued;

(b) an Ordinance at the expiration of a period of fifteen days beginning with the date on which both Houses are first sitting,

unless, before the expiration of that period, it has been approved by a resolution of each House of Parliament."

Tetapi jangka masa dua bulan ini yang ditetapkan untuk suatu Perisytiharan Darurat kecuali dilulus oleh Parlimen yang akan menghendaki Parlimen membicarakan justifikasi dilanjutkan perisytiharan darurat dan ordinan itu telah dipinda melalui Akta 10 tahun 1960 untuk membolehkan Perisytiharan-perisytiharan Darurat dan ordinan-ordinan kekal selama-lamanya—seperti Perisytiharan-perisytiharan Darurat

yang ada di tanahair kita kekal selama-lamanya sekarang.

Malahan, Malaysia kini berada dalam keadaan Darurat kekal di mana empat Perisytiharan Darurat wujud yang semuanya adalah sah (in force) iaitu:

1. Perisytiharan Darurat bertarikh 3hb September 1964; (Konfrontasi Indonesia)
2. Perisytiharan Darurat bertarikh 14hb September, 1966 yang berkuatkuasa hanya untuk Negeri Sarawak (untuk mengguling Ketua Menteri pada masa itu, Stephen Kalong Ningkan)
3. Perisytiharan Darurat bertarikh 15hb Mei, 1969 (Mei 13, 1969) dan
4. Perisytiharan Darurat bertarikh 8hb November, 1977 (untuk mengguling Kerajaan PAS di Kelantan).

Pada 28hb Jun, 1979, saya telah mengemukakan satu usul yang meminta Dewan yang mulia ini membatalkan kesemua empat-empat Perisytiharan Darurat kerana keadaan yang menyebabkan Perisytiharan-perisytiharan itu diisytiharkan tidak wujud lagi tetapi pihak Kerajaan telah membantah sekeras-kerasnya pembatalan tersebut tanpa sebab-sebab yang boleh diyakinkan.

Ini membenarkan Perisytiharan-perisytiharan Darurat terus kekal tanpa mengira sama ada keadaan yang menyebabkan Perisytiharan-perisytiharan itu diisytiharkan telah ubah atau adalah tidak relevant lagi kerana Perkara 150 (3) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Perisytiharan-perisytiharan Darurat boleh kekal selama-lamanya kecuali dibatalkan oleh Kerajaan ataupun dimansuhkan oleh kedua-dua Dewan Parlimen.

Dua tahun dahulu, Perlembagaan kita telah dipinda untuk memperuntukkan bahawa Perisytiharan-perisytiharan Darurat tidak boleh dipersoalkan dalam mahkamah meskipun Perisytiharan tersebut dibuat secara *mala fide* ataupun keadaan yang menyebabkan sesuatu Perisytiharan Darurat itu diisytiharkan telah tidak wujud seperti

sekarang di mana kesemua empat-empat Perisytiharan Darurat masih berkuatkuasa.

Hari ini pula, Tuan Yang di-Pertua, kita diminta memberi kuasa-kuasa yang lebih. Pada masa sekarang, satu Perisytiharan Darurat hanya boleh diisytiharkan "jika Yang di-Pertuan Agong puas hati bahawa suatu darurat besar sedang berlaku dan keselamatan atau kehidupan ekonomi Persekutuan atau mana-mana bahagiannya adalah terancam". Perkara 150 (1) dan (2) baru pula akan memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengeluarkan satu Perisytiharan Darurat sebelum peristiwa yang mengancam keselamatan atau kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya berlaku jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa ada kemungkinan yang hampir akan berlakunya kejadian itu.

Dan anticipation ini tentang kemungkinan akan berlakunya kejadian itu tidak boleh dipersoalkan atau dicabar dalam mahkamah atas apa-apa alasan tanpa mengira sama ada keputusan yang dibuat itu adalah *mala fide* atau mempunyai motif-motif bersifat politik sepertimana berlaku dalam tahun 1966 di Sarawak dan 1977 di Kelantan.

Sebelum saya teruskan lanjut, memandangkan kepada adanya Ahli-ahli yang selalu mahu memutarbelitkan apa yang kami di pihak sini perkatakan, saya mahu menegaskan apabila saya menyentuh Yang di-Pertuan Agong, kita sebenarnya menyentuh Kabinet kerana di bawah Perkara 40 (1) Perlembagaan, Yang di-Pertuan Agong hanya boleh bertindak atas nasihat Kabinet.

Perkara 150 yang dipinda ini juga memperuntukkan bahawa Perisytiharan-perisytiharan Darurat yang berlainan boleh dikeluarkan atas alasan-alasan yang berlainan dan sama ada terdapat apa-apa Perisytiharan-perisytiharan Darurat lain yang berkuatkuasa atau tidak. Juga diperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk mengisytiharkan ordinan-ordinan semasa perisytiharan darurat berkuatkuasa dan kedua-dua Majlis Parlimen tidak bersidang serentak.

Jika perkataan "serentak" (concurrent) bermakna kedua-dua Majlis Parlimen bersidang pada waktu yang sama, baikpun secara bersama atau berasingan, maka ini hanya akan berlaku setahun sekali sahaja apabila Yang di-Pertuan Agong menyampaikan Titah Ucapan Di Rajanya. Ini akan bermakna bahawa untuk "all practical purposes", selepas pindaan-pindaan Perlembagaan ini diluluskan Kerajaan boleh mengeluarkan Ordinan-ordinan meskipun Parlimen boleh dipanggil bermesyuarat dengan pemberitahu yang singkat sekali atau dua tiga hari seperti masa tahun 1966 tetapi sekarang semuanya boleh diketepikan.

Ini adalah yang diisytiharkan sebagai tidak berperlembagaan (unconstitutional) oleh Majlis Privy dalam kes Teh Cheng Poh *alias* Char Meh melawan Pendakwa Raya (1979) di mana Majlis Privy telah memutuskan bahawa saya mohon izin bacakan satu perenggan dalam keputusan itu. (*Dengan izin*)

"The power to promulgate Ordinances having the force of law is expressed to be exercisable only until both Houses of Parliament are sitting. It lapses as soon as Parliament sits. Once Parliament has sat after the Proclamation, the power to legislate by Ordinance under Article 150 (2) does not revive even during periods when Parliament is not sitting, unless and until a new Proclamation of Emergency is issued by the Yang di-Pertuan Agong."

Tuan Yang di-Pertua, mungkin selepas Kerajaan brooding case Teh Cheng Poh lebih daripada 2 tahun, Kerajaan sekarang telah merangka satu pindaan yang akan membenarkannya mengeluarkan Ordinan-ordinan dan Peraturan-peraturan yang boleh memperkenalkan prinsip-prinsip undang-undang yang baru, seperti Peraturan-peraturan (Kes-kes Perlu Keselamatan) tanpa menghendaki kelulusan Parlimen.

Kita akan ada satu sistem Kerajaan yang parallel di mana di satu pihak pula, institusi-institusi dan prinsip-prinsip undang-undang baru akan diperkenalkan melalui kuasa-kuasa darurat ini; dan di satu pihak lain pula, jentera biasa Kerajaan dibenarkan wujud bersama malah mematuhi

undang-undang bersifat authoritarian—seperti pihak Perhakiman akan dikehendaki sekarang menggunakan undang-undang draconian berasal dari Ordinan-ordinan Darurat tanpa dirujuk kepada Parlimen yang semuanya itu adalah unexceptional dalam ertikata legality tetapi ia akan mencerminkan secara terang-terang sebuah negara polis yang authoritarian yang menyalahi Keluhuran Undang-undang.

Kerajaan Barisan Nasional bukan sebenarnya menghad dan mentafsirkan kuasa-kuasa darurat tetapi ia kini menghapuskan segala had dan sekatan. Kerajaan Barisan Nasional tidak hiraukan perakuan Reid Commission bahawa mesti ada limit, mesti limited and defined tetapi sekarang semuanya stops dikeluarkan, semua limits—semua batasan dikeluarkan. Parlimen akan memberi kepada pihak Eksekutif satu cek kosong yang terbesar sekali dalam sejarah Malaysia kerana pihak Eksekutif akan dapat menguatkuasakan perkara 150 untuk mengisytiharkan darurat tanpa mengira sama ada keadaan memerlukan perisytiharan itu diisytiharkan ataupun menggunakan satu perisytiharan darurat untuk tujuan-tujuan keadaan dan situasi-situasi berlainan sama sekali yang tidak boleh dicabar dalam sebuah mahkamah.

Malah, di bawah Fasal baru 2C Perkara 150 yang dipinda ini, yang merupakan salah satu “monstrosities” yang Kerajaan Barisan Nasional suka untuk melengkapkan dirinya untuk membolehkannya menggunakan kuasa-kuasa yang tidak terhad dan terkawal, Parlimen dan pihak Perhakiman boleh dimansuhkan melalui satu Ordinan!

Tuan Yang di-Pertua, Fasal Baru 2C berbunyi: Sesuatu ordinan yang diisytiharkan di bawah Fasal (2B), ialah semasa kedua-dua Dewan Parlimen tidak bermesyuarat serentak. Adakah dikatakan bahawa selain daripada satu hari itu keadaan ini tidak berlaku, ertinya hari-hari boleh digunakan?

“Sesuatu ordinan yang diisytiharkan di bawah Fasal (2B) hendaklah berkuatkuasa sama seperti Akta Parlimen dan hendaklah terus berkuatkuasa sepenuhnya seolah-olah ianya Akta Parlimen sehingga ianya dibatalkan atau dimansuhkan di bawah

Fasal (3) atau sehingga ianya luput di bawah Fasal (7); dan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan ordinan-ordinan di bawah Fasal (2B) boleh dijalankan berhubung dengan apa-apa perkara yang Parlimen berkuasa membuat undang-undang mengenainya, tidak kira acara perundangan atau lain-lain acara yang dikehendaki diikuti, atau bahagian dari jumlah undi yang dikehendaki diperolehi, dalam mana-mana satu Majlis Parlimen.”

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perkara 155 semasa suatu perisytiharan darurat berkuatkuasa:

“.....kuasa memerintah Persekutuan adalah walau apapun peruntukan dalam Perlembagaan ini meliputi apa-apa perkara di dalam kuasa perundangan sesuatu negeri dan adalah termasuk memberi arahan kepada Kerajaan sesuatu Negeri atau kepada mana-mana pegawai atau pihak berkuasa negeri itu.”

Perkara 155 yang berbunyi:

“Tertakluk kepada fasal 6A semasa perisytiharan darurat berkuatkuasa Parlimen boleh walau apapun peruntukan dalam Perlembagaan ini membuat undang-undang berkenaan dengan apa-apa perkara jika Parlimen berpendapat bawah undang-undang itu adalah dikehendaki oleh sebab-sebab darurat itu.”

Dan Perkara 79 tidak pakai ialah mengenai hubungan antara Federal dan Kerajaan Negeri yang tidak payahlah kita masukkan. Ini bererti bahawa di bawah Perkara 150, Perlembagaan Parlimen boleh membuat undang-undang yang bertentangan dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan termasuk undang-undang yang repugnant dengan hak-hak asasi yang termaktub dalam Perlembagaan. Maka pihak Eksekutif menerusi ordinan-ordinan selepas kelulusan pindaan-pindaan ini akan dapat di bawah Seksyen baru 2C—mengisytiharkan ordinan-ordinan dan peraturan-peraturan yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan termasuk memansuhkan Parlimen dan Perhakiman.

Malahan memandangkan kepada peruntukan 2C yang berkata, kuasa-kuasa

Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan ordinar-ordinan di bawah Fasal 2B boleh dijalankan berhubung dengan apa-apa perkara yang Parlimen berkuasa membuat undang-undang mengenainya tidak kira acara perundangan atau lain-lain acara yang dikehendaki diikuti atau bahagian dan jumlah undi yang dikehendaki diperolehi dalam mana-mana satu majlis Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Eksekutif di sini adalah lebih berkuasa dari Parlimen kerana pihak Eksekutif boleh memperdulikan keperluan Parlimen untuk memperolehi majoriti 2/3 sebelum pindaan-pindaan kepada Perlembagaan boleh dilulus atau pihak Eksekutif boleh mempedulikan cara-cara tertentu yang dikehendaki untuk membuat pindaan-pindaan kepada Perlembagaan berkait dengan perkara-perkara sensitif yang entrenched seperti isu-isu bahasa, kewarganegaraan, hak-hak istimewa orang-orang Melayu dan pihak Eksekutif bolehpun juga membuat perubahan-perubahan yang drastic kepada Perlembagaan menerusi Ordinar-ordinan dan mungkin, malah pihak Eksekutif boleh juga menggantung atau memansuhkan Perlembagaan. Apa kuasa kita bagi kepada Eksekutif melalui Ordinar boleh memansuhkan Kehakiman, memansuhkan Parlimen termasuk Constitution sendiri tetapi tidak ada sebarang kawalan ke atas kuasa-kuasa darurat yang penuh kerana Fasal baru (8) Perkara 150 memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong hendaklah berpuas hati untuk mengeluarkan satu perisytiharan atau untuk membuat Ordinar-ordinan di bawah Fasal (2B) dan puas hati Yang di-Pertuan Agong adalah terakhir atau tamat dan tidak boleh dicabar atau dipersoal mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan.

Pengecualian penyemakan semula pihak perhakiman ini memperkuatkan lagi oleh satu seksyen yang lain yang memperuntukkan bahawa tiada satu-satu mahkamah pun mempunyai bidang kuasa untuk melayan atau memutuskan apa-apa permohonan, persoalan atau perbicaraan dalam apa juga bentuk atas apa-apa alasan mengenai sahnya perisytiharan darurat, kuatkuasa berterusan perisytiharan itu, apa-apa ordinar atau penerusan

kuatkuasa mana-mana ordinar itu. Jadi kita telah diri kita satu keadaan di mana menerusi decree darurat.

Eksekutif boleh memansuhkan Parlimen dan melengkapkan dirinya dengan segala kuasa membuat undang-undang dan juga memansuhkan perhakiman dan dengan itu tugas-tugas kehakiman diberi kepada pegawai-pegawai jabatan sepertimana dibuat dalam Rang Undang-undang Pindaan Akta Pertubuhan yang memberi kuasa kepada Pendaftar Pertubuhan untuk mentafsirkan Perlembagaan kita dan juga menguatkuasakan tafsiran itu.

Kuasa-kuasa seumpama itu yang Kerajaan dan Eksekutif meminta adalah berlawanan sama sekali dengan konsep-konsep asas masyarakat demokratik dan Kerajaan di mana Rule of Law wujud. Prinsip Rule of Law hanya boleh mempunyai makna jika pembatasan (limits) dikenakan ke atas pengambilan dan kuatkuasa kuasa-kuasa darurat.

Satu sistem kawalan kehakiman perlu diadakan ke atas pengambilan dan kuatkuasa kuasa-kuasa darurat oleh Eksekutif dengan tujuan untuk:

- (a) menentukan sama ada keadaan telah wujud dan syarat-syarat telah dipenuhi di bawah mana kuasa-kuasa itu boleh digunakan;
- (b) menghadak setakat mana kuasa-kuasa darurat itu boleh digunakan dalam mencatatkan hak-hak asasi setiap individu; dan
- (c) memberi mahkamah kuasa kehakiman dalam bentuk supervisory supaya memastikan bahawa kuasa-kuasa darurat digunakannya bagi maksud-maksud tertentu untuk yang mana ianya dimaksudkan dahulu dan memastikan juga ia tidak melebihi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mendapat kuasa yang begitu absolute dan dictatorial tanpa apa-apa kawalan dan review saya rasa rakyat Malaysia dan orang di dunia akan mendapat satu kesimpulan sama ada Kerajaan pun sedia satu asas untuk menubuhkan satu dictatorship dalam masa tidak lama atau intelligence Kerajaan menunjukkan bahawa tidak lama lagi akan menimbulkan

kekacauan, chaos, anarchy dan ketidakstabilan yang perlu Kerajaan di peringkat ini mendapat kuasa-kuasa yang begitu tidak terhad, tidak batasan sama ada ini diwujudkan oleh kuasa-kuasa dalam atau kuasa-kuasa antarabangsa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Yang kedua, ialah bahawa ada intelligence yang menunjukkan negara kita sekarang dalam satu keadaan yang sangat merbahaya yang perlu kuasa yang dahulu kita tidak ada pun. Saya rasa rakyat dan Parlimen ada hak untuk tahu sebab Kerajaan perlu kuasa-kuasa yang tidak boleh dinafikan kuasa-kuasa dictatorial, kalau tidak barulah kesimpulan ialah inilah satu persediaan untuk satu dictatorship, satu pemerintahan totalitarian.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini pun mahu meminda Perkara 149 yang memberi kuasa kepada Kerajaan untuk mengambil tindakan yang bertentangan dengan hak asasi mengenai harta di Perkara 13. Perkara 13 Hak terhadap harta berbunyi:

- “(1) Tiada seseorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang.
- (2) Tiada satu-satu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta-harta dengan paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi.”

Di bawah pindaan di hadapan Dewan ini Kerajaan akan mendapat kuasa di bawah Perkara 149 bukan sahaja untuk membuat Undang-undang yang bertentangan dengan Artikel 5 ialah kebebasan perseorangan, Artikel 9 mengenai kebebasan movement, Artikel 10 kebebasan bercakap, berhimpun (assembly) dan menubuh persatuan tetapi pun lagi satu Artikel 13.

Dalam masa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membentangkan usulnya, beliau ada kata bahawa Kerajaan perlulah kuasa-kuasa ini supaya boleh ambilalih harta-harta yang ada terlibat digunakan untuk kegiatan-kegiatan subversif dan mengancam keselamatan negara.

Saya rasa apabila kita kaji Perkara 149 di mana ada berbagai-bagai circumstances yang tertakluk dalam perkara semacam akan berlaku kekerasan yang dirancang, akan berlaku perkara membangkitkan perasaan tidak suka terhadap Kerajaan atau membimbangkan atau bermusuhan antara beberapa kaum atau golongan untuk menguasai ataupun untuk dapat diubah dengan apa-apa cara lain daripada cara yang sah apa-apa juga yang ditubuh menurut undang-undang ada mendatangkan mudarat kepada keselamatan. Ini menunjukkan bahawa banyak circumstances yang boleh menimbulkan, akan membangkitkan bahaya, membangkitkan salahguna kuasa di mana kategori circumstances boleh merampas harta-harta tanpa mengikut Fasal 13. Saya rasa ini satu perkara yang sangat merbahaya. Sebenarnya kinipun tanpa apa-apa cara untuk pindaan Perlembagaan yang terbuka sudah ada tindakan-tindakan bertentangan dengan Fasal 13. Apa yang berlaku dalam Sarawak/Bintulu di mana Bintulu Development Corporation ada hadkan syarat bahawa sebelum tanah di Bintulu boleh dimajukan, boleh ditimbang untuk tukar syarat, untuk pecah mesti tubuh satu Development Company di mana 50% dimiliki oleh bumiputra.

Inilah sebenarnya satu tindakan yang bertentangan dengan Article 13, Rights to Property dan perkara semacam ini saya rasa adalah sangat deplorable bahawa Kerajaan Persekutuan khasnya tidak ambil apa-apa tindakan untuk mencegah tindakan-tindakan semacam ini yang unconstitutional yang dibuat oleh agen-agen Kerajaan yang menimbulkan sama ada sebenarnya hak-hak termaktub dalam Perlembagaan ada erti atau kosong sahaja dan perkara baru-baru ini perkara UMBC pun bukan tidak ada bersangkutan dengan perkara Rights to Property, Article 13. Sungguhpun malangnya apabila Pemuda UMNO teriak, MCA gigil dan client-client mereka, Multi-Purpose Holdings untuk dapat majority holding dalam UMBC mahu diberhentikan sungguhpun beliau Pemuda MCA teriak baru boleh masuk MIC pula.

Oleh kerana akibat-akibat pindaan kepada Artikel 150 dan Article 149 yang begitu luas

yang menyediakan satu jalan kepada satu dictatorship yang bererti satu usurpation kuasa-kuasa Kehakiman dan juga Legislation oleh Executive, satu pukulan kepada Rule of Law, Parti DAP membangkang dengan sekuat-kuatnya pindaan-pindaan Perlembagaan ini. Saya rasa tak perlulah Kerajaan untuk meminda Perkara 149 dan 150 dengan tergesa-tergesa dan saya menyeru Kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mengundurkan pindaan kepada kedua-dua perkara ini supaya satu perbahasan, satu perundingan terbuka boleh diadakan sama ada pindaan-pindaan ini perlu, sama ada syarat-syarat atau keadaan Malaysia sudah sampai ke satu peringkat di mana kuasa semacam ini patut diberi kepada Executive dan lebih mustahak sama ada kuasa-kuasa ini inimical kepada satu perkembangan yang sihat, kepada dengan izin, Malaysia's fragile democratic plant. Sebab itulah sungguhpun ada beberapa pindaan kita boleh memberi sokongan tetapi oleh kerana dua pindaan kepada perkara-perkara yang begitu mustahak overshadow everything else kita tidak boleh memberi sokongan kepada Constitutional Bill di hadapan kita. Sebagai contohnya kita sokong pindaan atau cadangan bahawa Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Presiden dan Timbalan Presiden Dewan Negara dan Speaker Dewan Undangan Negeri tidak boleh ambil bahagian dalam apa-apa kegiatan perniagaan dan kita rasa inilah satu langkah yang baik untuk mengelakkan apa-apa conflict of interests antara jawatan atau tanggungjawab political dan public mereka dengan kepentingan sendiri kepada mereka yang sudah diamanahkan dengan jawatan-jawatan yang tinggi.

Pihak DAP rasa bukan sahaja tindakan semacam ini, lebih mustahak lagi, take another step further bahawa untuk mencegah conflict of interests antara public office dan personal interest bahawa semua Ahli-ahli Parlimen dan semua Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri pun patutlah ada langkah-langkah di mana tidak akan menimbulkan conflict of interests supaya jawatan mereka amanah oleh rakyat tidak disalahgunakan di mana mereka baikpun secara sendiri atau melalui isteri atau suami

atau anggota keluarga dapat tanah atau apa-apa favour daripada Kerajaan, menyalahgunakan kedudukan politik mereka untuk faedah sendiri. Bukan sahaja DAP membantah bahawa semua MP dan Ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional tak boleh menggunakan kedudukan politik mereka untuk dapat tanah daripada Kerajaan atau apa-apa Government favour, kita pun bersama-sama menentang dengan Ahli Parlimen atau State Assemblymen dari Pembangkang khususnya DAP yang buat begitu bukan sahaja satu ukuran untuk Barisan Nasional sahaja.

Saya rasa ini satu prinsip yang sangat mustahak supaya rakyat boleh memberi kepercayaan kepada sistem politik parliamentary democracy. Sungguhpun kita tahu bukan mustahil, bukan susah untuk Ahli-ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri pihak DAP kalau mahu dapat tahu tanah untuk mendirikan rumah, 30-40 ekar, mungkin satu skim \$2 juta, \$3 juta bukan tak boleh dapat, mungkin dengan satu syarat mahu rosakkan DAP, baik pun daripada dalam ataupun daripada luar, tetapi itu lain hal, kita bukan khuatir dengan pengkhianat-pengkhianat parti. Apa kita mahu emphasise ialah prinsip conflict of interests di antara public office dan personal interest, apa bentuk pun tidak boleh berlaku. Saya mahu menegaskan di sini saya kemukakan point ini bukan oleh kerana kita takut pengkhianat-pengkhianat parti termasuk pengkhianat parti yang terbesar sekali dalam sejarah DAP oleh kerana rakyat dengan mata mereka akan membuat hukuman.

Saya rasa cara untuk mengelakkan conflict of interests berkenaan MPs dan State Assemblymen ialah, yang pertama, diadakan satu peraturan di mana seorang MP atau Ahli Dewan Undangan Negeri tak kira apa parti tidak layak untuk memohon dan dapat tanah Kerajaan atau apa-apa favour Kerajaan baik pun secara langsung atau melalui isteri atau anggota keluarga, dan kedua, bahawa diadakan satu perisytiharan hartabenda setiap MP dan SA sendiri, isteri atau suami dan anggota keluarga mereka boleh ditakluk di bawah scrutiny orang ramai sama ada conflict of interests atau tidak. Oleh kerana Yang

Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada kata bahawa satu tujuan untuk pindaan ini ialah untuk meninggikan imej Parlimen, saya rasa tidak ada langkah yang lebih akan meninggikan imej Parlimen ini kalau semua Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri boleh menunjuk bahawa mereka adalah orang-orang yang mempunyai integrity dan kejujuran bukan sahaja politik tetapi pun persendirian dan bukan semacam lembu, kerbau, politik boleh dijual, lelong, siapa yang boleh beri harga yang tinggi, lelong kepada dia, seperti berlaku baru-baru di mana kita tengok dua parti dalam Barisan Nasional lawan parti yang lebih berkaya lelong dapat lembu, kerbau politik.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat tolong balik kepada pindaan.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, saya cakap mengenai meninggikan (enhance) imej Parlimen, ini sangat mustahak kalau kita meninggikan imej Parlimen. Kalau tidak, semua usaha kita pun sia-sia dan saya harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan timbang bahawa apabila berlaku seseorang yang tidak ada dalam satu parti di mana platform beliau dapat pilihan tentulah dikosongkan supaya diadakan satu pilihanraya kecil untuk rakyat dapat satu pilihan lagi. Kalau tidak, keluar, lompat atau apa-apa akan turunkan imej Parlimen. Saya tegur perkara ini oleh kerana ada timbul perkara-perkara (instances) di mana mereka yang ada bersumpah pun, tulis surat akan resign, akan kosongkan kerusi kalau tidak dalam parti baik pun pecat atau keluar, tetapi apabila berlaku tidak hormati sumpah sendiri dan kepada merekalah kita tak payahlah buang masa oleh kerana mereka sudah menunjuk bahawa mereka tidak ada maruah, apa integrity pun dan tentulah oleh kerana mereka takut kalau ada pilihanraya kecil, habis, jahanam. Saya tidak akan membuang masa atas perkara-perkara semacam ini, khasnya mereka yang sudah bersumpah tak mengakui sumpah itu semacam anjing gila menyalak kita tak mahu hiraukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun sokong pindaan dalam Rang Undang-undang ini mengenai Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya

pun tidak boleh mengambil bahagian dalam perniagaan. Tetapi usaha atau langkah yang baru boleh meninggikan imej Suruhanjaya Pilihanraya (Election), tujuan yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ialah bahawa ada satu badan yang boleh menjamin bahawa sistem pilihanraya Malaysia adalah satu sistem yang bersih, adil dan jujur. Baru-baru ini kita ada pilihanraya besar di Sabah dan ada dianggarkan bahawa Parti BERJAYA telah belanja sebagai average \$2 juta satu kawasan. Apa ini \$2 juta satu kawasan? Dan di kawasan Elopura, Sandakan lebih banyak. Bapa Kemerdekaan Yang Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj dalam "As I see it" in *The Star* pada 30hb Mac ada menulis satu paragraph, Tuan Yang di-Pertua:

"The Sabah elections must go on record as being the most expensive election held in recent times. It has been reported that an astounding sum of money was spent, including \$7 million for holding the centenary celebrations."

Tuan Yang di-Pertua, Tunku Abdul Rahman pun ada menganggarkan pada purata satu kawasan setiap orang dibelanjakan dalam pilihanraya besar di Sabah \$10,000 dan kalau kita kira 324,900 orang pengundi ini bererti satu anggaran \$3,249 juta.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang pilihanraya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Datuk James Peter Ongkili: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memberi penjelasan bahawa ini adalah taksiran dari satu orang, satu individu sahaja dan saya mohon Dewan ini janganlah menganggapnya sebagai yang telah dibuat kajian sepenuhnya ataupun yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya negara Malaysia kita. Ini cuma pendapat satu orang sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan itupun penjelasan satu orang sahaja, Dewan ini jangan hiraukan dan, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang pilihanraya ada had, satu kawasan untuk pilihanraya State Assembly ini cuma \$15,000 dan sama ada \$3,000 juta atau

lebih kurang, baik \$100 juta atau \$200 juta, tetapi sangat nyata ialah

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini perkara berkenaan dengan Election Commission, tidak boleh Chairmannya berniaga yang lain-lain itu berkenaan dengan

Tuan Lim Kit Siang: Jadi masalah kita ialah masalah meninggikan imej.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Nanti dahulu! Masalahnya ialah meninggikan imej, tetapi jangan terlampau jauh sangat, yang lain itu

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya habiskan point itu. Sangat nyata bahawa kalau election law mengikut semua Assemblymen, Menteri-menteri Sabah termasuk Ketua Menteri, Datuk Harris bin Mohd. Salleh dilayakkan (disqualified) kerana salah election offence. Kalau kita mengikut dan kita

Datuk James Peter Ongkili: (Bangun)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Penjelasan, hendak bagi?

Tuan Lim Kit Siang: Oh! ya boleh. Pendapat seorang boleh.

Datuk James Peter Ongkili: Terima kasih. Beginilah penerangannya apabila seseorang Ahli Yang Berhormat itu tidak ada di Sabah pada musim pilihanraya.

Tuan Lim Kit Siang: Ialah kenapa? Oleh kerana Parti BERJAYA takut, takut saya pergi, kalau saya pergi, saya dapat bukti yang lebih detail.

Akhirnya dalam point ini, tadi saya kata kalau mengikut election law, semua disqualified, Ketua Menteri pun disqualified, election law offence, sebab itu saya merayu kerajaan supaya menerima cadangan Tunku Abdul Rahman bahawa mengadakan satu siasatan dalam election di Sabah, janganlah berlaku election tak bererti, itu bawa money struggle sahaja. Itu tidak boleh dinafikan, semua sudah langgar election offence mengenai \$15,000, semua tidak boleh memegang jawatan, kalau Kerajaan ada satu sistem yang mengikut undang-undang.

Datuk James Peter Ongkili: (Bangun)

Tuan Lim Kit Siang: Mahu penjelasan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, bila-bila pun boleh beri jalan. Dia takut saya pergi ke Sabah, tetapi saya sambut dia datang ke Semenanjung.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Teruskan perbahasan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya mengenai pindaan untuk memperuntukkan bahawa Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri tidaklah boleh ambil bahagian dalam perniagaan untuk menaikkan imej State Assembly dan Speaker-speaker State Assembly. Saya rasa inipun sangat mustahak bahawa di semua Dewan Undangan Negeri ada menjalankan urusan-urusan yang berpatutan bukan menggunakan brute majority untuk membuat apa-apa taksiran Constitution terhadap ahli-ahli pembangkang dan dalam perkara ini saya rasa sudah menjadi pengetahuan orang ramai bahawa satu kekosongan untuk kerusi Kubu saya, kerusi State Assembly atas sebab bahawa mengikut Perkara 17 Perlembagaan Negeri Melaka sesiapa yang tidak menghadiri mesyuarat untuk 6 bulan tanpa izin Dewan, kerusinya boleh dikosongkan, peruntukan inipun bersamaan dengan Perkara 52 Perlembagaan kita di mana dengan izin;

“If a member of either House of Parliament is without the leave of the House absent from every sitting of the House for a period of six months the House may declare his seat vacant.”

Tuan Yang di-Pertua, di sini kita dapat bahasa sangat jelas tidak ada lain-lain interpretasi. Saya ada menghadiri mesyuarat State Assembly Melaka pada 8hb dan 9hb April tahun lalu dan State Assembly ada menangguhkan sidangnya hingga 23hb September. Saya tidak hadir mesyuarat pada 23hb September oleh kerana saya ada di Australia, tetapi selepas itu pada 27hb November saya ada hadir, tetapi ada orang kata bahawa saya sudah absent 6 bulan dikaji

daripada 10hb April sehingga 26hb November, ertinya ialah daripada 10hb April kepada 22hb September, saya sudah absent, malangnya tidak ada mesyuarat, tidak ada sidang. Saya timbulkan perkara ini bukan oleh kerana inilah tempat untuk selesaikan perkara, tetapi untuk dua tujuan di mana bahasa sangat jelaspun akan menimbulkan usaha-usaha untuk distort, twist, tengok dalam Rang Undang-undang ini dalam pindaan untuk Akta Societies yang telah kita luluskan pindaan-pindaan di mana perkataan begitu vague, begitu ambiguous dan tentulah di mana perkataannya adalah jelas bagi orang yang waras tidak boleh menimbulkan dua interpretasi pun boleh ditimbulkan oleh kerana ada majoriti, tentu dalam perkara, perkataan-perkataan vague, ambiguous, I shudder, Tuan Yang di-Pertua, fikir bagaimana salahguna kuasa akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya nyatakan di sini saya bukan takut pilihanraya kecil di Kubu, bila-bila pun bolehlah kalau mahu, bukan seperti kata orang lain berani balik kawasan, tetapi tidak pernah buat begitu. Apa yang mustahak di sini ialah kalau perkara-perkara semacam ini berlaku saya rasa akan memberi kerosakan kepada negara, baikpun rakyat dalam atau orang di dunia bahawa arbitrariness yang maharajalela sistem pemerintahan.

Saya fahami melalui satu laporan suratkhbar Cina bahawa baru-baru ini apabila Tuan Yang di-Pertua berada di Melaka, beliau ada berjumpa dengan Jawatankuasa Keistimewaan Malacca State Assembly. Saya tidak tahu benar atau tidak benar, itu adalah hal yang lain tetapi saya rasa pihak pemerintah perlu membuat satu penjelasan kalau mereka sebenar-benarnya mahu memaksakan satu pilihanraya kecil mengapa yang pertama victimisation oleh kerana ada lain-lain terutama Exco members yang absent dari September Session itu tanpa kebenaran Assembly, bukan kebenaran Speaker oleh kerana bukan semacam di Dewan yang mulia ini dalam tahun 1962 kalau saya tidak silap, Dewan ini ada meluluskan satu usul delegatekan kuasa memberi cuti kepada Speaker tetapi bukan dalam State Assembly di Melaka dan kalau Speaker tanpa delegation of power boleh memberi cuti diapun boleh mengisytiharkan kerusi saya

kosong, tidak payah panggil mesyuarat State Assembly.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah satu negara yang baik, lovely Malaysian country, Tuan Yang di-Pertua, kita ada natural resources yang sangat banyak dan kaya. Kita ada talents manusia yang banyak; saya rasa lebih baik kita menumpukan fikiran dan tenaga kita untuk membina perpaduan nasional dan kemajuan negara kita dan bukanlah entrench kuasa politik untuk kuasa sungguhpun ini akan bererti jahanam, kehancuran demokrasi dan saya dengan hati yang jujur merayu Kerajaan untuk mengundurkan pindaan-pindaan Perlembagaan ini; kalau bukan total, sekurang-kurangnya pindaan-pindaan kepada Perkara 149 dan 150.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tuaran.

7.03 mlm.

Datuk James Peter Ongkili (Tuaran): Tuan Yang di-Pertua, memanglah wajar sesuatu Perlembagaan negara itu memerlukan pindaan dari semasa ke semasa dan di dalam negara Malaysia kita ini Perlembagaan kita yang ada sekarang ini bermula pada tahun 1957; digubal, diubah di mana perlu dalam tahun 1963 semasa membentuk Malaysia, dan seterusnya tidak juga begitu selalu diubah atau dipinda dan ini adalah sangat baik pada pendapat kita kerana sesuatu Perlembagaan negara tidak elok dan tidak harus, tidak baik kalau diubah dengan begitu selalu; diubah sewenang-wenangnya seperti di beberapa negara dunia ketiga (third world) di Afrika misalnya atau di Republik-republik Banana (Banana Republics) di Amerika Selatan.

Jadi mujurlah bagi kita di Malaysia ini dalam usia kita lebih 23 tahun merdeka, Perlembagaan negara kita sebenarnya kalau difikir pada hakikatnya telah selamat dan telah dipelihara dengan baik oleh pengasas, penjuang awal, pemimpin-pemimpin negara kita sepanjang kita merdeka 23 tahun itu. Dan saya rasa kita bernasib baik dalam negara ini kerana apa yang telah digubal pada mulanya telah dipersetujui oleh founding fathers negara kita dahulu, satu perlembagaan yang dirangka, disusun sungguhpun anihnya oleh tokoh-tokoh Perlembagaan luar daripada

negara kita dahulu daripada negara-negara Komanwel tetapi telah diterima dan telah terus digunakan di dalam negara kita ini, telah terus dapat menjadi pedoman kita di dalam usaha kita mempertahankan kemerdekaan, ketenteraman malah memberikan kita teras di dalam usaha kita memajukan negara Malaysia kita ini dalam segala bidang lebih-lebih lagi dalam bidang pembangunan dan kemajuan negara keseluruhannya dan negeri-negeri khasnya.

Setahu kita selepas Perlembagaan Malaysia kita ini disusun seberapa yang perlu semasa membentuk Malaysia dalam tahun 1963, bagi saya Tuan Yang di-Pertua, hanya dua kali sahaja pemindaan yang agak significant atau penting telah berlaku iaitu apabila Singapura berpisah daripada Malaysia dalam tahun 1965 dan selepas peristiwa 13 Mei tahun 1969 iaitu apabila akta-akta mengenai dengan perkara-perkara sensitif yang tidak boleh ditimbulkan lagi telah menyebabkan Perlembagaan kita ini diubah, dipinda sekali lagi dalam tahun 1971. Syukurlah negara kita ini telah dapat berpegang dengan Perlembagaan yang mana sejajar dengan perkembangan negara-negara di dunia moden ini sangat-sangat perlu untuk membolehkan kita mendapat bimbingan dan mendapat lunas-lunas untuk memerintah negara kita ini.

Secara ringkas, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh kepada dua tiga perkara di dalam Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) pada hari ini. Yang pertama ialah pindaan Perkara 114 Perlembagaan. Ini ialah yang membolehkan perlantikan seorang Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya di negara kita. Pada hemat saya peruntukan untuk mengadakan seorang Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya ini dengan jelasnya menitikberatkan pentingnya ada suatu Suruhanjaya Pilihanraya (Election Commission) yang bukan sahaja wujud berkekalan semenjak kita merdeka kalau tidak salah saya Suruhanjaya Pilihanraya ini mula diwujudkan sempena dengan pilihanraya tahun 1955 dahulu lagi di Semenanjung Tanah Melayu. Dan sebuah Suruhanjaya Pilihanraya seperti ini telah kekal memberi penentuan kepada aturan-aturan mengadakan pilihanraya di negara dan di negeri-negeri di Malaysia sehingga sekarang.

Pindaan kepada Perkara 114 Perlembagaan ini betul-betul menitikberatkan betapa pentingnya negara kita mempunyai satu Suruhanjaya Pilihanraya yang dihormati, satu Suruhanjaya Pilihanraya (Election Commission) yang tidak menyebelahi mana-mana pihak, yang disanjung tinggi, satu Suruhanjaya Pilihanraya yang neutral, yang mendapat keseganan daripada rakyat dan parti-parti politik, calon-calon bilamana dan bila masa sahaja diadakan pilihanraya umum negara ataupun Parlimen dan pilihanraya umum negeri-negeri di Malaysia kita. Adalah diharapkan supaya penghormatan, keyakinan yang sehingga sekarang ini dari tahun 1955; hampir-hampir 30 tahun sejak 1955 akan terus dapat memainkan peranannya yang penting iaitu menentukan sebagai satu Suruhanjaya Pilihanraya yang neutral, dapat menentukan supaya rakyat dapat mengundi dan memilih parti-parti atau Kerajaan yang mereka yakin boleh menjamin keamanan, ketenteraman, kemajuan di dalam negara kita dan di negeri-negeri. Dan mengenai dengan perkara ini di sinilah saya harap parti-parti politik di negara kita ini akan berhati-hati dan bersikap tanggungjawab terhadap peranan yang penting yang dimainkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (Election Commission) di negara kita ini. Suruhanjaya Pilihanraya (Election Commission) ini adalah benar-benar memberi nafas kepada demokrasi kita, kerana kalau tidak ada Suruhanjaya yang neutral, yang diyakini dan yang dapat menjalankan, tanggungjawab-tanggungjawabnya, maka kita tidak dapat melaksanakan, menjalankan demokrasi di musim pilihanraya. Kerana kalau tidak ada Suruhanjaya Pilihanraya yang dikagumi dan dihormati oleh rakyat jelata di seluruh negara di mana-mana sahaja maka bagaimanakah kita akan mengadakan satu pilihanraya yang adil, saksama dan demokratik.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini seperti yang kita semua sedia maklum Pilihanraya Umum Negeri Sabah telah diadakan pada bulan Mac, bulan lalu dan tidak lain tidak bukan Suruhanjaya Pilihanraya kita inilah yang telah mengendalikan, menjalankan urusan-urusan Pilihanraya Umum di Negeri Sabah itu di bulan yang lalu. Persediaan-persediaan telah diadakan oleh Suruhanraya Pilihanraya kita berminggu-minggu malahan

berbulan-bulan Suruhanjaya Pilihanraya memang sudah teragak-agak bilakah Pilihanraya Negeri Sabah itu akan diadakan dan Suruhanjaya Pilihanraya telah bersedia, misalnya daftar-daftar pengundi telahpun disemak dan disediakan mana yang digunakan tahun 1979 atau tahun 1980 untuk bersedia menghadapi pilihanraya di negeri Sabah dan di musim pelaksanaan Pilihanraya Umum Negeri Sabah dalam bulan Mac yang lalu seperti juga di musim-musim pilihanraya-pilihanraya Parlimen dan negeri-negeri di Malaysia kita semenjak tahun 1955, 1959, 1964, 1969, 1974 dan 1978. Seperti juga di musim-musim pilihanraya-pilihanraya itu Suruhanjaya Pilihanraya kita ini telah mengendalikan urusan-urusan pilihanraya di Sabah dan menentukan supaya perjalanan Pilihanraya Umum di negeri Sabah itu dijalankan dengan licin, dengan tenteram dan supaya memberi peluang yang seluas-luasnya kepada rakyat Malaysia di Sabah untuk turut serta dalam proses demokrasi, proses yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia kita: membuang undi, memilih parti-parti, memilih calon-calon yang mereka yakin boleh mempertahankan keamanan dan boleh meneruskan kemajuan di dalam segala bidang di negeri Sabah.

Sesudah pengundian dijalankan berperingkat-peringkat dan undi-undi dikira pada malam 28hb Mac yang lalu, keputusan Pilihanraya Umum Negeri Sabah itu telah diumumkan dan sebenarnya seluruh negara telah mengikuti melalui siaran televisyen dan juga mendengar radio, satu persatu keputusan 47 kawasan yang telah dipertandingi di dalam pilihanraya itu. Rakyat telah menentukan mana satu golongan politik, mana satu parti yang mereka pilih untuk memerintah negeri Sabah dalam lima tahun yang akan datang lagi. Keputusan pilihanraya ini memang kita semua ketahui iaitu 43 kerusi telah dimenangi oleh Parti BERJAYA, 3 kerusi telah dimenangi oleh USNO dan satu dimenangi oleh parti SUPP, PASUK hanyut sama sekali. Dari situ memang rakyat telah menentukan bahawa mereka terus mahu parti BERJAYA menjadi parti Kerajaan di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta masa yang singkat lebih kurang lima minit lagi kerana selepas keputusan Pilihanraya Umum

Negeri Sabah ini diketahui, apabila telah dikira satu persatu undi yang telah dibuang oleh rakyat di negeri Sabah dan keputusan yang saya sebutkan tadi telah diketahui, ada pula tuduhan-tuduhan daripada pihak-pihak Pembangkang di Sabah yang mengatakan bahawa pilihanraya umum yang telah dikendali dan diuruskan oleh Suruhanjaya Pilihanraya negara kita itu adalah tidak adil, bahawa ada penyalahan urusan di sana sini dan sebagainya. The election was rigged dan sebagainya. Tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang telah mendapat sanjungan tinggi dan penghormatan daripada seluruh negara kita, bila-bila masa sahaja ada pilihanraya di negara kita ini, Suruhanjaya Pilihanraya ini telahpun dapat pengakuan dan penghormatan, menerima keyakinan dari pemimpin-pemimpin negara, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional bahkan pemimpin-pemimpin Pembangkang DAP tidak pernah yang setahu saya, mungkin saya silap, tidak pernah menuduh Suruhanjaya Pilihanraya tidak adil. Kali ini pula di negeri Sabah satu negeri sahaja Pembangkang melemparkan tuduhan-tuduhan terhadap Suruhanjaya Pilihanraya. Kalau difikir betul-betul dalam sejarah perkembangan politik berparti di negeri Sabah, semenjak pilihanraya negeri Sabah yang pertama, dari election yang pertama tahun 1967, dalam pilihanraya tahun 1976 dan tahun 1981 inilah boleh dikatakan proses demokrasi, proses yang diamal melalui Perlembagaan Malaysia itu, proses pengundian adalah benar-benar telah dipraktik oleh rakyat negeri Sabah.

Saya bukan sentuh perkara-perkara yang lalu, saya kebiasaannya tidak ingin membabitkan hal yang sudah-sudah yang tidak baik di Sabah tetapi saya hanya mengungkitkan ini supaya kita jangan lupa tahun 1967 pilihanraya itu boleh dikatakan demokratik dan calon-calon parti yang mahu bertanding dapat bertanding dengan baik. Selepas tahun 1967 Sabah makin lama makin hilang demokrasi. Tahun 1971 apabila diadakan satu Pilihanraya Negeri, dengan 32 kerusi dipertandingkan, sebelum pilihanraya itu diadakan banyak tokoh-tokoh politik Sabah dibawa makan angin ke lain-lain tempat di Asia Tenggara, paspot dipegang, belanja dikontrol dan ada beberapa puluh bakal calon

yang mungkin menjadi calon dibawa ke luar dari Sabah dalam tahun 1971 dan manakala mereka balik ke Sabah tokoh-tokoh Sabah ini telah malang kerana bila mereka balik ke Sabah pilihanraya tahun 1971 telah dimenangi oleh Perikatan semua 32 kerusi tanpa bertanding, kerana tokoh-tokoh yang lain yang mungkin jadi pembangkang telah dibawa ke luar makan angin di Bangkok, di Hong Kong, Manila, Taiwan dan sebagainya. Kemudian dalam pilihanraya tahun 1974 pun, pilihanraya Parlimen sahaja di Sabah. Demikian juga banyak orang

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak benarkan begitu sekali flexibility kepada ucapan Yang Berhormat. Kalau boleh tolong tumpukan sekarang ini kepada perkara yang berkaitan, sungguhpun ada berkaitan dengan Election Commission tadi, tetapi tumpukan kepada pindaan-pindaan Perlembagaan.

Datuk James Peter Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, hanya sedikit sahaja.

Jadi dalam tahun 1974 begitu juga banyaklah yang sengsara, dipukul, kacamata ditumbuk dan sebagainya kerana ingin menjadi calon. Pendek kata dalam tahun 1976 demokrasi telah pulih di Sabah apabila parti-parti boleh bertanding. Begitu juga dalam tahun 1981 ini di mana pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah pilihanraya yang paling demokratik di dalam sejarah politik berparti di negeri Sabah dan saya merasa kesal bahawa tidak semena-mena pula pihak Pembangkang di Sabah telah mengatakan Suruhanjaya Pilihanraya (Election Commission) yang mana pada hari ini akan ditambah seorang Timbalan Pengerusinya dituduh tidak adil dan ini sangat-sangatlah salah dan tidak kena pada tempatnya kerana mengikut Perlembagaan negara kita kalau ada sesuatu tuduhan ataupun komplek, rayuan, pestisyen mengenai dengan keputusan-keputusan pilihanraya sepatutnya jangan ditujukan kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Mengikut Perlembagaan kita, iaitu Perkara 118, dengan izin:

"118. Method of challenging election

No election to the House of Representatives or to the Legislative Assembly of a State shall be called in

question except by an election petition presented to the High Court having jurisdiction where the election was held."

Kita merasa sangat kesal kerana dengan tidak memikir dengan teliti Suruhanjaya Pilihanraya yang tidak menyebelahi mana-mana pihak telah dituduh pula di Sabah berat sebelah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin sentuh mengenai dengan Rang Undang-undang (Pindaan) ini ialah mengenai dengan pindaan Perkara 139, Perlembagaan yang mana pada hakikatnya akan memansuhkan cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, cawangannya di Sarawak dan di Sabah.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Pemansuhan ini kita rasa memang sudah sampai pada masanya kerana cawangan-cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan di Sarawak dan Sabah ini diperlukan hanya di peringkat awal dalam proses kita membina dan menyatukan negara kita, iaitu semasa kita membentuk Malaysia hampir 14 tahun dahulu.

Pada masa sekarang lunas-lunas pentadbiran Persekutuan di negeri Sarawak dan di negeri Sabah sudah menjadi mantap dan dapat dikendalikan dengan baik, maka pindaan kepada Perkara 139 ini memansuhkan cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Sabah dan Sarawak kita terima dan alu-alukan. Walau bagaimanapun, kita juga mengharap bahawa dengan kemajuan di dalam proses penyatuan, dalam proses kenegaraan kita ini pemansuhan ini menggambarkan kejayaan kita, iaitu boleh kita tadbir pegawai-pegawai di dalam Jabatan-jabatan Persekutuan (Federalised Department) di Sabah. Kita juga harap supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan daripada Kuala Lumpur jangan pula makin lama makin jauh daripada pandangan dan pendekatannya terhadap Sabah dan Sarawak.

Di Sabah terdapat pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, 53 Jabatan-jabatan Persekutuan (Federalised Department), selain daripada ini 15 Badan-badan Berkanun

Persekutuan. Semuanya ini memanglah mengharapkan penelitian dan layanan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dari Kuala Lumpur, terutama mulai pada hari manakala cawangan-cawangan SPA ini telah dimansuhkan di Sabah dan di Sarawak. Kita harap supaya dengan proses penyatuan kenegaraan (national integration) kita ini yang telah berjalan dengan baik yang mana bagi saya dicerminkan oleh pemansuhan dua cawangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Sabah dan Sarawak ini kita harap supaya pegawai-pegawai di dalam Jabatan-jabatan Persekutuan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan di Sabah itu akan terus mendapat perhatian yang sedia kala dan lebih teratur. Pada masa ini terdapat 11,000 pegawai-pegawai Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah, ini tidak termasuk guru-guru di dalam perkhidmatan perguruan di negeri Sabah yang mana juga lebih kurang 11,000 orang, jadi lebih kurang 22,000 orang pegawai-pegawai di dalam Jabatan-jabatan Badan-badan Berkanun Persekutuan di Sabah. Sungguhpun mereka ini bertugas di dalam Jabatan-jabatan dan Badan-badan Berkanun Persekutuan tetapi memanglah lebih daripada 90% mereka ini adalah rakyat Malaysia kita yang berasal daripada Sabah dan kadangkala mereka merungut dan mengatakan bahawa kadangkadangkang rayuan-rayuan, permohonan-permohonan mereka untuk kenaikan pangkat (promotion) dan sebagainya lambat ataupun jarang dijawab dan diberi layanan, ini menjadi satu masalah di situ.

Saya cuma ingin menyebut di sini, Tuan Yang di-Pertua, supaya kalaulah boleh pada ketika ini di mana kita telah bersama-sama merdeka hampir 14 tahun bagi Sarawak dan Sabah, kalaulah boleh kita longgarkanlah sedikit supaya orang-orang Malaysia kita di Sabah itu seboleh-bolehnya diberi keutamaan untuk menjadi Ketua-ketua Jabatan di dalam Jabatan-jabatan Persekutuan. Takkanlah orang Kedah selama-lamanya menjadi Ketua Jabatan di Johor ataupun orang Johor menjadi Ketua Jabatan di Kelantan. Di sini memang tidak menjadi satu isu yang begitu ketara tetapi oleh sebab di Sabah dan juga saya percaya di Sarawak ada jauh sedikit, saya rasa oleh kerana kita sudah sampai ke satu tahap yang menasabah, yang cukup saling

mengerti di antara Persekutuan dan Negeri, maka pada kebiasaannya seperti di negeri-negeri atau negara-negara yang sudah lebih maju (in the developed countries) kebiasaannya mereka mengharapkan orang-orang tempatan, misalnya, kalaulah di California kita mengharapkan orang-orang dari San Francisco, Los Angeles, yang juga orang Amerika untuk menjadi pentadbir-pentadbir di California dan tidak payahlah Federal Officers datang dari Washington D.C. untuk pergi ke California pergi menjaga urusan-urusan di California.

Kerana kematangan itu sudah semakin cukup dan sepatutnya kita boleh menaruh keyakinan yang semakin lama semakin lebih terhadap kebolehan orang-orang tempatan di tiap-tiap negeri itu untuk mentadbir negeri itu. Ini juga akan mengelak dan mengurangkan kerumitan-kerumitan dari segi keluarga, urusan-urusan peribadi apabila pegawai-pegawai dari Semenanjung ditukarkan ke sana dan sebaliknya dari sana datang ke Semenanjung, kecuali di dalam jawatan-jawatan yang sangat teknikal ataupun jawatan keselamatan (security posts) dan sebagainya. Dan kita harapplah dalam proses penyatuan negara kita ini, ini akan wujud dengan lebih luas lagi iaitu keyakinan kita bahawa pegawai-pegawai dan rakyat tempatan kita boleh mengendalikan urusan-urusan Kerajaan serta pentadbiran di dalam negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, dan akhir sekali saya ingin sentuh ialah mengenai pindaan kepada Jadual Kesembilan Perlembagaan kita. Ini adalah memindah tanggungjawab terhadap Jabatan Bomba daripada Negeri kepada tanggungjawab Persekutuan. Kita mengharap dengan pemindahan tanggungjawab terhadap Jabatan Bomba ini maka dapatlah diperbaiki lagi keadaan jabatan tersebut di Sabah dan saya diberitahu di Sarawak pun begitu juga di mana pada masa ini oleh sebab perkara ini telah lambat diselesaikan bertahun-tahun maka jentera, alat-alat bomba sangat tidak memuaskan di seluruh negeri Sabah. Hose-hose yang bocor dimakan oleh tikus dan serangga, apabila ada kebakaran, air pun tidak sampai kepada api kerana hose-hose yang buruk dan alat bomba serta jenteranya

tidak hidup dan sebagainya. Sebab perkara ini telah timbul tenggelam dibincangkan di antara Persekutuan dan Negeri dalam masa lima enam tahun lebih dari itu sehingga sekarang. Jadi itulah

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali tidak pernah berlaku kebakaran, itu sebablah jarang digunakan.

Datuk James Peter Ongkili: Syukurlah, Tuan Yang di-Pertua, kali ini hal itu dapat diselesaikan terutama sekali tidak tahulah apa sebabnya tetapi pada masa-masa kebelakangan ini makin banyak kejadian kebakaran berlaku di Tawau, Semporna, Kota Kinabalu dan sebagainya. Jadi kita haraplah supaya dapat diperbaiki keadaan Jabatan Bomba dan sebagainya.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Sabah memang dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang meminda Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bercadang meminta Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawab pada pukul 8.30 malam atau sebelum daripadanya jikalau tidak ada Ahli yang hendak bercakap. Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

7.34 mlm.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana peluang diberi kepada saya bercakap dalam membincangkan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan yang kita bincangkan sekarang ini.

Sebenarnya daripada tadi saya duduk di sini dan akhirnya apabila saya bangun seorang pun tidak ada Pembangkang di dalam Dewan ini. Dan rasa tidak berapa sedap saya hendak bercakap kerana bercakap kepada orang yang tidak ada di dalam Dewan

Tuan Yang di-Pertua: Baguslah, terus tumpukan kepada perkara dan masalah dalam Majlis ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Sebenarnya ini pendahuluan, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang sangat mukadimahny.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Sebenarnya wakil dari Jelutong telah mengambil masa 20 minit membuat pendahuluan, jadi saya hanya mengambil masa dua minit supaya DAP ini memahami apa itu politik, barulah dia dapat duduk di dalam Dewan ini lama. Kalau dia tidak tahu apa itu politik, maka dia tidak perlu duduk dalam Dewan ini lama. Dan saya dapati kedua-dua wakil dari Kota Setar dan juga wakil dari Jelutong termasuk wakil dari Petaling telah menyebutkan bahawa pindaan yang ada di hadapan kita ini menekankan yang demokrasi akan mati katanya. Jadi inilah sifat orang yang tidak begitu menghalusi undang-undang walaupun mereka itu lawyer, tetapi mereka itu sebenarnya lupa bahawa dengan pindaan undang-undang inilah yang akan menyekat negara ini dari diperintah oleh golongan-golongan subversif dan golongan-golongan penjahat serta golongan-golongan yang cuba hendak mendapat kuasa di dalam negara ini dengan tidak melalui saluran Perlembagaan yang kita hadapi sekarang. Demokrasi ini mati disebabkan orang yang berniat tidak baik untuk mendapat kuasa dalam negara ini.

Saya hendak menyentuh dua perkara dalam Fasal 7 dan juga Fasal 15 pindaan ini. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana Kerajaan telah membuat satu pindaan kepada Fasal 1A yang baru yang telah mencegah tanah orang Melayu dibeli dan digadai oleh orang-orang atau golongan yang tidak berhak mendapat tanah tersebut. Dan tanah Reserve Melayu ini sebenarnya banyak telah terlepas daripada tangan-tangan orang Melayu, tangan-tangan bumiputra dengan berbagai-bagai cara. Dengan adanya undang-undang ini kemungkinan kita dapat mengekalkan kedudukan tanah Reserve Melayu yang tidak lagi boleh menjadi terhenti menjadi tanah bukan Reserve Melayu. Tetapi apa yang saya hendak tekankan di sini supaya Kerajaan mengambil atau menitikberatkan di dalam penggunaan tanah tersebut adalah diambil kira sebagai menentukan tanah bukan

Melayu. Kerana kita tidak mahu di dalam geran sahaja tanah itu namanya orang Melayu, namanya bumiputra tetapi penggunaan tanah tersebut tidak digunakan oleh orang Melayu atau orang yang berhak memiliki tanah tersebut. Ini banyak terjadi iaitu tanah orang Melayu tetapi hak pemilikinya adalah bukan orang Melayu. Jadi dengan cara ini akan menjadikan tanah tersebut tidak bermakna, tanah tersebut tidak dimasukkan di dalam Reserve Melayu kalau tanah itu tidak digunakan oleh orang-orang Melayu. Dan juga orang Melayu hanya dipinjam namanya sahaja, tetapi dari segi hasrat yang sebenarnya, dari segi penggunaan tanahnya itu tidak dapat kepada tuan yang berhak memiliki tanah tersebut.

Ini seharusnya pihak Kerajaan akan dapat mengesan perkara-perkara ini dan kalau boleh di dalam peraturan ini boleh menjadikan satu kesalahan menipu tanah-tanah Reserve Melayu ini tidak disalah milik dan kalau terdapat tanah seperti ini bukan sahaja hak berhenti menjadi layak memiliki tanah itu kepada orang tersebut, tetapi kalau perlu tanah itu diberi kepada Kerajaan untuk mengambil alih tanah tersebut supaya tanah ini dapat dipergunakan, dikekalkan sebagai tanah Reserve Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga hendak menyebut tentang Fasal 3 yang ada menyebut iaitu "yang serupa jenisnya dengan tanah itu" seperti yang tersebut di dalam Fasal 3 sebagai tanah Reserve Melayu jika mana-mana tanah terhenti menjadi

Tuan Yang di-Pertua: Fasal 3 yang mana Yang Berhormat?

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Fasal 7 (b) dalam Fasal (3) Perlembagaan iaitu Perkara 89 (3) ". jika mana-mana tanah terhenti menjadi tanah Reserve Melayu, mana-mana tanah lain yang serupa jenisnya dengan tanah itu dan seluas tidak lebih daripada luas tanah itu" hendaklah diganti. Ini saya menyokong.

Ada Wakil Rakyat telah menimbulkan perkara ini tadi tetapi apa yang saya hendak timbulkan ini penggantian ini hendaklah dalam satu kawasan tetapi tidak kawasan yang jauh iaitu dalam satu kawasan yang tidak berjauhan supaya nilai tanah tersebut adalah

mempunyai nilai yang sama. Kita tidak mahu kalau diambil oleh tanah Rezab Melayu dalam bandar ini, kemudian digantikan dengan tanah-tanah di luar bandar, tanah-tanah di tepi-tepi bukit, ini tidak bermakna dan tidak mempunyai satu keadilan pada gantian yang diberikan itu. Oleh itu kalau tanah di luar bandar ini yang seluasnya tidak lebih daripada luas tanah yang diberikan itu, ini juga merupakan satu keadaan yang tidak adil tetapi hendaklah dikira berdasarkan nilai semasa tanah tersebut.

Misalnya kalau tanah dalam bandar 10 ekar telah dibuang sebagai Rezab Melayu tetapi setengah ekar itu dalam bandar mungkin bernilai \$200,000 atau \$300,000 tetapi kalau tanah itu 1/2 di luar bandar nilainya tidak sampai \$10,000 ataupun \$20,000. Jadi penggantian yang tidak berdasarkan nilai tanah tersebut adalah menganiaya kepada orang yang tanahnya atau hakmilik itu ataupun menjadikan kerugian kepada tanah rezab yang telah dihapuskan ataupun yang telah terhenti daripada menjadi tanah Rezab Melayu. Nilai tanah itu, misalnya kalau kita tidak dapat berdasarkan nilai tanah 1/2 ekar dalam bandar harganya \$100,000 atau \$200,000 maka kita pindahkan kepada satu kawasan luar bandar yang diberi ganti tanah tersebut mungkin tanah itu dengan harga \$200,000 atau \$100,000 mungkin akan menjadi 10 ekar tanah ataupun 20 atau 30 ekar tanah. Ini sebagai satu contoh. Berdasarkan kawasan dan berdasarkan nilai ini adalah satu perkara yang adil bagi menentukan atau untuk menggantikan tanah Rezab Melayu sebagai ganti daripada tanah yang dibatalkan tadi. Luas itu mungkin dikatakan sekali ganda atau dua kali ganda daripada tanah yang sepatutnya diambil. Ini sebagai suatu keadilan kepada hak Rezab Melayu apa yang telah tercatat dalam Perlembagaan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya hendak bercakap dua hari dahulu lagi. Hari ini, Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke Masjid, saya tunggu-tunggu tidak ada juga wakil dari Jelutong yang telah mencabar saya. Katanya—mencabar saya supaya saya menunggunya di Masjid Negara dan saya tengok Kadi Wilayah Persekutuan ada tetapi Wakil dari Jelutong tidak ada mungkin kerana dia tidak dapat masuk ke masjid kerana dia itu

najis masuk ke masjid. Jadi, saya suka hendak menyebutkan mula-mula saya juga hendak tengok kalau wakil yang mencabar iaitu Wakil dari Jelutong ini, saya akan mempertimbangkan cabaran Wakil dari Jelutong ini mungkin dia dengar daripada biliknya, lepas itu sekejap lagi dia datanglah, mencabar, kalau hendak mencabar saya dan saya hendak mencabar dia

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habislah kisah cabar-mencabar itu, sudah puas tiga empat hari yang lepas.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak suruh dia pakai serban—turban (sanggol) lepas dia pakai sanggulnya itu baharu dia dikatakan tidak murtat, baharu yang dia boleh sumpah. Kalau dia dianggap sebagai seorang murtat, saya rasa dia tidak boleh hendak bersumpah seperti macam kita ini sebagai seorang Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu, baliklah kepada masalah asal.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Dia telah keluar. Saya telah bertanya kepada seorang yang bernama Pelaing Singh, dia beritahu, kalau orang Singh tak pakai turban itu dia adalah murtat, sumpah pun tidak boleh, Guru Nanak pun tak terima.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya hendak menentuhkan kepada Fasal 15, Perkara 150 (1) dan (2). Sebenarnya perkara ini juga saya memuji kepintaran Kerajaan memikirkan pindaan Fasal (1) dan (2) ini bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman rakyat bagi menikmati kekayaan ekonomi di dalam negara ini termasuk juga wakil-wakil DAP yang ada di dalam Dewan ini dan juga di luar Dewan. Kita tidak perlu sebenarnya melihat darah yang tidak berdosa itu mengalir dahulu di bumi ini, baharulah perisytiharan darurat dilakukan, kerana kalau kita lihat bahawa kalaulah hendak menentukan perkara itu berlaku dahulu maka akibatnya amatlah buruk sebagaimana yang pernah berlaku semasa 13 Mei dahulu walaupun wakil DAP ini kadang-kadang setengahnya hendak lari daripada negara ini tetapi apa yang malangnya ialah pengikut-pengikutnya, rakyat yang tidak

berdosa telah menerima akibat yang paling buruk, darah-darah yang mengalir dan juga kesedihan dan rintihan daripada keluarga yang menerima keadaan malang.

Jadi pindaan sebelum sebenarnya berlaku kejadian yang mengancam keselamatan dan kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam ini adalah penting bagi menentukan supaya peristiwa 13 Mei tahun 1969 yang telah mengajar kita dan mengingatkan kepada Pembangkang supaya jangan terlalu sombong dan jangan terlampau dan terlampau bermegah walaupun kerusi mereka bertambah di dalam Dewan Parlimen mahupun Dewan Negeri, kerana perkara ini berlaku oleh sebab kesombongan mereka setelah mereka mendapat kejayaan dan juga mereka dapat kejayaan yang sedikit bukan kejayaan yang banyak. Kalau kejayaan yang banyak sudah tentu negara ini akan menempoh keadaan kucar-kacir dan juga keadaan huru-hara. Jadi kerana kemegahan mereka itulah akan dicabar oleh manusia lain dan juga oleh Allah s.w.t. menyebabkan kejayaan mereka tidak sejauh mana, akhirnya apa yang berlaku itu, apa keadaan darurat yang berlaku itu bukan disebabkan oleh undang-undang yang ada tetapi disebabkan keadaan itu terpaksa berlaku begitu. Jadi sesuatu perkara yang berlaku itu sebenarnya selalu kita dengar daripada DAP ia menimbulkan cerita-cerita lama.

Kalau membahaskan Fasal 150 ini dia akan menimbulkan keadaan darurat yang lalu seolah-olah kita di sini tidak pernah mendengar cerita-cerita seperti itu. Dan mereka ini menimbulkan cerita-cerita lama, Peguam sana, Peguam sini, ia menganggapkan bahawa di dalam menentukan keadaan negara ini bahawa mereka yang berkelulusan lawyer atau berkelulusan undang-undang sahaja yang perlu, dan mereka menganggap menjadi seorang pemimpin bahawa kelulusan undang-undang adalah lebih baik daripada kelulusan lain tetapi mereka lupa bahawa negara ini bukan dipimpin oleh segolongan besar orang yang berkelulusan professional sebagaimana mereka sebutkan tadi itu. Tetapi kita patutlah berbangga, kalau mereka yang tidak berkelulusan undang-undang ini dapat memimpin negara ini dengan baik dan dapat

memikirkan undang-undang dengan baik sebagaimana yang ada pada hari ini, sepatutnya mereka berbangga tetapi bukanlah mengeluarkan perkataan-perkataan cacian dan menghina, kerana seseorang berlawyer buruk sebagaimana wakil dari Jelutong itu tidak seharusnya kita menerima kerana pemikirannya terlampau rigid seolah-olah undang-undang ini Tuhan kepadanya.

Dan segala apa yang dibuat oleh Majlis Peguam dan juga yang ada di dalam suratkhbar, buat rujukan sana dan rujuk sini, apa yang dikatakan oleh orang luar daripada negara ini itulah yang menjadi rujukannya tetapi orang luar yang berkata itu adalah orang yang tidak bertanggungjawab terhadap negara ini. Jadi, kalau ini mereka timbulkan bermaknalah mereka ini adalah memandag haluannya yang keluar daripada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya sudah katakan tadi, cuba selamatkan waktu, pergilah kepada perkara yang dibahaskan. Tak usah banyak sangat sentuh hal itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa kali dia telah menimbulkan tentang darurat di Kelantan. Tiga orang bercakap, tiga orang timbul mengenainya, tetapi dia lupa bahawa di dalam peristiharan darurat yang berlaku di Kelantan dahulu adalah dengan tujuan untuk menjaga hartabenda orang-orang dan juga pemimpin-pemimpin PAS supaya jangan dirosakkan oleh rakyat yang sudah benci kepada mereka. Itu yang mereka lupa. Mereka lupa hendak menilai dari segi kebaikan Kerajaan untuk melindungi hartabenda menyebabkan PAS jatuh, darurat inilah menyebabkan DAP ini tidak menang banyak kerusi dan juga kadangkadangkad dengan sebab projek yang diberi itu maka DAP kalah di Pengkalan Kota, tetapi dia lupa bahawa kepercayaan rakyat di dalam perkara ini adalah merupakan satu kepercayaan yang sudah hilang daripada rakyat. Sebenarnya yang ada di Kelantan semasa dahulu ialah harta orang PAS yang banyak. Kalau rumah yang besar-besar itu rumah orang PAS, kalau harta yang banyak itu harta orang PAS, kalau tanah yang banyak itu misalnya ada seorang Wakil Rakyat dapat

memiliki 136 lot tanah semasa memerintah Kelantan dan beribu-ribu ekar tanah hutan yang dipajak (lease), ini merupakan kekayaan yang mereka bolot. Dengan adanya darurat di Kelantan maka harta mereka dapat terjaga, terjamin tetapi mereka tidak suka, mereka telah menuduh yang bukan-bukan kepada Kerajaan yang telah melaksanakannya.

Apabila kita lihat kepada pemimpin Pembangkang hari ini, DAP dengan cara untuk menghasut orang-orang Cina dan juga India dengan fahaman perkauman itu dan membangkitkan hak-hak keistimewaan orang Melayu dengan secara samar-samar, kalau dia bangkit secara terang-terang, ada ubatnya; tetapi mereka ini membangkit secara samar-samar, sebab DAP ini sebenarnya tidak mempunyai sesuatu pendirian di dalam Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, mereka tidak mempunyai pendirian, jadi pernah saya bercakap satu masa dahulu saya mengatakan DAP ini cuba mencetuskan huru-hara dan cuba menggalakkan Dasar Ekonomi Baru kerana Dasar Ekonomi Baru ini ada kaitan dengan keadaan huru-hara yang mungkin terjadi dalam negara kita.

Apabila Kerajaan mengistiharkan Dasar Ekonomi Baru

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya banyak kali mengingatkan tidak usahlah contoh-contoh yang macam itu kerana hendak menyelamatkan masa. Terus kepada Perlembagaan ini sahajalah.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya hendak timbulkan perkara ini yang ada kaitan dengan Dasar Ekonomi Baru. Sebenarnya Dasar Ekonomi Baru ada kaitan dengan keadaan darurat dalam negara kita, kerana kalau keadaan yang tidak seimbang selamanya dan keadaan yang tidak adil wujud di dalam negara kita di dalam ekonomi dan sebagainya, maka keadaan huru-hara inilah yang akan kita terima.

Saya telah mengatakan DAP ini menentang Dasar Ekonomi Baru tetapi wakil dari Kota Melaka pada masa itu berkata bahawa DAP menyokong Dasar Ekonomi Baru tetapi dengan sokongan DAP inilah, dengan sokongan wakil dari Kota Melaka inilah satu daripada sebab wakil DAP ini dikeluarkan daripada DAP.

Sebenarnya saya suka hendak menentukan bahawa apakah Dasar Ekonomi Baru yang ada sekarang

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata tadi Dasar Ekonomi tidak usahlah cakapkan dalam pindaan Perlembagaan ini walaupun boleh dikaitkan darurat, macam-macam, seribu satu macam boleh cakup berkenaan dengan darurat tetapi tumpukanlah kepada pindaan Perlembagaan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habis sedikit lagi, mengambil masa sedikit.

Sebenarnya mereka ini adalah golongan yang menentang Dasar Ekonomi Baru, jadi saya mencabar mereka supaya menentukan sikap dan stand mereka dalam Dasar Ekonomi Baru.

Sekarang saya hendak katakan bahawa sokongan mereka ini selalu mengungkit-ungkitkan perkara-perkara yang tidak baik yang boleh mencetuskan keadaan huru-hara dalam negara kita dan juga saya minta supaya Kerajaan memerhatikan telatah PAS di Kelantan yang kita kurang senang sebagaimana yang berlaku sekarang ini.

Sebenarnya mereka ini telah melakukan sesuatu perkara yang boleh menimbulkan huru-hara, misalnya mereka telah menimbulkan ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang boleh

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak boleh benarkan lagi, kalau macam itu. Saya hendak Yang Berhormat terus tepat kepada Perlembagaan ini, apa dia pindaan, apa pendapat, kalau tidak ada habiskanlah. Jangan sebab sudah ada tersedia begitu, nota itu sudah ada kita cakapkan juga. Tengoklah keadaan masa yang sebenarnya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya ambil masa 5 minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana saya telah menyediakan ucapan ini kerana sebenarnya saya tengok tadi saya tidak potong ucapan saya tadi, sebab saya tengok Pembangkang tadi terlampau meleret ucapannya, jadi saya mintalah masa 5 minit untuk menghabiskan ucapan.

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan kerana ada hubungan dengan inilah. Kalau tidak satu minit pun berharga juga, orang lain boleh bercakap.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, bolehlah saya teruskan ucapan saya sedikit lagi.

Dalam sokongan saya ini saya memanglah di dalam Perkara 15 Perlembagaan ini sebenarnya perkara yang boleh menolong kita di dalam mencegah keadaan-keadaan seperti yang saya sebutkan tadi kerana keadaan sekarang ini telah terbiar. Dengan keadaan ini boleh menimbulkan keadaan darurat sekali lagi di Kelantan. Inilah keadaan, sebenarnya kita sangat suka kalau keadaan darurat ini boleh diisytiharkan di Kelantan sekali lagi kalau sekiranya keadaan ini berterusan tanpa kawalan, tanpa ada undang-undang yang boleh menyekat golongan ini.

Selain daripada itu, dalam Fasal 8 undang-undang ini—kita kata di dalam ucapan dasar undang-undang ini, saya suka hendak menyebutkan supaya undang-undang pilihanraya dipinda sekali lagi supaya tidak boleh seorang wakil itu masuk dua kawasan pilihanraya, Kawasan Negeri dan Kawasan Parlimen, kerana ini akan merumitkan beban ataupun tidak dapat bertanggung oleh Wakil-wakil Rakyat terutama wakil dari Pembangkang yang telah membangkitkan bahawa mereka yang tidak hadir selama enam bulan lebih. Jadi, Undang-undang Pilihanraya ini dengan ini saya minta supaya Kerajaan meminda undang-undang itu supaya Wakil Rakyat ini hanya boleh mewakili satu sahaja, wakil Negeri atau wakil Parlimen kerana nampaknya seperti orang Kelantan kata, tamak sangat untuk ambil dua kawasan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap kalau ringkas sedikit dapat lebih daripada dua orang bercakap. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

7.57 m/m.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul ini dan saya juga ingin membangkitkan untuk memberi pendapat-pendapat saya berkenaan Fasal 15.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpaksa menentang segala tuduhan pihak Pembangkang terhadap niat baik Kerajaan dalam hal pindaan Perlembagaan. Pindaan Perlembagaan memanglah satu perkara yang serius yang harus dibahaskan dengan cara yang positif apa yang baik, apa yang kita sudah dengar adalah semata-mata tuduhan-tuduhan yang tidak benar langsung dari pihak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, tadi pun kita telah dengar bahawa Ahli dari Jelutong yang sepatutnya tidak membangkitkan soal boleh seseorang rakan di dalam Dewan Rakyat yang mulia ini baikpun ahli itu ialah tidak sama-sama di dalam partinya. Saya merayu kepada Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kalau boleh berbangkit di dalam Privileges Committee untuk mengambil tindakan terhadap kedudukan soal kulit tadi.

Berkenaan Fasal 15, Perkara 150, tadi Ahli Parlimen dari Petaling sudah sebutkan kalau Perlembagaan Fasal 15 dipinda barangkali, atau dia kata dengan positifnya demokrasi sudah mati dan Kerajaan Malaysia sudah jadi satu Kerajaan dictatorial.

Saya ingin di sini memberi sedikit pendapat berkenaan tuduhan itu. Yang pertama saya ingat jika satu pindaan dibuat, baik oleh Kerajaan atau parti Pembangkang terhadap Perlembagaan negara, kita harus mengkaji responsibility atau tanggungjawab ke atas pihak yang membawa pindaan itu. Pada masa sekarang Kerajaan yang membawa usul pindaan dan ini ialah apakah responsibility atau tanggungjawab Kerajaan dan apabila membentangkan usul pindaan ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan jelasnya memberi sebab-sebabnya tetapi ahli Pembangkang tidak mahu lagi menerima sebab-sebabnya yang telah diberi.

Clause 15 (2), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan:

“(2) A Proclamation of Emergency under Clause (1) may be issued before the actual occurrence of the event which threatens the security, or the economic life, or public order in the Federation or any part thereof if the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that there is imminent danger of the occurrence of such event.”;

Tuan Yang di-Pertua, inilah responsibility atau tanggungjawab Kerajaan. Jika tidak ada provision di dalam Perlembagaan untuk mengambil tindakan-tindakan yang berkesan nanti kalau satu hal yang besar telah berlaku, pihak Pembangkang juga marah kepada kita mengatakan kita mengambil tindakan selepas kejadian itu, we act only after the horse has bolted. Pada pendapat saya Kerajaan Barisan Nasional telah menunjukkan jika ada kuasa-kuasa Kerajaan Barisan Nasional di dalam sejarah pada masa merdeka sampai sekarang tidak salahguna kuasa itu. Kita sendiri boleh lihat sebelum merdeka negara kitapun di dalam satu state of emergency. Pada masa itu adalah masalah terrorism berlaku di dalam negara kita dan Kerajaan ini ialah Kerajaan yang membatalkan atau lift the emergency dan substitute kepada satu sistem yang demokratik dan lagi satu contoh di mana tanggungjawab Kerajaan tidak disalahgunakan, baik di masa ini ada kuasa itu semasa peristiwa Mei 13, di masa itu jika kita ingat hendak mengambil kuasa sebagai dictator, saya ingat Kerajaan Alliance di masa itu tidak memberi kuasa balik kepada rakyat dan memulihkan Parlimen. Ini sudah jelas menunjukkan kepada pihak Pembangkang kalau ada suatu pindaan itu oleh kerana Kerajaan hendak memikul tanggungjawabnya.

Perkara kedua, Tuan Yang di-Pertua, berbangkit apabila kita hendak buat satu pindaan Perlembagaan what is the intention of the Government, tadi Ahli Yang Berhormat dari Petaling kata intention Kerajaan ialah untuk mengambil lagi kuasa dan tidak mahu satu cara demokrasi hidup di dalam negara kita ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dengan jelasnya dalam new Clause (2C) jawapan yang kita boleh berikan kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling, intention of the Government dengan jelasnya. The new Clause (2C) seeks to provide that an ordinance promulgated by the Yang di-Pertuan Agong under Clause (2B) has the same force and effect as an Act of Parliament and will continue in force and so forth.

Ini telah menunjukkan jika Kerajaan ingin meminda Perlembagaan untuk mengambil kuasa kita tidak perlu ada Parlimen, kita boleh

membubarkan Parlimen tetapi apabila di satu-satu masa darurat harus diisytiharkan Kerajaan telah di belakang ingatan Kerajaan dengan yang sesuai mengembalikan kepada cara Parlimen, the intention is there, same force and effect as an Act of Parliament. Jika Kerajaan tidak ada intention mengembalikan dengan cara demokrasi apabila satu situasi emergency berlaku barangkali Kerajaan tidak mengadakan provision di dalam new Clause (2C) ini. Dan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah jelaslah responsibility Kerajaan yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan intention Kerajaan di dalam sejarah 25 tahun merdeka telah menunjukkan intention of the Government sangat jelas dan responsibility of the Government kita telah beberapa kali berani, jika perlu pinda kita pinda Perlembagaan bukan untuk kita, Tuan yang di-Pertua, tetapi untuk generasi yang akan datang.

Dan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap kalau ringkas, dapat seorang lagi selepas ini, Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

8.07 m/m.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim. (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul meminda Perlembagaan. Usul ini amatlah penting bagi negara kita dan dalam perkara meluluskan usul ini beberapa pindaan akan dibuat di dalam Perlembagaan.

Apa yang saya hendak utarakan, Tuan Yang di-Pertua, ialah pelaksanaan hasil daripada pindaan ini kelak terutamanya Perkara 89 iaitu kedudukan tanah rezab orang Melayu yang telah banyak dibincangkan, memohon kepada pihak Kerajaan waktu melaksanakan Fasal (3) ini saya harap dapat diwujudkan satu formula yang mana pindaan ini sungguh-sungguh memberi jaminan dan memberi keuntungan kepada tuan-tuan punya tanah yang selama ini tanah rezab orang Melayu ini dianggap satu jenis tanah "second class" yang tidak ada nilai dalam bidang ekonomi yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan pindaan ini juga nilai harga tanah rezab Melayu ini akan sungguh menguntungkan tuan-tuan punya tanah terutama sekali di dalam Wilayah Persekutuan dan juga saya suka mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, kepada pihak Kerajaan, setelah diluluskan pindaan Perlembagaan ini dapat dilaksanakan dengan mengganti balik secara retrospective iaitu ditarik balik sehingga beberapa tahun yang lalu yang dapat ditetapkan oleh Kerajaan. Sebab di dalam Wilayah Persekutuan ini dalam perkara pembangunan banyak tanah-tanah rezab orang Melayu telah pun diambil oleh Kerajaan dan pengantiannya dibuat secara tidak puas hati, terutamanya sekali di kawasan Kampung Baru untuk membuat jalan yang baru melintas Kampung Baru dan juga di kawasan Gombak apabila mengadakan jalan lalintas Kuala Lumpur/Karak Highway.

Perkara yang kedua, saya sangat tertarik dalam pindaan Perlembagaan ini ialah masalah Kerajaan berkuasa merampas harta orang-orang yang telah menjalankan kerja-kerja subversif. Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan menitikberatkan rampasan kuasa kepada orang-orang yang telah menganiayakan negara kita iaitu masalah pengedaran dadah. Saya percaya kalau diteliti dan dihalusi pindaan Perlembagaan ini akan sungguh-sungguh memberi kesan yang baik kepada anasir-anasir yang pada ketika ini sedang bermaharajalela dan dalam perkara ini juga saya meminta dalam perlaksanaanya kelak dapat diadakan satu sistem yang sungguh-sungguh tidak menganiayakan orang ramai yang tidak berdosa.

Yang ketiga, saya sangat tertarik hati masalah pindaan Perlembagaan mengenai kedudukan Suruhanjaya Keretapi yang hendak dimansuhkan dan saya amat bersetuju dalam perkara ini. Saya mencadangkan setelah dimansuhkan diminta Jabatan Keretapi ini diletak di bawah satu agensi Kerajaan supaya dapat menjalankan betul-betul secara commercial atau perniagaan yang boleh mendatangkan untung kepada Perkhidmatan Keretapi itu sendiri dan juga dengan adanya sistem yang baru itu dapat kita membaiki kedudukan Keretapi Tanah Melayu

yang ada dalam negara kita, begitu juga di Sabah dan Sarawak secara commercial. Dengan ini saya percaya akan membetulkan dan kelemahan-kelemahan public transport system atau sistem pengangkutan orang awam yang ada di dalam negara kita yang masih lemah ini. Jadi saya berharap sangatlah dengan pindaan-pindaan ini rakyat sesungguhnya dapat menikmati segala kelemahan-kelemahan yang sedang berlaku dalam negara kita.

Akhir, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik hati Fasal 15 Perkara 150 yang mana memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan darurat. Pada pendapat saya ini adalah satu pandangan bagi pihak Kerajaan secara jauh dan serius memandangkan bukan sahaja masalah negara kita yang berbilang kaum dan juga berbilang ugama yang sedang membangun dan ramai pula di antara warganegara kita yang baru dilahirkan setelah merdeka yang mereka ini mengetahui sedikit sangat latar belakang perjuangan negara kita mencapai kemerdekaan. Itu satu perkara dan juga yang paling penting ialah negara kita ini dikelilingi ataupun berdekatan dengan negara-negara asing terutamanya sekali sebelah utara yang mana pengaruh komunis sedang menular daripada satu kawasan ke satu kawasan.

Jadi dengan adanya pindaan Perlembagaan Perkara 150 ini, saya percaya akan memberi jaminan keselamatan kepada negara kita lebih terjamin dan saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan-pindaan Perlembagaan ini ialah bertujuan untuk mencapai matlamat dasar perpaduan negara kita dan saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah berani mengadakan pindaan Perlembagaan ini yang saya anggap sebagai sediakan payung sebelum hujan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Semerah.

8.15 mlm.

Puan Shariffah Dorah binti Mohamed (Semerah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan Perlembagaan ini. Undang-undang atau kanun ada dua kategori, satu kanun semawi undang-undang langit yang tidak boleh dipinda, dua undang-undang

wat'ie iaitu undang-undang hantaran dan susunan manusia boleh dipinda, ditambah, dibuang mengikut keperluan dengan tujuan memberikan yang ampunya hak akan haknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pindaan bagi Perkara 89, Fasal 7 (b) dalam Fasal 3. Kuasa tanah adalah biasanya hak mutlak Kerajaan Negeri, tetapi di antara setengah negeri dengan setengah negeri terdapat perbezaan dalam memberikan label bumiputra. Umpamanya, di negeri Johor kiranya saya sendiri dan Tuan Yang di-Pertua berketurunan Arab, kami tidaklah dianggap sebagai bumiputra, di mana kami

Tuan Yang di-Pertua: Soal pindaan ini tidak kena-mengena dengan takrif. (*Ketawa*).

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed: Ini fasal Melayu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi tidak kena-mengena dengan takrif ini tentang rezab orang Melayu yang digantikan dengan lain—bukan tarif—bukan.

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed: Tidak apa! Kami tidak diberi hak untuk mendapat rumah murah, bahkan kami diberikan quota yang kecil dengan ditempatkan di kawasan-kawasan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Mana ada hal kisah rumah di sini.

Puan Shariffah Dorah binti Mohamed: Yang mendukacitakan juga baru-baru ini satu keadaan amat mengejutkan bahawa kawasan tanah pesaka yang kebanyakannya pemastautinnya terdiri daripada Melayu keturunan Arab telah dibekukan (freeze) dengan alasan tanah pesaka ini tidak dapat diselesaikan kerana sentiasa bergaduh adik beradik dan anak beranak. Tetapi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pembangunan tidak dapat dilaksanakan adalah kerana kelambatan pihak Kerajaan meluluskan kuasa dan mengeluarkan geran. Di atas tanah yang saya sebutkan ini, pihak kami telahpun mendirikan sebuah kompleks 6 tingkat tanpa meminjam.....

Tuan Yang di-Pertua: Ini luar sedikit daripada pindaan ini, tidak usah cakup yang itu.

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed: Dengan ini saya berharap segala tanah orang Melayu jika diambil oleh Kerajaan hendaklah diserahkan kepada orang Melayu sendiri untuk memajukannya. Kerana dengan adanya asuhan dan didikan daripada pihak Kerajaan selama ini sudah ramai orang Melayu mempunyai kebolehan dan keupayaan dan janganlah masih ada perasaan rendah diri dan tidak percayakan bangsa sendiri.

Lagi satu berkenaan dengan mana-mana tanah lain yang serupa jenisnya dengan tanah itu dan seluas tidak lebih daripada luas tanah itu, jadi kadang-kadang tanah Melayu yang diambil itu terletak di kawasan bandar seluas 3 ekar ataupun 2 ekar, tetapi akan digantikan dengan kawasan yang jauh daripada kawasan luar bandar akan digantikan dengan seluas kawasan itu juga tentulah tidak menasabah dan tidak sesuai. Oleh itu, haraplah diadakan supaya dipersesuaikan dengan gantinya yang akan diberikan itu. Jadi, dengan ini saya menyokong pindaan Perlembagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datoh.

8.18 mlm.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad (Bagan Datoh): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil sedikit masa sahaja dalam perbahasan ini untuk menyatakan sokongan yang penuh kepada pindaan Perlembagaan ini, khusus mengenai kuasa istimewa yang akan diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat pada bila-bila masa, adalah suatu yang sangat-sangat mustahak memandangkan perkembangan-perkembangan politik, bukan sahaja di dalam negeri tetapi juga perkembangan-perkembangan politik di luar negeri dan juga di antarabangsa pada masa ini.

Seerti diketahui bukan sahaja golongan komunis, bukan sahaja negara-negara komunis selalu menyebutkan tentang revolusi dan tentang meluahkan revolusi komunis ini kepada negara-negara yang belum menjadi komunis, tetapi dalam masa-masa yang akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa buah

negara-negara yang telah mengubah corak pemerintahannya dengan cara revolusi dan revolusi ini mempunyai ideologi yang tertentu. Negara-negara ini dengan nyata dan terang telah menzahirkan bahawa mereka akan memindahkan, mereka akan melimpahkan revolusi mereka itu ke negara-negara lain, bahawa ini adalah tugas suci kepada mereka sendiri.

Jika revolusi-revolusi ini melanda ataupun datang dialih sampai ke negara kita maka ia bukan sahaja akan merobah—barang dijauhkan Allah—akan merobah struktur pemerintahan negara tetapi akan menyapakan sama sekali demokrasi seperti apa yang kita nikmati pada masa ini. Kuasa ini memang sangat-sangat perlu untuk mencegah semua ini daripada berlaku oleh sebab kita hendak mengekalkan struktur pemerintahan kita yang ada sekarang ini dan kalau kita berkehendakkan satu-satu perubahan, kita akan memindanya secara demokrasi berparlimen.

Kita menolak sebarang faham revolusi; kita akan menjauhkan sebarang banjir revolusi dari datang ke tanahair kita dan oleh itu kuasa istimewa bagi Ketua Negara ini adalah perlu malah, setengah-setengah negara yang baru merdeka telah memberikan kuasa-kuasa yang lebih besar lagi kepada Ketua-ketua atau Kepala-kepala Negara mereka. Saya harap bahawa Kerajaan kita akan dapat memikirkan ini pada masa akan datang dan kita tidak boleh teragak-agak di dalam meminda Perlembagaan kita untuk membuat apa sahaja yang perlu bagi menyelamatkan kehidupan seperti yang ada sekarang ini.

Selain daripada itu masalah yang menjadikan pindaan ini lebih penting, ialah seperti diketahui sekarang ini masalah pelarian politik. Masalah pelarian politik adalah satu masalah yang menghadapi dunia antarabangsa pada masa ini. Kita juga mungkin akan menghadapi masalah ini pada satu masa ke hadapan dan kuasa yang kita berikan kepada Kepala Negara untuk mengisytiharkan darurat untuk mencegah sebarang kerumitan, sebarang keruncingan politik yang boleh ditimbulkan oleh pelarian-pelarian politik ini adalah sangat-sangat perlu dan oleh sebab itulah kita tidak boleh ragu-ragu lagi menyokong sepenuh-penuhnya

tidak lagi menyebut tentang kafir mengkafir dan sebagainya dan saya ingin tahu sama ada dengan isu pindaan Undang-undang ini dia akan dapat kemenangan atau tidak, yang saya tahu dia akan bersandar kepada tafsiran-tafsiran Quran yang menyeleweng supaya menakut-nakutkan orang-orang kampung. Inilah cara partinya, bukan berpegang kepada yang asas dan yang benar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ahli daripada parti Pembangkang mendapat peluang untuk memberi latar belakang, saya juga ingin memberi latar belakang pindaan kepada Rang Undang-undang ini. Kita harus ingat bahawa negara kita ini walaupun aman damai kerana mempunyai satu Kerajaan yang cekap seperti Barisan Nasional tetapi keadaan di dalam negara kita ini bukanlah 100% selamat kerana kita masih ada di dalam negara kita ini orang-orang jahat yang memikul senjata yang menyerang apabila mereka diberi peluang menyerang. Mereka ini membunuh di sana sini, mengganas, mencederakan pasukan-pasukan keselamatan dan sebagainya. Kita terpaksa melawan mereka ini dengan menggunakan undang-undang yang istimewa, sebab itu keadaan darurat tidak boleh dibatalkan semata-mata kerana Dewan bersidang. Ada pendapat berkata kalau Dewan sudah bersidang maka tamatlah darurat. Pendapat yang semacam ini akan menimbulkan banyak masalah kepada kita kerana kita masih menghadapi bermacam-macam daripada pihak gerila-gerila komunis ini.

Selain daripada itu kita juga tahu bahawa dalam mentadbir sesebuah negara adalah lebih baik kita mengelak daripada sesuatu jenayah berlaku daripada cuma menghukum orang yang sudah melakukan jenayah. Ini dapat dilihat daripada peristiwa 13 Mei. Sebelum peristiwa 13 Mei tanda-tanda sudahpun dapat dilihat bahawa kecemasan akan berlaku. Tiga hari sebelum 13 Mei seorang daripada pekerja Parti Perikatan pada ketika itu telah dibunuh di Pulau Pinang. Juga telah diadakan satu perarakan di Kuala Lumpur ini oleh satu golongan extremist kiri yang mana dalam perarakan itu mereka telah mengejek-ejek pihak polis tetapi kerana kita bersikap lembut kepada mereka, mereka ini tidak sedikitpun menghirau kepada kita.

Kalaulah kita menggunakan kuasa darurat maka sudah tentu kita boleh menahan dan mencegah daripada berlakunya peristiwa 13 Mei. Tetapi kerana kita menunggu sehingga pembunuhan berlaku sehingga beratus-ratus orang mati barulah kita mengisytiharkan darurat, maka nyawa orang ini sudahpun kehilangan dan tidak ada satu yang boleh kita buat untuk memulangkan nyawa mereka yang sudah hilang. Kalaulah dapat kita mengisytiharkan darurat apabila sahaja ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa darurat akan berlaku, maka kita mungkin mengelak daripada berlakunya peristiwa seperti 13 Mei.

Sebab itu dalam pindaan Undang-undang ini kita memohon kuasa supaya sebelum berlaku sesuatu kecemasan yang boleh memburukkan keadaan di dalam negara, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan darurat. Tidak ada niat buruk di dalam itu dan kita dapat lihat rekod Kerajaan ini sejak ianya memerintah.

Ada juga tuduhan-tuduhan dibuat iaitu kita berniat untuk mengalahkan parti Pembangkang dengan mengadakan perisytiharan darurat. Tuan Yang di-Pertua, tanpa mengadakan perisytiharan darurat pun Pembangkang akan kalah (*Tepuk*). Baru-baru ini tidak cukup kita mengalahkan mereka, mereka sesama sendiripun mengalahkan. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar berpendapat bahawa had enam tahun bagi Senator ini terlalu pendek. Ialah, memanglah pendek bila dianya tidak ada dalam Kerajaan. Dahulu kita tahu banyak juga desakan-desakan supaya parti 'X' yang tidak ada keupayaan lagi diberi tempat di dalam Dewan Senet tetapi sekarang ini sudah tidak boleh hendak mohon yang itu, tidak begitu setujulah, kita pun tahulah sebabnya. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat suka 'cross the floor', bukanlah kita hendak sangat, boleh ditimbang (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga berpendapat bahawa kalau sudah dinaikkan pangkat jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, kita patut terus boleh berniaga kerana

tidak ada masalah kalau kita berniaga dan kita buat kerja di dalam Dewan ini. Kita berpendapat berbeza sedikit daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar itu. Kita tahu rekod di Kelantan umpamanya bila jadi Ahli Yang Berhormat dan Ahli Exco dan sebagainya memanglah perniagaan menjadi tujuan utama. Tetapi kita tidak ingin melihat perbuatan semacam ini, sebab itu kita menghadkan mereka yang telah dilantik untuk mengurus Dewan-dewan Undangan Negeri dan Rakyat tidak terlibat di dalam perniagaan. Walau bagaimanapun, kalau Ahli Yang Berhormat dan partinya mendapat kemenangan yang besar sehingga 2/3 daripada Dewan ini terdiri daripada parti PAS bolehlah mereka mengubah balik undang-undang ini supaya mereka terus boleh berniaga (*Ketawa*).

Ahli Yang Berhormat dari Jasin telah mengesyorkan supaya pindaan dibuat dalam Rang Undang-undang ini supaya gantian kepada tanah rezab Melayu itu bukanlah tanah yang sama jenisnya dan luasnya tetapi tanah yang tidak dihadkan jenis-jenisnya. Perkara ini telahpun difikirkan oleh pihak Kerajaan tetapi pihak Kerajaan berpendapat bahawa pengantiannya mestilah mempunyai asas. Kita tahu umpamanya di zaman British dahulu biasanya pihak British bila mengeksaiskan sebidang tanah rezab Melayu yang berharga tinggi, umpamanya tanah yang mempunyai bijih baik untuk melombong, mereka menggantikan dengan tanah hutan yang tidak ada harga. Kita tidak ingin berbuat demikian dan kita berharap dengan adanya peruntukan ini maka kepentingan-kepentingan rezab Melayu akan terpelihara.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah bercakap berkenaan dengan Constitution sebagai Supreme Law of the country. Memanglah benar Constitution menjadi Supreme Law tetapi Constitution mana-mana negeri juga boleh dipinda dan pindaan menjadi penting kerana keadaan di dalam sesebuah negeri bukanlah static, ia berubah daripada masa ke semasa. Sebab itu undang-undang Perlembagaan Amerika Syarikat juga telah dipinda 25 kali. Mungkin kita menganggap bahawa kita meminda Constitution ini agak kerap sedikit tetapi pindaan kepada Constitution ini menjadi

kerap sedikit kerana keadaan dalam negara kita berbeza daripada keadaan dalam negara-negara lain. Walau bagaimanapun kita tidak meminda Constitution ini dengan sewenang-wenangnya.

Sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah berkata bahawa selepas kes Teh Cheng Poh ini Kerajaan telah "brooded for years," iaitu memikirkan perkara ini selama 2 tahun. Ini menunjukkan bahawa kita tidak membuat pindaan dengan secara tergesa-gesa, kita mengambil masa 2 tahun untuk meminda satu item sahaja di dalam undang-undang itu. Kalau kita hendak kita boleh meminda apabila sahaja berlaku kes Teh Cheng Poh ini tetapi kita memberi masa kepada diri kita memikirkan sedalam-dalamnya sebelum membuat pindaan. Sebab itu pindaan yang kita buat ini adalah pindaan yang waras dibuat, patut dibuat kerana kepentingan negara dan semua peruntukan-peruntukan yang dibuat ini adalah untuk menjamin negara kita ditadbir dengan cara yang sempurna.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong juga menyebut tentang telegram appeal yang diannya hantar kepada saya berkenaan dengan kes hukum gantung. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sesiapa yang suka terlibat dengan menjatuhkan hukum bunuh kepada sesiapa. Saya juga tidak ingin menjadi orang yang menentukan nyawa seseorang akan diragut tetapi apabila kita memegang jawatan yang mana diberi tanggungjawab untuk menjaga keamanan di dalam negara walaupun sesuatu itu adalah berat dipikul, tidak dapat tidak kita terpaksa memikulnya. Memang kalau boleh kita hendak lepaskan semua orang daripada hukum bunuh tetapi kita harus ingat bahawa kita menjatuhkan hukuman ini untuk menyelamatkan orang lain supaya tidak dibunuh. Kita dapat lihat peristiwa di lain negeri di mana hukum bunuh ini sudahpun dibatalkan dan apabila sahaja dibatalkan, maka ramailah orang yang mencuba membunuh dan membunuh kerana mereka yakin mereka tidak akan dikenakan hukum bunuh.

Di dalam negara kita, kita dapati bahawa penggunaan senjata terdapat terlalu kerap dan ramai orang yang telah ditembak mati, dalam masa 2-3 minggu inipun telah kita baca dalam suratkhbar. Juga dalam negara kita

satu bahaya yang terbesar sekali ialah bahaya dadah yang mana sudah melibatkan hampir 300,000 orang penduduk ataupun warganegara Malaysia. Mereka ini terdiri daripada orang muda, belia yang menjadi harapan bangsa tetapi 300,000 orang ini sudah tidak lagi menjadi harapan bangsa bahkan menjadi beban kepada bangsa mereka, negara mereka dan keluarga mereka. Apabila terlibat dengan dadah ini mereka sanggup membunuh, sanggup mencuri daripada keluarga mereka sendiri, sanggup membuat apa sahaja jenayah asalkan mereka dapat membeli dadah ini. Sudah tentu orang yang mengedar dadah ini merupakan orang yang mengkhianati negara kita dan mereka haruslah dihukum gantung ataupun hukum bunuh kerana jenayah mereka begitu buruk sekali. Sebab itu kita mempunyai hukum gantung ini dan kita tidak boleh melonggarkan semata-mata kerana seorang peguam menghantar satu telegram kepada saya (*Tepuk*). Proses sebelum hukum gantung ini dijalankan adalah satu proses yang cukup panjang yang mana orang yang dikenakan hukum itu diberi seberapa banyak peluang untuk melepaskan diri mereka. Apabila mereka sudah sampai kepada appeal yang penghabisan tidaklah akan bermakna kalau selepas appeal itu ditolak, maka sekeping telegram sudah mencukupi untuk membebaskannya. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menjawab telegram itu kerana kalau saya jawab dikatakan bahawa saya menolak telegram itu, sekali lagi ini juga akan menjadi bahan debate bagi Ahli Yang Berhormat yang tidak ada modal lagi (*Tepuk*).

Ahli Yang Berhormat itu juga menyebut tentang Amnesty International. Amnesty International ini bagi Ahli Yang Berhormat nampaknya sebagai satu badan yang tidak tahu salah sama sekali, semuanya betul tetapi kalau kita perhatikan gerak-geri Amnesty International ini kita akan dapati bahawa mereka enggan menegur negara-negara yang lain seperti serangan apa yang berlaku di Afghanistan sekarang ini yang mana begitu ramai orang telah ditangkap dan dibunuh, tidak ada mereka ini menjadikan orang itu sebagai "prisoner of conscience" dan sebagainya, tetapi mereka diberi peluang datang ke negara kita ini untuk membuat selidikan tetapi laporan yang mereka buat itu

tidak tepat dan cuma untuk membakarkan hati orang sahaja, sebab itu laporan itu tidak dibenarkan di dalam negara kita. Tentang orang lain ingin membaca di tempat lain, itu masalah mereka kerana di dalam dunia ini terdapat banyak ahli pembohong dan di dalam Dewan inipun kadang-kadang kita dengar mereka bertutur kata (*Tepuk*).

Saya tidak sedikit pun merasa malu tentang negara kita Malaysia. Negara kita Malaysia bukan menjadi "laughing stock" kepada sesiapa. Saya pergi ke merata-rata negeri untuk menjemput orang lain melabur di dalam negara kita dan mereka penuh kepujian terhadap Malaysia sebagai sebuah negara yang amat stabil yang mempunyai ekonomi yang kukuh, pentadbiran yang cekap yang boleh menguruskan sesuatu dengan sempurna.

Ini adalah remark daripada genuine investors yang datang untuk melabur di dalam negara kita. Berbeza dengan orang seperti ahli-ahli Amnesty International ini yang datang di sini dengan niat untuk membuat laporan yang buruk semata-mata. Saya ingin bertanya dari mana ahli-ahli Amnesty International ini datang? Apakah negara mereka tidak mempunyai kes-kes tekanan penindasan seperti yang mereka menuduh kita ini menindas? Sebenarnya kebanyakan daripada orang-orang ini masa kita dijajah oleh British dulu tidak pula bergiat untuk menubuhkan Amnesty International dan sebagainya, sedangkan di masa kita dijajah dahulu ramai juga orang-orang yang telah dimasukkan dalam tahanan oleh pihak British tetapi tidak ada masa itu Amnesty International. Sekarang ini orang British pula jadi ahli Amnesty International dan membuat teguran kepada kita.

Saya ingin memberitahu kepada Amnesty International serta penyokong-penyokongnya daripada Dewan ini bahawa kita belajar undang-undang tahanan ini daripada British. Mereka yang membuat undang-undang ini dahulu, kita cuma melangsungkan pelajaran yang kita dapati daripada mereka (*Tepuk*). Jadi sebelum mereka menegur kita, tegurlah diri mereka dahulu.

Satu perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang mungkin tidak ada

kaitan dengan Dewan ini tetapi dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegur sedikit ialah berkenaan dengan peranan Bar Council. Katanya Bar Council ini adalah satu statutory body yang ditubuhkan untuk advise Kerajaan (*Ketawa*). Saya percaya Ahli Yang Berhormat ini menggunakan perkataan "advise" itu macam mentor British. Zaman British dahulu ada "British Adviser, whose advice must be followed". Jadi ini pun dia hendak supaya Bar Council ini bila beri advice, kita kena follow, tidak boleh tolak. Itu dia hendak beri advice, boleh beri advice, tetapi tidak semestinya Kerajaan akan menerima advicenya. Dia boleh advise, tetapi apakah ianya mesti advise dengan mengadakan demonstrasi di pintu Dewan Parlimen sedangkan sebagai orang-orang yang menjadi practitioners of the law mesti tahu bahawa tidak patut dia ada sebarang gangguan di masa Dewan bersidang. Tetapi mereka cuba membuat gangguan, cuba memecah keamanan Dewan ini kerana ingin menekankan pendapat mereka ke atas kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah demokrasi kita ini bermakna kita mesti menurut tekanan-tekanan daripada pressure groups, saya ingin tahu sama ada pihak Bar Council dan officenya sanggup menerima 30,000-40,000 orang ahli UMNO yang akan membuat demonstrasi di bangunan Bar Council supaya mereka jangan lagi membuat protes berkenaan dengan ini. Jadi kita tengoklah siapa yang lebih berat tekanan. Kalau mereka menganggap bahawa demokrasi bermakna mesti patuh kepada pressure group, kita mempunyai lebih banyak pressure daripada pressure yang ada kepada Bar Council (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak dwell too much berkaitan dengan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sebab dia ini nampak marah sedikit kepada saya, fasal saya senyum! (*Ketawa*). Next time I'll put out my tongue! (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru telah menyentuh tentang favourite subjectnya iaitu grant kerana pengeluaran beras daripada negeri Kedah. Kita telah memberi banyak grant dan pada hari ini kita telah menaikkan grant jalanraya dan sebagainya. Tetapi rice

grant ini walaupun saya datang daripada Kedah dan dipilih oleh penanam-penanam padi sendiri, saya berpendapat kalau hendak beri rice grant ini kita hendak kena beri rubber grant, tin grant, palm oil grant dan macam-macam grants lagi. Mereka ini bukan setakat save foreign exchange kerana tidak payah beli. Mereka ini sebenarnya membawa masuk foreign exchange, kerana mereka menjual bijih timah, kelapa sawit dan getah ini keluar negeri dan jualan itu membawa masuk foreign exchange. Kalau rice ini setakat save foreign exchange tidak payah keluar duit lagi; ini bawa masuk. Jadi orang lain pula nanti hendak minta special grant sebab dia bawa masuk. Trengganu probably nanti minta lebih banyak sekali sebab dia bawa masuk berjuta-juta ringgit foreign currency kerana kita menjual minyak kepada Jepun mendapat Yen; kepada Amerika mendapat dollars dan sebagainya. Jadi dengan sebab itu kita tidak dapat menimbang untuk memberi grant ini. Walau bagaimanapun, saya percaya Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan akan menimbangkan untuk membantu Negeri Kedah termasuk juga Kulim-Bandar Bahru (*Ketawa*) bila dianya mempunyai duit yang banyak daripada menjual minyak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah membuat beberapa teguran tetapi hampir kesemuanya berkisar berkenaan dengan perkara yang sama dan saya tidak berhajat untuk menyentuh apa yang telah dibangkitkan oleh mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling bercakap berkenaan dengan "separation of powers". Dia menuduh bahawa pihak executive sekarang ini sudah mengambil alih kuasa-kuasa mahkamah. Sebenarnya perkara ini tidak berlaku dan sebaliknya kita dapati bahawa officers of the court iaitu peguam-peguam yang juga menjadi officers of the court cuba menjadi legislators. Mereka juga tidak menghormati separation of powers ini. Sepatutnya peguam-peguam cuma menguatkuasakan undang-undang. Tugas membuat undang-undang adalah tugas ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat. Kalau undang-undang ini hendak diserahkan kepada peguam-peguam sahaja maka merekalah yang menjadi Penggubal Undang-undang, pelaksana

undang-undang dan penguatkuasa undang-undang dan ini tentulah merupakan satu keadaan yang mana tidak ada separation of powers. Sekarang ini memang ada pembahagian kuasa diantara pihak legislators, pihak yang menguatkuasakan undang-undang dan pihak yang menjalankan undang dan pihak yang menjalankan pentadbiran ataupun the Executive Branch. Dan keadaan ini akan kekal selama ada Kerajaan Barisan Nasional di dalam negara. Kalau sudah tidak ada Barisan Nasional, mungkinlah separations of powers ini tidak akan ada lagi dan semuanya akan diserahkan bulat-bulat kepada Secretary-General sahaja (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, soal right to property telah juga dibangkit. Saya tidak nampak sedikit pun merit dalam argument yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat, oleh itu saya tidak bercadang untuk menjawabnya.

Berkenaan dengan pengambilan harta orang-orang yang terlibat di dalam kegiatan subversive, memanglah ini sesuatu yang sepatutnya dibuat. Kerana kita tahu bahawa mereka yang menjalankan kegiatan subversive bertujuan memburukkan keadaan keamanan di dalam negara kita dan kalau alat-alat yang digunakan oleh mereka tidak dapat dirampas oleh kita maka sudah tentu kita tidak dapat menjalankan pentadbiran secara yang sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja yang ingin saya sebutkan di sini bagi menjawab hujjah-hujjah yang telah dibangkit di dalam perbahasan ini (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Article 159 Perlembagaan berkehendakkan sesuatu pindaan di atas Perlembagaan itu hendaklah disetujui oleh tidak kurang dari dua pertiga daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dengan sebab itu untuk memutuskan soal ini sama ada disetujui untuk dibacakan kali kedua memerlukan keputusan mengikut belah-bahagian, dengan sebab itu, bunyikan loceng untuk belah-bahagian.

(*Loceng dibunyikan*).

Ahli-ahli Yang Berhormat tiap-tiap belok ini, belok A, B, C, D, E dan F tiap-tiap seorang ada penghitung undi. Saya jemput

sekarang penghitung undi belok A datang ke depan iaitu Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, belok B iaitu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah belok C iaitu Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda datang ke depan, belok D Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson, belok E Ahli Yang Berhormat dari Parit dan belok F Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Lepas ini saya akan minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat berdiri dan tiap-tiap seorang akan ditanya bersetuju atau tidak bersetuju dan setelah menjawab bersetuju atau tidak bersetuju, silalah duduk. Lepas itu saya minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi serahkan kertas itu kepada Setiausaha Parlimen yang lepas menghitungnya serahkan pula kepada saya dan saya akan umumkan. Sila Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berdiri.

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah-bahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, keputusan undi adalah seperti berikut:

Yang Bersetuju 118 Undi (*Tepuk*)

Yang Tidak Bersetuju 12 Undi

YANG BERSETUJU

1. Dato Hussein Onn.
2. Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad.
3. Dato Lee San Choon.
4. Tan Sri Ong Kee Hui.
5. Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie.
6. Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani.
7. Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj.
8. Dato Musa bin Hitam.
9. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.
10. Tan Sri Chong Hon Nyan.
11. Dato Shariff Ahmad.
12. Dato Mohamed bin Rahmat.
13. Dato Richard Ho Ung Hun.
14. Dato Paul Leong Khee Seong.
15. Dato Abdul Manan bin Othman.

16. Datuk Leo Moggie anak Irok.
17. Dato Dr Neo Yee Pan.
18. Dato S. Samy Vellu.
19. Dato Mokhtar bin Haji Hashim.
20. Datin Paduka Rafidah Aziz.
21. Dr Sulaiman bin Haji Daud.
22. Dato Chan Siang Sun.
23. Dr Goh Cheng Teik.
24. Tuan Edmund Langgu anak Saga.
25. Dato K. Pathmanaban.
26. Dato Lew Sip Hon.
27. Dr Ling Liong Sik.
28. Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman.
29. Dato Abdullah bin Abdul Rahman.
30. Tuan Sanusi bin Junid.
31. Dato Mak Hon Kam.
32. Dato Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak.
33. Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman.
34. Datuk Clarence E. Mansul.
35. Dato Chin Hon Ngian.
36. Dato Haji Embong bin Yahya.
37. Dato Shahrir bin Abdul Samad.
38. Tuan Abdullah bin Haji Ahmad.
39. Dato Abu Hassan bin Haji Omar.
40. Tuan William Lye Chee Hien.
41. Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin.
42. Tuan Bujang bin Haji Ulis.
43. Tuan Luhah Wan.
44. Tuan Jawan anak Empaling.
45. Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar.
46. Tuan Idris bin Abdul Rauf.
47. Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik.
48. Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed.
49. Datin Paduka Chow Poh Kheng.
50. Tuan V. Govindaraj.
51. Dato Mansor bin Othman.
52. Datuk Senu bin Abdul Rahman.
53. Tan Sri Datuk Haji Mohamed Said bin Keruak.
54. Dato Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud.
55. Dato Michael Chen Wing Sum.
56. Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof.
57. Dato Abdul Samad bin Idris.
58. Tan Sri Dato Syed Ahmad Shahabudin Al-haj.
59. Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff.
60. Dato' Haji Ramli bin Omar.
61. Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad.
62. Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin.
63. Tuan Oo Gin Sun.
64. Tuan Racha Umong.
65. Tuan Haji Hashim bin Endut.
66. Tuan Thomas Salang Siden.
67. Tuan Sibat Miyut anak Tagong.
68. Tuan Liben anak Kato.
69. Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya.
70. Datuk Lee Boon Peng.
71. Tuan Haji Hashim bin Ghazali.
72. Tuan Au How Cheong.
73. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi.
74. Tuan Abdul Ghani bin Misbah.
75. Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed.
76. Tuan Haji Ikhwan bin Nasir.
77. Tuan Haji Mohammad Taufek bin O.K.K. Haji Asneh.
78. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong.
79. Datuk Dr Wong Soon Kai.
80. Tuan Yang Choong Fu.
81. Tuan Tan Koon Swan.
82. Tuan Umar bin Haji Ismail.
83. Tuan Abbah bin Mengimbal.
84. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj.
85. Tuan Kamaluddin bin Maamor.
86. Tuan Abdul Rahman bin Daud.
87. Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali.
88. Tuan Hiew Nyuk Ying.
89. Tuan Seow Hun Khim.
90. Tuan Shaari bin Jusoh.
91. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais.
92. Datuk Stephen Yong Kuet Tze.
93. Datuk James Peter Ongkili.
94. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh.
95. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim.
96. Datuk Edwin anak Tangkun.

97. Dato Nik Hassan bin Wan Abdul Rahman.
98. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.
99. Tuan Lim Kiam Hoon.
100. Tuan Chieng Tiong Kai.
101. Dato Haji Yusof bin Malim Kuning.
102. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed.
103. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad.
104. Puan Wan Zainab binti M. A. Bakar.
105. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali.
106. Dato Dr Hee Tien Lai.
107. Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir.
108. Tuan Ismail bin Said.
109. Dr Tan Tiong Hong.
110. Datuk Leonard Linggi anak Jugah.
111. Tuan Awang bin Jabar.
112. Tuan Alias bin Md. Ali.
113. Tuan Hussein bin Mahmood.
114. Tuan Ismail bin Arshad.
115. Tuan Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.
116. Tuan Edward Esnen Unang.
117. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali.
118. Tuan Ibrahim bin Muhammad.

YANG TIDAK BERSETUJU

1. Tuan Lim Kit Siang.
2. Dr Chen Man Hin.
3. Tuan Lee Lam Thye.
4. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar.
5. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.
6. Tuan Lee Kaw.
7. Tuan Peter Paul Dason.
8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.
9. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali.
10. Tuan Karpal Singh.
11. Tuan Fung Ket Wing.
12. Tuan Ting Chek Ming.

YANG TIDAK MENGUNDI

Tiada

Oleh sebab lebih ramai suara yang bersetuju maka Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5—

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Fasal 5 dipinda seperti berikut:

Fasal 5 perenggan (*d*)

Masukkan perkataan-perkataan “adalah atau” sebelum sahaja perkataan-perkataan “menjadi ahli”.

Clause 5 paragraph (*d*)

Insert the words “is or” immediately before the word “becomes”.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan ini sebenarnya bukanlah suatu pindaan yang berkehendakkan notis, tetapi sebenarnya membetulkan apa yang ketinggalan di dalam cetakan ini.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 5 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 6—

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Fasal 6 dipinda seperti berikut:

Fasal 6 perenggan (*d*)

Masukkan perkataan-perkataan “adalah atau” sebelum sahaja perkataan-perkataan “menjadi ahli”.

Clause 6 paragraph (*d*)

Insert the words “is or” immediately before the word “becomes”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 6 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 8—

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Fasal 8 dipinda seperti berikut:

Fasal 8 perenggan (c)

Masukkan perkataan-perkataan “adalah atau” sebelum sahaja perkataan-perkataan “menjadi seorang ahli”.

Clause 8 paragraph (c)

Insert the words “is or” immediately before the word “becomes”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 8 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 9 hingga 15 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 16—

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Fasal 16 dipinda seperti berikut:

Fasal 16 perenggan (b)

Masukkan perkataan-perkataan “adalah atau” sebelum sahaja perkataan-perkataan “menjadi ahli”.

Clause 16 paragraph (b)

Insert the words “is or” immediately before the word “becomes”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 16 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 17 hingga 19 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Perlembagaan telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan pindaan dan saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Dato Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab bacaan kali yang ketiga juga memerlukan kelebihan 2/3 maka sekali lagi hendak diadakan belah-bahagian (division). Tolong bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan)

Saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi keluar semula seperti tadi. Saya jemput semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berdiri.

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah-bahagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti juga masa meluluskan bacaan kali yang kedua tadi, patut saya sebutkan juga 2/3 berkehendakkan 103 Ahli Yang Berhormat yang bersetuju.

Sekarang keputusan bagi bacaan kali yang ketiga ini ialah:

Yang bersetuju .. 118 (*Tepuk*)

Yang tidak bersetuju 12

YANG BERSETUJU

1. Dato Hussein Onn.
2. Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad.
3. Dato Lee San Choon.
4. Tan Sri Ong Kee Hui.
5. Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie.

6. Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani.
7. Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj.
8. Dato Musa bin Hitam.
9. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah.
10. Tan Sri Chong Hon Nyan.
11. Dato Shariff Ahmad.
12. Dato Mohamed bin Rahmat.
13. Dato Richard Ho Ung Hun.
14. Dato Paul Leong Khee Seong.
15. Dato Abdul Manan bin Othman.
16. Datuk Leo Moggie anak Irok.
17. Dato Dr Neo Yee Pan.
18. Dato S. Samy Vellu.
19. Dato Mokhtar bin Haji Hashim.
20. Datin Paduka Rafidah Aziz.
21. Dr Sulaiman bin Haji Daud.
22. Dato Chan Siang Sun.
23. Dr Goh Cheng Teik.
24. Tuan Edmund Langgu anak Saga.
25. Dato K. Pathmanaban.
26. Dato Lew Sip Hon.
27. Dr Ling Liong Sik.
28. Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman.
29. Dato Abdullah bin Abdul Rahman.
30. Tuan Sanusi bin Junid.
31. Dato Mak Hon Kam.
32. Dato Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak.
33. Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman.
34. Datuk Clarence E. Mansul.
35. Dato Chin Hon Ngian.
36. Dato Haji Embong bin Yahya.
37. Dato Shahrir bin Abdul Samad.
38. Tuan Abdullah bin Haji Ahmad.
39. Dato Abu Hassan bin Haji Omar.
40. Tuan William Lye Chee Hien.
41. Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin.
42. Tuan Bujang bin Haji Ulis.
43. Tuan Luhah Wan.
44. Tuan Jawan anak Empaling.
45. Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar.
46. Tuan Idris bin Abdul Rauf.
47. Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik.
48. Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed.
49. Datin Paduka Chow Poh Kheng.
50. Tuan V. Govindaraj.
51. Dato Mansor bin Othman.
52. Datuk Senu bin Abdul Rahman.
53. Tan Sri Datuk Haji Mohamed Said bin Keruak.
54. Dato Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud.
55. Dato Michael Chen Wing Sum.
56. Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof.
57. Dato Abdul Samad bin Idris.
58. Tan Sri Dato Syed Ahmad Shahabudin Al-haj.
59. Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff.
60. Dato' Haji Ramli bin Omar.
61. Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad.
62. Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin.
63. Tuan Oo Gin Sun.
64. Tuan Racha Umong.
65. Tuan Haji Hashim bin Endut.
66. Tuan Thomas Salang Siden.
67. Tuan Sibat Miyut anak Tagong.
68. Tuan Liben anak Kato.
69. Dato Hishamuddin bin Haji Yahaya.
70. Datuk Lee Boon Peng.
71. Tuan Haji Hashim bin Ghazali.
72. Tuan Au How Cheong.
73. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi.
74. Tuan Abdul Ghani bin Misbah.
75. Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed.
76. Tuan Haji Ikhwan bin Nasir.
77. Tuan Haji Mohammad Taufek bin O. K. K. Haji Asneh.
78. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong.
79. Datuk Dr Wong Soon Kai.
80. Tuan Yang Choong Fu.
81. Tuan Tan Koon Swan.
82. Tuan Umar bin Haji Ismail.
83. Tuan Abbah bin Mengimbal.
84. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj.

85. Tuan Kamaluddin bin Maamor.
86. Tuan Abdul Rahman bin Daud.
87. Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali.
88. Tuan Hiew Nyuk Ying.
89. Tuan Seow Hun Khim.
90. Tuan Shaari bin Jusoh.
91. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais.
92. Datuk Stephen Yong Kuet Tze.
93. Datuk James Peter Ongkili.
94. Tuan Shamsuri bin Md. Salleh.
95. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim.
96. Datuk Edwin anak Tangkun.
97. Dato Nik Hassan bin Wan Abdul Rahman.
98. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim.
99. Tuan Lim Kiam Hoon.
100. Tuan Chieng Tiong Kai.
101. Dato Haji Yusof bin Malim Kuning.
102. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed.
103. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad.
104. Puan Wan Zainab binti M. A. Bakar.
105. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali.
106. Dato Dr Hee Tien Lai.
107. Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir.
108. Tuan Ismail bin Said.
109. Dr Tan Tiong Hong.
110. Datuk Leonard Linggi anak Jugah.
111. Tuan Awang bin Jabar.
112. Tuan Alias bin Md. Ali.
113. Tuan Hussein bin Mahmood.
114. Tuan Ismail bin Arshad.
115. Tuan Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad.

116. Tuan Edward Esnen Unang.
117. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali.
118. Tuan Ibrahim bin Muhammad.

YANG TIDAK BERSETUJU

1. Tuan Lim Kit Siang.
2. Dr Chen Man Hin.
3. Tuan Lee Lam Thye.
4. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar.
5. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat.
6. Tuan Lee Kaw.
7. Tuan Peter Paul Dason.
8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.
9. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali.
10. Tuan Karpal Singh.
11. Tuan Fung Ket Wing.
12. Tuan Ting Chek Ming.

YANG TIDAK MENGUNDI

Tiada

Dan oleh sebab yang bersetuju lebih daripada 2/3 yang dikehendaki oleh Perlembagaan, maka Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sekarang sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.27 malam.